

# PENYATA RASMI

## PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

---

**Hari** : 4 MEI 2010 (Selasa)

**Tempat** : Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang,

**Jam** : 9.30 Pagi.

---

#### HADIR

| Bil. | Nama                                         | Jawatan/Ahli Kawasan              |
|------|----------------------------------------------|-----------------------------------|
| 1.   | Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain      | Speaker                           |
| 2.   | Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng                     | Ketua Menteri - Air Putih         |
| 3.   | Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman            | Setiausaha Kerajaan Negeri        |
| 4.   | Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus            | Pegawai Kewangan Negeri           |
| 5.   | Y.B. Tuan Mansor bin Othman                  | Timbalan Ketua Menteri I          |
| 6.   | Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy    | Timbalan Ketua Menteri II         |
| 7.   | Y.B. Tuan Chow Kon Yeow                      | Padang Kota                       |
| 8.   | Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim   | Batu Maung                        |
| 9.   | Y.B. Tuan Lim Hock Seng                      | Bagan Jermal                      |
| 10.  | Y.B. Tuan Law Heng Kiang                     | Batu Lancang                      |
| 11.  | Y.B. Tuan Law Choo Kiang                     | Bukit Tambun                      |
| 12.  | Y.B. Tuan Wong Hon Wai                       | Air Itam                          |
| 13.  | Y.B. Puan Ong Kok Fooi                       | Berapit                           |
| 14.  | Y.B. Tuan Tan Hock Leong                     | Timbalan Speaker/Machang<br>Bubuk |
| 15.  | Y.B. Tuan Koay Teng Hai                      | Pulau Tikus                       |
| 16.  | Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN        | Sungai Bakap                      |
| 17.  | Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady       | Bagan Dalam                       |
| 18.  | Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man          | Permatang Pasir                   |
| 19.  | Y.B. Tuan Ng Wei Aik                         | Komtar                            |
| 20.  | Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin                      | Paya Terubong                     |
| 21.  | Y.B. Tuan Teh Yee Cheu                       | Tanjong Bunga                     |
| 22.  | Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh | Datok Keramat                     |
| 23.  | Y.B. Tuan Tan Cheong Heng                    | Padang Lalang                     |
| 24.  | Y.B. Tuan Ong Khan Lee                       | Kebun Bunga                       |
| 25.  | Y.B. Tuan Ong Chin Wen                       | Ahli Kawasan Bukit Tengah         |
| 26.  | Y.B. Tuan Sim Tze Tzin                       | Pantai Jerejak                    |
| 27.  | Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji | Seri Delima                       |
| 28.  | Y.B. Tuan Koid Teng Guan                     | Sungai Pinang                     |

|     |                                                |                    |
|-----|------------------------------------------------|--------------------|
| 29. | Y.B. Tuan Lau Keng Ee                          | Pengkalan Kota     |
| 30. | Y.B. Tuan Tan Beng Huat                        | Jawi               |
| 31. | Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam      | Batu Uban          |
| 32. | Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim              | Penaga             |
| 33. | Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya      | Telok Bahang       |
| 34. | Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid              | Telok Ayer Tawar   |
| 35. | Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad | Bayan Lepas        |
| 36. | Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed             | Sungai Dua         |
| 37. | Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah        | Seberang Jaya      |
| 38. | Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya             | Permatang Berangan |
| 39. | Y.B. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad     | Pulau Betong       |
| 40. | Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria                  | Sungai Acheh       |
| 41. | Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab             | Bertam             |

#### **TIDAK HADIR**

|    |                                    |   |                                |
|----|------------------------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli      | - | Penasihat Undang-undang Negeri |
| 2. | Y.B. Tuan Phee Boon Poh            | - | Sungai Puyu                    |
| 3. | Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) | - | Pinang Tunggal                 |

#### **TURUT HADIR**

|                                 |   |                                   |
|---------------------------------|---|-----------------------------------|
| Encik Baharuddin bin Ahmad Suri | - | Setiausaha Dewan Undangan Negeri. |
|---------------------------------|---|-----------------------------------|

## **Dewan Bersidang Pada Jam 9.30 Pagi**

### **Setiausaha:**

Doa

### **Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dewan bersidang semula. Saya ingin membuat satu pengumuman iaitu semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga semua yang berada di dalam Dewan ini, sila tutup telefon bimbit anda kerana kelmarin saya ada dengar bunyi telefon bimbit.

### **Setiausaha:**

Usul daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Seri Delima.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa kami, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas pada 3 Mei tahun 2010 ini. Y.B. Timbalan Tuan Speaker, ....(dengan izin), saya berterima kasih kepada Dewan ini kerana telah diberi peluang untuk mencadangkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu saya juga ingin berterima kasih kepada barisan pimpinan Ketua Menteri, EXCO-EXCO dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang lain kerana pada tahun ini sejak 2008 kita telah berjaya mentadbirkan Pulau Pinang dengan aman, damai dan juga memberikan balik kepada rakyat jelata di Pulau Pinang tidak kira bangsa, kemakmuran Negeri Pulau Pinang. Walaupun saya percaya Yang Berhormat daripada Datok Keramat, daripada Komtar membuat usul berkenaan dengan Program Penghargaan Warga Emas, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana ini adalah kali pertama kita melihat di seluruh Malaysia di mana sesebuah Kerajaan telah menghargai pengorbanan yang diberikan oleh warga emas dan walaupun pembayaran itu adalah sekadar RM100.00, saya mengambil kesempatan ini untuk membaca reaksi-reaksi yang telah dinyatakan oleh penerima-penerima yang telah disiarkan secara luas dalam surat khabar-surat khabar tempatan.... (dengan izin), Y.B. Tuan Speaker, umpamanya dalam surat khabar The Star Sunday 21 Mac 2010 menunjukkan gambar ceria berbilangan warga emas daripada orang Melayu, Cina dan India yang begitu berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah menghulurkan bantuan dan penghargaan kepada mereka.

Di sini saya memetik ....(dengan izin), seorang bernama A.A. Raja, beliau berkata seperti berikut "*A former TNB technician said he felt very honored to received a reward from the Chief Minister. When I was a civil*

*servant, I worked very hard for the Government. This reward is something great for me.*” Walaupun RM10.00 beliau kata beliau berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi pada masa yang sama saya amat dukacita dengan reaksi daripada Bahagian Pembangkang seperti biasa telah mengeluarkan beberapa kenyataan-kenyataan negatif terhadap inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Walaupun kita tahu sejak 50 tahun mereka memerintah di Pulau Pinang, ada banyak daripada Barisan EXCO yang sekarang telah menjadi pembangkang, saya rasa memang RM10.00 pun tidak pernah dihulurkan sebagai bantuan oleh mereka ketika mereka menjadi EXCO, satu sen pun tidak ada memang saya setuju tetapi saya tertarik dalam banyak-banyak liputan surat khabar terdapat satu liputan surat khabar yang menarik perhatian saya dan telah diserahkan kepada saya oleh salah seorang pengundi saya daripada Kawasan Sungai Gelugor dan juga Taman Tun Sardon dan juga merupakan Ahli Cawangan UMNO.

Beliau membaca surat khabar ini di mana ia memetik siapa lagi kalau bukan Ketua Pembangkang kita Y.B. Dato’ Haji Azhar yang berkata seperti berikut “Bukan Urus Tadbir CAT tetapi Ayam,” tidak tahulah apa yang dia faham tentang ayam. Ini adalah petikan yang telah dikatakan oleh beliau, Setiausaha UMNO Pulau Pinang Y.B. Dato’ Haji Azhar Ibrahim berkata tindakan itu bertujuan membeli undi selain membeli pengaruh dan jiwa rakyat Negeri ini. Saya amat tertarik dengan keratan akhbar ini yang telah diserahkan kepada saya oleh salah seorang Ahli Cawangan UMNO di Bukit Gelugor yang berbisik kepada saya. “Dulu masa dia dok pegang satu sen pun tidak dapat, siapa pun tidak dapat tetapi dia cakap pandai.” Saya tertarik kalau ini adalah reaksi beliau dia kata Kerajaan Negeri Pulau Pinang ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Yang Berhormat Seri Delima, saya ingin hendak dapatkan penjelasan. Adakah seorang yang bapa ayam melihat segala-galanya sebagai ayam?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya rasa itu adalah tersurat dan tersiratlah. Yang faham maknanya akan fahamlah tetapi Yang Berhormat Komtar, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian, saya hendak tahu adakah beliau berkata demikian bahawa tujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyerahkan RM100.00 kepada warga emas adalah bertujuan membeli undi maklumlah pada masa ini tidak ada pilihan raya yang berlaku, tidak ada pilihan raya yang berlangsung tetapi adakah ini apa yang telah dinyatakan oleh beliau dalam surat khabar jangan macam dulu petikan surat khabar The Sun itu tidak betul.

Saya cuma ingin tahu respons, adakah ini apa yang telah dinyatakan oleh beliau. Masa dulu masa dia menjadi EXCO, memang kita mengetahui pengetahuan umum satu sen pun tidak dibayar. Kalau tidak ada penjelasan tidak apa, mungkin beliau cuma hendak mendiamkan diri. Kita lihat perbandingan dalam keratan surat khabar *The Star*, boss dia siapa lagi Dato' Seri Najib memberi wang kepada pengusaha-pengusaha FELDA semasa Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor. Kita buat perbandingan. Apakah ungkapan dalam surat khabar tersebut. *An old problem solved, Najib handing over compensation to Felda Sungai Buaya settlers during his visit there yesterday. The settlers have been promised RM18.15 milion as payment for land they gave up for development 15 years ago.* Lima belas tahun duit ini tidak dibayar. Masa pilihan raya wang ini dibayar, bukankah ini menunjukkan dengan jelas Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan UMNO yang menggunakan rasuah untuk membeli undi. Apa jawapan? Apa penjelasan beliau? Lima belas tahun tanah ini telah di ambil alih, satu sen pun tidak dibayar, mujurlah kita ada satu pilihan raya. Disebabkan pilihan raya itu pengundi-pengundi di kawasan itu telah diberikan wang dan itu pun cuma wang bayaran deposit saya difahamkan dan diberitahu secara senyap-senyap, kalau Barisan tidak menang baki tidak akan dibayar, kalau Barisan menang baki akan dibayar. *Now*, tidak malukah membuat kenyataan begitu, Yang Berhormat? Tidak malukah? Apa penjelasan?

Kalau kita menuduh kata Kerajaan Negeri Pulau Pinang membeli undi dengan memberi bayaran RM100.00 kepada warga emas, tidak ada pilihan raya tidak berlaku tetapi kalau boss dia sendiri melakukan perkara yang begitu mengejikan, dah tahu akan kalah turun padang sendiri bayar wang tunai, di mana MACC? Mengapa tindakan tidak diambil? Sejak 15 tahun wang ini tidak dibayar tetapi Perdana Menteri sendiri turun membayar wang ini. Mengapa tindakan tidak diambil. Apa *respons* Yang Berhormat daripada Ketua Pembangkang kepada perkara ini? Bukankah ini taktik menunjukkan mereka membeli undi? Bukankah ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional menggunakan wang untuk membeli undi?

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ya.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Terima kasih, inilah yang dikatakan Yang Berhormat Speaker, Rakyat didahulukan, pencapaian dikemudiankan. Satu Malaysia! Hiduplah Malaysia.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan saya kata, terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Uban, ini bukan Satu Malaysia, tetapi sebenarnya saya rasa Tipu Malaysia, ini Tipu Malaysia dan kita tahu ini cuma *the tip of the iceberg* ...(dengan izin). Pada

hari pengundian kita difahamkan terdapat kejadian di mana pekerja-pekerja Barisan Nasional telah meminta pengundi-pengundi, mengundi menggunakan *handphone* mereka mengambil gambar yang dipangkah, keluar menunjukkan gambar itu dan selepas itu wang akan dibayar. Apakah respons yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional? Kalau tidak berani jawab tidak, apa gelak? Ini bukan hal untuk digelakkan. Tahulah kita kareh beliau menunjukkan punggung dan sebagainya dulu masa Persidangan Dewan Undangan Negeri, berikan jawapan, berikan jawapan kepada tuduhan ini. Saya membuat tuduhan ini. Ini adalah perkara yang berlaku semasa saya berada di tempat tersebut.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, saya sebenarnya tidak mahu berhujah lagi kerana selepas ini saya hendak berhujah tetapi nampaknya Seri Delima ini, kelmarin dia kata UMNO rasuah, bila dicabar suruh cakap di luar dia kata dia tidak mahu. Hari ini dia kata tangkap gambar pula, *you* ada buktikah? Buat tuduhan begitu dalam Dewan ini. Yang dikatakan bagi itu, bila dia bagi wang itu, setelah pilihan raya, selepas pilihan raya RM50.00 itu. Sekarang ini cakap pasal tunjuk punggung pula, melilau buat surat tunjuk punggung. Saya hendak kata dalam Malaysia ini ada dua orang, dua-dua daripada Pulau Pinang, dua-dua namanya bermula dengan A, dua-dua bin Ibrahim, dua-dua Ketua Pembangkang, satu dituduh tunjuk punggung, satu dituduh main punggung .... (gangguan), so apa *what*, so *what*?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat Tuan Speaker saya bantah, saya pohon ini ditarik balik.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tarik apa?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya pohon ditarik balik.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tarik apa?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak boleh gunakan perkataan itu, Y.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim masih dituduh, belum lagi didapati bersalah. Saya minta Ketua Pembangkang tarik balik.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya dituduh.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya minta itu ditarik balik, perkara itu dipertimbangkan di mahkamah, Dato' Seri Anwar Ibrahim belum didapati bersalah Saya minta beliau menarik balik perkataan itu.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Seri Delima.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya dituduh.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya minta beliau menarik balik, dia tunjuk punggung, dia tidak mahu tarik balik, tarik balik, tarik balik.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Seri Delima

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tengok hansard saya, saya kata saya dituduh, dia juga dituduh.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Seri Delima, Ahli Penaga tadi dia hanya cuma sebut A, dia tidak cakap nama penuh dalam Dewan ini. Ahli Seri Delima sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Penjelasan, Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

No, no Y.B. Tuan Speaker, ....(dengan izin), saya mengatakan ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Tuan Speaker, saya rasa siapa A itu Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, saya kata saya dituduh tunjuk punggung, seorang lagi di tuduh main punggung. Check balik dalam hansard.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itulah provokasi, itu dah salah.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Seri Delima. Sila teruskan perbahasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Perbezaannya Y.B. Tuan Speaker ....(dengan izin), Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini tak malu di Dewan di khalayak ramai ada wanita di sini dia menunjukkan punggung dia. Itu adalah hakikatnya. Telah disiarkan dalam surat khabar dan dia enggan meminta maaf. Berbanding dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim pula, duduk dulu. Saya kata duduk dulu. Saya tak bagi kebenaran. Duduk dulu.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Sila duduk Ahli Penaga.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tak bagi kebenaran. Ahli Penaga sila duduk.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Sila duduk Ahli Penaga kerana Ahli Seri Delima tak beri laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah seorang pemimpin yang telah dituduh fitnah, duduk saya tak beri kebenaran. Saya tak boleh terima tuduhan liar begini. Y.B. Tuan Speaker. Nak cakap minta kebenaran.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tak beri kebenaran. Saya tak boleh terima tuduhan liar begini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya bukan tunjuk punggung pun....(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Yang lain sila duduk. Ahli Seri Delima, jangan bangkitkan isu ini lagi lah kerana beliau Ahli Penaga telah dihukum tentang Ahli Yang Berhormat itu telah menunjukkan punggung dia. Hal itu telah lepas. Saya harap Ahli Yang Berhormat Seri Delima sila teruskan perbahasan jangan bangkitkan isu ini lagi lah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Baik Y.B. Tuan Speaker, saya terima nasihat itu. Bahawa di sini saya ingin mengatakan bahawa sungguh tidak beretika dan bermoral bagi seorang Ketua Pembangkang yang telah menjadi ahli sejak empat dan lima penggal.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Bagi laluan. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin beritahu bahawasanya Ketua Pembangkang, pada hari itu kita ada tafsiran pihak mungkin terutamanya Kerajaan juga ada tafsirannya. Pada masa ketika itu tengok sekali lagi video kata dia tunjuk punggung. Sebenarnya Ketua Pembangkang pada masa itu dia ambil beg....(gangguan), dia ambil beg.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bohong, bohong, tipu, tipu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia ambil beg.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Semua Ahli-ahli Yang Berhormat diminta duduk. Ahli Seberang Jaya, ini saya sudah buat keputusan dan ketetapan, perkara ini....(gangguan). Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia angkat beg dia.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sesiapa bangkitkan isu ini lagi. Saya tidak akan teragak-agak lagi saya akan minta dia keluar daripada Dewan ini. Ahli Seri Delima sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia mahu angkat beg dia.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Seberang Jaya sila duduk, sesiapa mana satu Yang Berhormat, sesiapa yang membangkitkan isu ini, saya tidak akan teragak-agak lagi saya akan minta dia keluar daripada Dewan ini. Ahli Seri Delima sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya juga tertarik dengan karenah Ketua Pembangkang kelmarin beliau mengatakan soalan bahawa soalan-soalan beliau seperti biasalah berniat untuk memberi persepsi bahawa di

Negeri Pulau Pinang rakyat kononnya, khususnya yang berbangsa Melayu dipinggirkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita tahu ini adalah agenda sulit Barisan Nasional ataupun UMNO dan saya ingin di sini menunjukkan kesimpulan secara amnya atau khususnya di kawasan saya di mana bantuan-bantuan dihulurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada yang memerlukan bukan sahaja masa pilihan raya seperti Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional tetapi sentiasa sejak tahun 2008.

Di kawasan saya terdapat sebuah sekolah, Sekolah Agama Rakyat bersempadan dengan Masjid Al-taqwa sejak 50 tahun mereka telah memohon perkakas meja dan juga kerusi dan juga mesin fotostat untuk dibekalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kononnya permohonan-permohonan juga telah dibuat kepada barisan-barisan pimpinan EXCO termasuk Ketua Pembangkang yang ada di sini, tetapi seperti biasa saya difahamkan oleh Ketua Sekolah masuk telinga ini keluar telinga ini. Mujurlah kita mengambil alih kepimpinan Negeri Pulau Pinang, Tuan DO boleh mengesahkan Tuan Azizi bantuan telah diberikan. Iaitu satu mesin fotostat berharga RM5,000.00 telah dihantar dan dengan pimpinan EXCO Yang Berhormat Tuan Haji Malik, Yang Berhormat Mansor, kita telah berjaya dan akan memberi sumbangan seperti meja dan kerusi kepada bahagian di mana guru-guru sekolah sedang duduk untuk membuat kerja-kerja mereka.

Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukanlah sebenarnya meminggirkan orang Melayu seperti yang cuba diberi persepsi oleh Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Pembangkang yang lain. Walaupun perkara ini tidak disiarkan dan kita tahu siapa yang sebenarnya menguasai media massa seperti TV3 jika ada di sini. Mungkin mereka perlu pertimbangkan masuk sekali dengan Barisan Nasional jadi parti Barisan Nasional kerana setiap kali liputan-liputan mereka itu berbelah bagi iaitu *one sided report* tetapi ada beberapa surat khabar-surat khabar seperti Sinar Harian di sini adalah sesuatu yang menarik perhatian saya iaitu salah seorang pengundi di kawasan saya menunjukkan gambar saya sendiri iaitu gambar Ketua Menteri kita Y.B. Lim Guan Eng dan Y.B. Karpal Singh menghadiri sambutan Maulidur Rasul di kawasan Sungai Gelugor dan memberi bantuan lebih kurang 200 orang pengundi Melayu di kawasan tersebut.

Dalam majlis tersebut yang turut hadir ialah Y.B. Malik kerana beliau juga hadir di situ dan mereka sungguh berterima kasih dan dalam sejarah mereka mengatakan kali pertama seorang Ketua Menteri telah hadir bersama dengan barisan pimpinan EXCO di tempat tersebut untuk menghulurkan bantuan dan ini kali kedua Majlis Sambutan Maulidur Rasul diadakan di kawasan tersebut. Dan bila tanya kepada mereka pernahkan nampak batang hidung Ahli-ahli EXCO dari Barisan Nasional yang dulu? Mereka kata tak nampak saya rasa saya tanyalah pernah nampak tak Ketua Pembangkang yang dok bising-bising dalam Dewan orang Melayu tak dapat ini orang Melayu tak dapat itu dia kata batang hidung pun tak nampak di situ.

Tak ada satu pun ada EXCO daripada UMNO di situ untuk melihat serba kekurangan orang-orang Melayu yang berada di kawasan tersebut. Apa jawapannya? Apa reaksi mereka? Ada tiga (3), empat (4) orang dari sini daripada EXCO di sini tau tak di mana Kampung Sungai Gelugor? Tau tak di mana Kampung Sungai Gelugor ini dalam peta Pulau Pinang? Tau tak? Apa

jawapan apa penjelasan? Seperti biasa di dalam Dewan sandiwara. Oh! Orang Melayu tak dapat itu, orang Melayu tak dapat ini, orang Melayu dipinggirkan, gerai-gerai orang Melayu dirobohkan. Jangan, saya minta semua yang hadir di sini jangan sekali-kali diperdaya dan ditemberangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Pembangkang masa dulu masa mereka memimpin mengapa tak beri perhatian kepada perkara-perkara ini? Apa jawapan?

Mengapa Sekolah Agama Rakyat di Taman Tun Sardon tak dapat kerusi dan meja untuk bilik guru-guru mereka? Mengapa tidak diberi bantuan mesin fotostat? Walaupun *secondhand* pun tak hantar? Mengapa? Ini menunjukkan bahawa orang Melayu dipinggirkan di bawah Kerajaan pimpinan yang lepas oleh Barisan Nasional dan bukan Kerajaan UMNO sebenarnya. Dan bukannya Kerajaan Pakatan Rakyat.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Minta laluan. Jadi tuduhan yang mungkin orang yang bagi laporan itu orang dia ada masalah peribadi dengan pemimpin Kerajaan dahulu. Jadi saya turun banyak kali. Mayat saya pi tengok beberapa kali dan Ketua Kampung yang mati pun saya rasa orang yang bagi maklumat pun dia tak kenal apa. Saya tanya Ketua Kampung yang arwah itu nama apa? Sungai Gelugor kalau *you* kata selalu *you* pi turun dan tahu Ketua Kampung yang dahulu yang dah arwah dah meninggal? Apa namanya? Kalau dia tahu mesti dia tau. Kalau dia tau dia tak taulah. Keluhan ini atas seorang atau dua orang yang beritahu maknanya dia ada masalah peribadi memang dia tak akan pergi, saya sendiri turun. Mayat saya pergi, kenduri saya pergi, merasmikan NGO mesyuarat saya tak ingat, semua saya pergi tapi kita tak bising tetapi tuduhan itu mungkin masalah peribadi, saya tak mahu bising. Tak boleh tohmah semua kalau tuduh semua orang tak pergi. Itu saya tak setuju.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Berkenaan bangunan Sekolah Agama itu sekolah itu adalah bangunan baru sebenarnya. Dan siapa yang usahakan bangunan baru sebenarnya? Mesin fotostat itu sebenarnya dan kerana mesin fotostat yang buruk yang kita tak beri bukan kita tak membantu orang Melayu tak betul tu. Sekolah itu besar yang kita buat dan itu besar yang dibuat oleh kita dan bukan dibuat oleh Yang Berhormat dan jadi jangan bagi alasan yang begitu tak logiklah. Kerana tak bagi mesin fotostat yang lama bangku, meja tak bagi tak bantu orang Melayu. Bagi yang logik sikitlah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu memang menjadi kewajipan kepada Kerajaan dahulu itu memang saya akui. Tapi yang saya persoalkan di sini ialah adalah perkara-perkara yang menjadi asas kepada pendidikan sesebuah sekolah. Kalau bagi bangunan adakah bangunan mencukupi? Murid-murid duduk atas lantai baca? Cukup? Kalau bagi bangunan? Kalau bagi bangunan itu dah sudah? Kalau murid-murid dan pendidik di situ buku dan sebagainya bagaimana pula? Soalan saya di sini ialah yang perkara-perkara asas yang kita bahaskan di sini adalah ada beberapa perkara-perkara penting yang langsung tidak diberi perhatian oleh

Barisan EXCO yang dahulu kerana mereka lebih mementingkan perkara-perkara peribadi yang lain dan menyentuh perkara tersebut. Berbalik kepada isu sama ada, adanya perlakuan rasuah atau tidak? Saya di sini saya dengan hormatnya ingin menyahut cabaran Ketua Pembangkang kerana dia kata saya telah kata saya tak akan mengulangi pernyataan itu di luar dan saya akan membuat pernyataan itu di luar. Mungkin dalam sidang akhbar.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Terima kasih Y.B. Seri Delima. Tadi Ketua Pembangkang ada mencabar kata rasuah di luar tapi saya rasa satu yang hakikatnya Perdana Menteri pernah secara terbuka kata bahawa kalau kita menang kita bagi RM300 ribu. Di televisyen ini dia bukan sahaja RM3 juta *sorry* dia kata kalau menang kita bagi kalau kalah tak adalah. Ini kalau bukan rasuah ini kalau bukan ugut apa maksud ini? Dan kelmarin dulu saya dengar juga Y.B. dari Sungai Dua dia cabar dia kata kita robohkan mengapa kita tidak merobohkan di mana-mana di Batu Feringhi? Betul? Akhirnya Ketua Pembangkang kata ada satu *accident* di keselamatan atau *tourism* kematian satu orang Cina mengapa kita tidak ambil tindakan? Nampaknya mereka hanya cuba main isu sahaja?

Satu kita kata kita robohkan kedai-kedai di situ satu mengapa kata kita tak ambil tindakan? Mereka cuma main isu sahaja. Bukan kata mereka betul-betul pentingkan kesempatan orang di situ. Jadi kita tak berminat untuk main politiklah. Kita ambil tindakan sebab penguatkuasaan sahaja. Apa yang haram tetap haram. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan, cuma satu sahaja. Saya mencabar, yang saya ingat Permatang Berangan cabar Yang Berhormat kelmarin, bukan saya. Saya ulangi kenapa tidak sambut cabaran itu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya mula-mula tak mahu cakap apa. Yang pertama, pertuduhan rasuah kata bagi Ketua Pembangkang kata bagi apa ni 100 rasuah kalau tidak rasuah mengapa hanya diberi kepada pengundi-pengundi sahaja. Kenapa pengundi-pengundi tidak diberi kepada semua orang-orang warga emas, kalau kita betul-betul ikhlas kita bagi kepada semua orang warga emas yang ada. Tidak peduli lah dia dalam senarai pengundi atau tidak dan yang kedua, kita rasa tindakan-tindakan kata apa ni, kalau kita melihat daripada dulu di bawah Kerajaan Barisan Nasional semua pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk kesejahteraan rakyat, kerana mesin fotostat sikit itu kita bising, itu masalah kecil yang boleh diselesaikan. Kalau Pakatan Rakyat sekarang boleh selesaikan tidak ada masalah kenapa baru sekarang bertelur sebiji riuh sekampung.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Y.B. Sungai Dua. Saya akan jawab isu pertama berkenaan apa ni perlakuan rasuah bagi pihak Kerajaan Pakatan pemberian wang itu adalah bantuan kepada warga emas begitu jelas penghargaan kepada warga emas berbeza sekali....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan. Dia rosak tak boleh cakap. Kalau kata penghargaan kepada warga emas saya tanya tadi kalau kata penghargaan kepada warga mengapa tidak diberi kepada semua warga emas tanpa mengira nama dia dalam daftar pengundi ini yang bagi yang ada dalam daftar pengundi warga emas yang lain tidak diberi adakah ini satu penghargaan? Kalau penghargaan bagi semua...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Ahli daripada Y.B. Seri Delima terlupa semasa pilihan raya dulu DAP menjanjikan pelbagai perkara termasuklah penghargaan kepada warga emas apa semua dan hari ini diberikan apakah dia juga ditafsirkan sebagai sesuatu yang telah dijanjikan. Di dalam surat khabar hari ini... (gangguan), di dalam surat khabar hari ini telah pun diberikan penjelasan oleh MACC dia telah katakan sesuatu yang telah dijanjikan pilihan raya oleh sebarang calon ianya tidak ditafsirkan sebagai rasuah, baca surat khabar hari ini, ini janji pilihan raya.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Y.B. Seri Delima, saya rasa Y.B. Seberang Jaya sudah nyanyuk lah, tidak pernah..(ketawa), tidak pernah..(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ai, tarik balik cakap tu ah jangan cakap nyanyuk. Saya rambut putih kira *king style, you* tak ada rambut lagi teruk *you* tahu tak?..(ketawa), tarik balik perkataan nyanyuk tu. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya nak dia tarik balik nyanyuk.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Dengar penjelasan dulu...(gangguan), manifesto DAP, PKR dan PAS tidak pernah sebut program penghargaan warga emas tidak janji RM100.00, adakah ini nyanyuk tak?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Peraturan.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Adakah itu nyanyuk.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Peraturan-peraturan. Saya minta peraturan Y.B. Tuan Timbalan Speaker, Peraturan 46 (xiii) tarik balik nyanyuk, 46 (xiii), tarik balik perkataan nyanyuk.

**Ahli Kawasan Komtar ( Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Penjelasan yang ada berasas.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya gunakan peraturan suruh tarik balik perkataan nyanyuk. Apabila saya bangkitkan tentang peraturan sila duduk.

**Ahli Kawasan Komtar ( Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, bagi saya perelaskan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Sungai Dua, bagi dia jelaskan dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya minta supaya dia tarik balik perkataan nyanyuk. Kita tidak boleh mengecilkan mana-mana Ahli dalam Dewan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dengarlah penjelasan dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ya, ini peraturan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Sungai Dua, bagi Y.B. Komtar buat penjelasan dulu dan saya akan buat ketetapan.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Dengarlah penjelasan. Kalau Y.B. Sungai Dua nak tuduh macam ini saya buat tuduhan yang dia kena buktikan di mana dalam perenggan manifesto DAP atau PKR pernah sebut pernah janji RM100.00 sebegitu. *You* tak ada bukti, *You* buat tuduhan liar, *You* tuduh, *you* tuduh kita rasuah kita nak bagi rasuah, ada bukti dalam mana kandungan manifesto RM100.00 itu... (gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Komtar sila tarik balik perkataan nyanyuk itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, ....(dengan izin). Saya ingin izinkan, perkara ini tidak salah tuduhan yang dibuat oleh Y.B. Seberang Jaya itu tidak berasas langsung, *where is the proof* kita ada ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Y.B. Speaker, saya menyatakan...(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Saya sudah ketetapan. Y.B. Komtar silakan, sila tarik balik perkataan itu.

**Ahli Kawasan Komtar ( Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Saya nak perkataan ini dibuktikan dahulu, kalau benar disebut RM100.00 dijanjikan dalam manifesto.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

RM100.00 itu disebut oleh Ahli Sungai Dua bukan Y.B. Seberang Jaya, betul tak?

**Ahli Kawasan Komtar ( Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Saya tarik balik perkataan nyanyuk untuk orang yang tidak nyanyuk.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan, saya meminta ini adalah janji yang kita pernah bahaskan bersama dengan Y.B. Sungai Puyu berkenaan dengan keratan akhbar yang menyatakan bahawa DAP ada berjanji untuk memberikan penghargaan, pada masa itu RM2,500.00 ke atau RM1,000.00 saya pun lupa, RM2,500.00 tapi tak tunai, bagi RM100.00 saja. Saya ada asas yang saya bercakap jadi saya kena balik ambil balik keratan akhbar itu masih ada sebab...(gangguan).

**Ahli Kawasan Komtar ( Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Mana bukti?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kerana dalam perbahasan yang lalu telah pun dibahaskan perkara ini.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Y.B. Seberang Jaya, Ahli Y.B. Seri Delima sila duduk. So saya sudah buat ketetapan Ahli Y.B. Komtar sila tarik balik perkataan nyanyuk itu.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Saya ingin menegaskan akan tarik balik perkataan itu untuk orang yang tidak nyanyuk.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya tidak setuju sedemikian, saya nak tarik balik secara ikhlas, bukan bersyarat, *no subjective, because I have the proof ....*(dengan izin), janganlah ini Dewan janganlah...(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Y.B. Ahli Seberang Jaya, sila duduk. Ahli Y.B. Komtar sudah tarik balik so saya minta ahli Seri Delima sila teruskan perbahasan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*You* kata saya botak, saya suruh *you* tarik balik.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Y.B. Seberang Jaya, sila duduk.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia kata boleh tarikh balik kalau saya kata dia botak.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Komtar sudah tarik balik, jadi saya minta Ahli Seri Delima sila teruskan perbahasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, ....(dengan izin), saya mohon respons kepada 2 perkara pertama, apa yang telah dipersoalkan berkenaan dengan program oleh Y.B. Sungai Dua dan Y.B. Seberang Jaya adakah ini mempunyai unsur-unsur rasuah saya katakan tidak. Yang pertamanya ia tidak mempunyai manifesto pakatan di mana kita menjanjikan apa-apa habuan dan itu saya berkata berbeza daripada apa yang disiarkan dalam surat khabar The Star di mana ditunjukkan satu hari sebelum pilihan raya kita lihat Najib Tun Razak Perdana Menteri kita turun padang memberi bayaran tunai kepada orang yang telah dijanjikan bayaran itu 15 tahun yang lalu. Ini adalah unsur rasuah. Tak malukah buat perkara ini? Pemimpin parti sendiri UMNO sendiri memberi bayaran wang mengapa takut kalah dalam pilihan raya? Tak apa saya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan. Isu yang telah disentuh tadi adalah merupakan isu yang tidak kena mengena dengan Negeri Pulau Pinang jadi saya minta Ahli Y.B. Seri Delima tidak membahaskan apa yang telah berlaku di PRK Hulu Selangor tidak ada kena mengena.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tidak beri laluan, duduk dulu. Ini cukuplah ini biasa bila dah bongkar perkara ini, ini keratan akhbar.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Saya minta penjelasan Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Saya setuju dengan ahli Y.B. Permatang Berangan...(gangguan), kerana isu-isu yang kita tidak boleh...(gangguan), bila tidak boleh jawab nampak sangat seolah-olah kita jahat.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Y.B. Bayan Lepas, Ahli Y.B. Seri Delima tidak beri laluan sila duduk. Ahli Y.B. Bayan Lepas sila duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau Ahli Y.B. Seberang Jaya mengatakan bahawa dia ada keratan akhbar di rumah disimpan bawa dulu kita bagi penjelasan. Ini saya ada keratan akhbar The Star berani nafikan dan soalan saya begitu jelas mengapa sejak 15 tahun 1 sen pun tidak dibayar tetapi bila pilihan raya sudah datang esok nak undi hari ini baru bayar bukankah ini rasuah dia bukan calon kalau saya adalah calon saya janjikan sesuatu kemudahan saya nak bantu rakyat memang saya setuju...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta laluan. Y.B. Tuan Timbalan Speaker saya minta perkara peraturan Dewan ini dipatuhi perbincangan-perbincangan berkaitan dengan perkara ini, kita tidak boleh jawab jangan kaitkan dengan Negeri Pulau Pinang jangan dibahaskan di sini bawa perkara ini di Parlimen, bawa ke Parlimen.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tidak beri laluan. Saya minta maaf Y.B. Tuan Timbalan Speaker saya tidak beri laluan. Ini persoalan saya kalau saya seorang Peguam Y.B. dengan hormatnya ....(dengan izin), tak apa saya akan jawab perkara itu kalau dia tak berani berdiri pun bercakap saya kalau kita ikut tafsiran undang-undang ini merupakan satu *inducement* ....(dengan izin). Silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sekarang saya minta laluan. Macam saudara saya kata tadi Y.B. Permatang Berangan, Y.B. Seri Delima harus fokus kepada Kerajaan Negeri Pulau ini *you* bicara tentang apa yang berlaku di Selangor siapa yang nak jawab itu? Wajib kenapa saya yang nak kena jawab macam itu...(gangguan), macam hari itu gambar langkah gambar dan pijak gambar masa ADUN dua (2) orang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Mana gambar itu? Kalau tak ada gambar saya rasa tidak berasas.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Hari itu dalam penggal sudah tunjuk semua orang, tengok jangan *double standard*, kalau orang tak ada jangan bangkitkan perkara itu orang itu tidak boleh jawab ini cakap pasal Datok Seri Najib benda ini di Parlimen ini *you* tak ada modal tak payah cakaplah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih. Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Y.B. Ketua Pembangkang sila duduk. Mungkin Yang Berhormat sendiri yang tidak ada modal ataupun tidak berani jawab untuk bos sendiri tapi ini saya menyatakan seperti berikut kalau kita ikut seperti kata Y.B. Seberang Jaya sesuatu janji yang dibuat semasa pilihan raya oleh calon itu tidak ada masalah ia tidak ada unsur rasuah saya setuju walaupun beliau bukanlah seorang peguam saya akur itu adalah tafsiran yang betul berbanding dengan Y.B. Ketua Pembangkang saya rasa dia jadi ahli biasa, kalau kita ikutkan tafsiran di sini Y.B. Dato' Seri Najib bukanlah seorang calon tetapi apakah sebabnya beliau turun ke padang memberi bayaran wang? Tetapi inilah tetapi isu ini ada kena mengena dengan Pulau Pinang. Saya memberi respons kini kerana kita lihat keratan surat khabar di mana Y.B. Ketua Pembangkang telah memberi satu pernyataan akhbar di mana beliau telah membuat pernyataan menyatakan bahawa ini sebabnya saya membahaskan perkara ini di sini. Kita balik ke isunya kita bagi jawapan mungkin semua nak dengar apa penjelasan dia. Y.B. Ketua Pembangkang yang membuat tuduhan dalam surat khabar Sinar bukan gambar dia ka ni? Dia kata begitu ini hanya taktik untuk mengaburi mata rakyat dia ingat boleh beli jiwa rakyat dengan RM100.00 setahun. Zaman sekarang apa yang boleh dibuat sumbangan RM100.00 setahun mungkin dia orang yang kaya raya ada duit tapi RM100.00 ini bukan nilainya yang penting tapi penghargaan warga emas mungkin beliau belum mencapai tahap itu lagi. Kita berbalik kepada isu sebab mengapa kita membahaskan di sini seperti berikut.....(dengan izin). "Setiausaha UMNO Pulau Pinang Dato' Haji Azhar berkata tindakan itu bertujuan membeli undi selain membeli pengaruh dan jiwa rakyat", ini adalah keratan akhbar sebab itulah Y.B. Ketua Pembangkang buka telinga kita bahaskan perkara ini di sini di dalam Dewan .

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Seri Delima, sila duduk.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Penaga, sila duduk dulu. Ahli Seri Delima sekarang ini tadi, sudah bangkit tidak perlu ulang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya cuma hendak beri alasan mengapa... (gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Yang Berhormat, Ketua Pembangkang telah beritahu dia akan jelaskan dalam waktu perbahasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Berbalik kepada isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang kelmarin di mana beliau mengatakan terdapat gerai-gerai haram yang perlu dirobohkan di Batu Feringhi. Saya berterima kasih kerana beliau membuat kenyataan tersebut kerana....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, minta laluan. Saya yang kata itu? Adakah *you* yang tidur masa itu dan kata saya yang kata. Siapa yang bangkit dan bercakap tentang gerai roboh yang *you* kata saya yang bercakap. Dia tidur kah, ada dalam Dewan kah atau tidak berada di dalam Dewan? Tadi sudah sekali dia cabar untuk berucap di mana Y.B. Permatang Berangan yang cakap tapi tuduh saya. Sekarang pasal gerai roboh pun saya, apa ini? Berkenan pada saya kah? Saya tidak berkenan sama awak lah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kita lihat balik *hansard* di mana beliau bercakap tentang kejadian di mana seorang warga asing dari Negara China yang telah pergi.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Itu saya cakap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Biar saya habis dahulu, dengar penjelasan, kalau asyik nak cakap sahaja, tak dengarlah. Duduk dulu dan dengar dulu. Cara perbahasan, dengar dulu baru beri penghujahan. Kelmarin Ketua Pembangkang telah mengatakan bahawa ada seorang warga Cina datang ke sini dan telah pergi ke kawasan Batu Ferringhi dan telah membeli-belah di gerai-gerai haram di situ dan berlaku satu kemalangan di mana beliau telah meninggal dunia di mana beliau telah memberi *emphasis* di sini bahawa gerai-gerai itu adalah gerai-gerai haram, adakah patut gerai-gerai haram ini terus dibenarkan untuk beroperasi. Saya tertariklah dengan sandiwara ini sebabnya adalah seperti berikut.

Bila saya telah memberhentikan tindakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di kawasan saya sendiri yang hendak merobohkan sebuah tapak futsal dan sebuah tapak perniagaan kereta terpakai pada malam tersebut, saya lihat Ketua Pembangkang ini memberi temu ramah dalam televisyen dan berkata ini mungkin ADUN itu buat sendiri dan memberhentikan sendiri. Wah dia pandai bercakap. Tetapi dalam Dewan dia sendiri minta Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada gerai-gerai haram dan dalam televisyen dia buat sandiwara. Yang mana satu yang betul?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Ini satu sandiwara. Senang sahaja, minta MPPP datang bawa jentera untuk robohkan dan kemudian telefon cepat-cepat minta berhentikan, saya jadi hero. Ini lakonan, tak usah main politik murahan, sayalah yang membela nasib, ala itu cerita lamalah.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Kita tidak pernah buat, kita tidak pernah roboh.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Jawi, *you* diamlah, nak cakap bangunlah. *You* pun ada isu, tak apa. Sandiwara ini siapa pun tahu, semua orang tahu, tengok sekali, *just in nick of time* saya telah menyelamatkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Baiklah, terima kasih. Y.B. Tuan Speaker, perkara ini telah disahkan dan di sini saya ingin menyatakan sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah mengambil sumpah bahawa perkara yang diujahkan adalah perkara yang sebenarnya. Saya berterima kasih kerana beliau telah mengakui memberi temu ramah tersebut. YDP. MPPP, Ar. Patahiyah binti Ismail ada hadir di sini, dia boleh mengesahkan bahawa sama ada betul atau tidak saya yang mengeluarkan permintaan untuk gerai itu untuk dirobohkan. Nombor satu, Y.B. EXCO, Ahli Kawasan Padang Kota ada di sini, beliau boleh menjelaskan adakah benar atau tidak bahawa saya yang meminta gerai itu dirobohkan, malahan *report* akan menunjukkan bahawa saya telah mengeluarkan surat menyokong usahawan-usahawan bumiputera di Kawasan tersebut untuk mendirikan tiga premis iaitu satu, tapak perniagaan kereta terpakai, dua, tapak futsal yang digunakan oleh pemuda-pemudi di Kawasan tersebut. Terdapat kaum wanita yang bermain futsal, ini juga satu tarikan dan ketiga, tapak perniagaan untuk menjaja di situ. Surat itu telah diberikan kepada pihak MPPP. Bila saya menerima panggilan menyatakan bahawa pihak MPPP telah turun padang untuk merobohkan saya telah bergegas malahan saya menyatakan di sini mengeluarkan mesej kepada Ar. Patahiyah binti Ismail di mana kalau tidak menjawab panggilan telefon saya, masalah ini akan menjadi masalah besar. Saya masih ada sms beliau yang menyatakan Yang Berhormat, *I am very sorry some miscommunication the demolition will not go on*. Tetapi saya panggil Y.B. Ketua Pembangkang ini saya panggil dia seorang penipu, putar-belit dan sandiwara dan saya rasa dia yang minta supaya gerai itu dirobohkan. Duduk dulu, saya tidak beri laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*Point of order.* Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tidak beri, duduk dulu. Jangan datang ke sini untuk buat sandiwara. Di sini asyik kata orang Melayu dipinggirkan, orang Melayu tidak diberi penghormatan, tidak dibela dan sebagainya. Tetapi masa dia memerintah dahulu, tapak itu adalah sebuah tapak yang kosong, penuh dengan sampah-sarap. Pergi lihat sendiri sekarang, dengan kepimpinan EXCO yang kita ada sekarang, Y.A.B. Ketua Menteri dan Y.B. Timbalan Ketua Menteri, tempat itu menjadi tempat riadah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Malahan ada kakitangan Kerajaan di Komtar pun pernah pergi bermain futsal di situ. Jelas sekali saya katakan dan saya ingin ulangi di sini bahawa beliau adalah seorang yang cukup pandai dalam memutar-belit, main sandiwara. Dalam Dewan dia kata gerai-gerai itu adalah gerai-gerai haram, dengan niat tersirat meminta supaya gerai itu dirobohkan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*Point of Order.* Jangan gunakan perkataan penipu. Bolehkah seorang Ahli Yang Berhormat memanggil seorang Ahli Yang Berhormat lain seorang penipu. Kalau saya pula menggunakan perkataan yang menyakitkan hati, bagaimana? Kalau saya maki Yang Berhormat, boleh?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Apa asas nak maki saya? Saya ada asas.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Duduk dulu, saya tidak beri kerana ini *floor* saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Apa peraturan?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Peraturan 46(c) menyakitkan hati. Peraturan 46 (13)(c).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya yang patut bangkitkan peraturan. Saya pun nak bagi peraturan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sekarang saya yang beri peraturan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya hendak bangkitkan peraturan kerana *you* mengeluarkan perkataan yang menyakitkan hati saya sekarang kerana menyatakan sayalah dalang yang hendak merobohkan tempat tersebut. Saya minta dia tarik balik dahulu.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Penaga dan Seri Delima sila duduk dahulu. Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat supaya jangan menggunakan perkataan yang boleh menyakitkan hati orang lagi. Saya minta Y.B. Seri Delima supaya teruskan dengan perbahasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau boleh beri justifikasi, saya cabar. Saya akan beri kenyataan, jangan bimbang, saya mengulangi kenyataan itu di luar nanti, *no problem*, tiada masalah. Di Dewan Rakyat kita lihat *double standard* Barisan Nasional. Apa masalahnya? Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya teruskan.

Saya di sini ingin berterima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang Terutama kerana perkara-perkara yang disarankan beliau telah diberi perhatian serius oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Malahan tidak berlaku penyelewengan, tidak berlaku apa-apa kontroversi besar seperti yang kita tahu kehilangan jet, kapal terbang, kapal selam yang tidak boleh selam dan sebagainya, tidak berlaku di Pulau Pinang. Apa yang berlaku di sini, kita lihat sekali lagi, tanah kepunyaan kubur orang Cina telah diambil alih oleh PERDA. Biar saya habiskan dahulu. Satu keratan akhbar dari The Star di mana terdapat insiden di mana Syarikat PERDA telah memacak besi-besi berdekatan tanah perkuburan Cina di Batu Ferringhi. Biar saya habis dahulu, saya yang memegang keratan akhbar ini. Di sini telah dinyatakan seperti berikut, *PERDA Chairman, Dato' Haji Azhar Ibrahim said that some of the burial plots have encroched into its 2.7 hectare land. These burial plots, ....* (dengan izin), telah berada di situ sejak turun-temurun, macam mana pula tanah itu telah masuk ke Kawasan PERDA atau adakah ia sebaliknya, PERDA yang masuk ke kawasan perkuburan orang Cina. Saya minta beliau beri penjelasan atau menafikan iaitu ungkapan *PERDA Chairman Dato' Haji Azhar Ibrahim said some of the burial plots have encroched into its 2.7 hectare land. Azhar said he had sent a notice to Persatuan Kwong Ho but since there was no reply he went ahead and put up the rocks.*

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Dok wah, wah apa? Tak tau apa pun tapi dia bercakap sahaja. Tanah itu siapa punya Yang Berhormat tidak tahu, sila tanya ADUN Kawasan dia lebih tahu. Pegang surat akhbar dan bercakap. Memang tanah itu tanah PERDA, pergi *check* dengan *land office*, tengok tanah itu milik siapa. Kubur Cina telah masuk ke tanah PERDA. Sebenarnya semua ada 72 buah kubur Cina masuk ke tanah PERDA. Tujuan PERDA bubuh besi itu ialah supaya jangan yang baru masuk lagi. Tetapi apabila persatuan itu datang ke PERDA dan memohon jasa baik PERDA dan dengan jasa baik PERDA, kami

bagi untuk kegunaan sebagai tanah kubur dan tidak usik pun kubur-kubur yang ada di situ. Dan mereka pun telah berjanji tidak akan masuk lagi kubur-kubur yang baru. Itu jasa baik PERDA kepada ahli-ahli keluarga si mati, kami tidak ubah dan usik tanah tersebut. Sebelum hendak buka mulut tolong *check* dengan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut dan Daerah Barat Daya dan tengok tanah siapa di situ. Jangan datang cerita sudah turun-temurun, 72 buah kubur sudah masuk ke dalam tanah PERDA dan kami tidak ambil satu sen pun, kami tidak jual satu sen pun kami tidak sewa ataupun pajak pun. Sebab atas jasa baik ini kita tidak mahu *disturb* orang yang sudah mati, kita tidak mahu ganggu. Kalau tidak tahu apa pun tanya dulu.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Seri Delima telah mengambil masa selama satu jam. Sila buat penggulungan. Saya beri masa selama 2 minit lagi untuk membuat penggulungan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya belum *start* lagi. Y.B. Tuan Speaker....(dengan izin), saya ingin menyarankan beberapa perkara dan ini adalah pendirian saya, kepada pihak Majlis terutamanya. Bila kita mengambil tindakan terhadap gerai-gerai terutamanya gerai-gerai pengusaha bumiputera, saya menyarankan supaya kita lebih prihatin dan mengambil pendekatan bermusyawarah. Maklumlah kita mempunyai anasir-anasir yang boleh menimbulkan kacau-ganggu, bila-bila masa dia tunggu kesempatan, tau sama tau.

Di sini saya ingin menyarankan supaya kita memberi perhatian kepada isu ini kerana ianya menjadi *the weak point* Kerajaan kita yang cuba diguna oleh bermacam-macam gagasan seperti Gagasan Pelajar Melayu, ada juga dari pihak UMNO *Youth* dan sebagainya yang sering kali mencabar kita dan membuat kenyataan-kenyataan. Kita tutup perkara itu dan menggunakan pendekatan yang lebih mantap untuk kita menyelesaikan hal itu. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya satu siaran dalam surat khabar The Star, bagaimana satu pihak majlis boleh membenarkan sebuah premis yang tidak mempunyai C.F beroperasi dan ini adalah petikan daripada The Star, Metro, *File pitcher of white resort national servis scan* di Balik Pulau yang tidak mempunyai C.F yang dibenarkan beroperasi. Jikalau berlaku apa-apa masalah atau mala petaka di situ, kita maklum juga ada anasir-anasir di dalam Dewan ini yang akan menjadikan isu itu. Isu untuk *mailers* politik. Mungkin perkara ini boleh diberikan perhatian, di samping memberi pendekatan lain kepada menangani masalah yang dihadapi khususnya oleh usahawan bumiputera yang menjalankan perniagaan kecil secara sambilan di beberapa lokasi di Pulau Pinang.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan syabas dan satu perkara yang membawa perhatian saya di sini adalah permintaan golongan para ibu bapa supaya *cyber cafe* yang masih menjadi banyak pendekatan dengan sekolah, khususnya di Air Itam dan di Paya Terubong di mana saya difahamkan murid-murid yang sepatutnya pergi ke sekolah ponteng sekolah pergi ke *cyber cafe* dan di kawasan saya juga terdapat dua lokasi di mana *cyber cafe* ini memang penuh sesak dengan murid-murid di waktu pagi.

Kalau perhatian boleh diberikan kepada golongan ini, di mana *cyber cafe* ini boleh ditutup ataupun syarat-syarat perniagaan ini boleh menjadi lebih ketat lagi, maka saya percaya golongan ibu bapa juga akan turut menghargai sumbangan Kerajaan kita dalam membantu mendidik kanak-kanak atau anak-anak mereka.

Akhir sekali kita mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas sekali lagi kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Barisan EXCO dalam mentadbirkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berjiwa rakyat demi kemakmuran rakyat. Saya mohon mencadangkan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong?.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Alhamdulillah Hirabbilalamin* dan salam sejahtera.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, berdirinya saya pada pagi ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada ucapan perasmian penggal ketiga oleh T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada pagi semalam. Dengan banyak dibentangkan di dalam ucapan beliau yang menyentuh bagaimana kejayaan hasil daripada tindakan pentadbiran Pakatan Rakyat selama lebih kurang dua tahun lebih ini.

Jadi sebab itu bagi kami di kalangan khususnya dalam Pakatan Rakyat sudah tentu mengharapkan beberapa tindakan-tindakan susulan untuk menjayakan dan menghasilkan lagi di dalam pentadbiran yang penuh dengan apa yang telah diberikan amanah untuk dilaksanakan berkepentingan seluruhnya kepada rakyat khususnya di Pulau Pinang ini.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, kalau kita lihat dalam beberapa rujukan ucapan perasmian Tun menunjukkan bahawa setelah ditunda beberapa hari dengan sebab kesihatan Tun tidak mengizinkan, kita untuk bersidang dalam tempoh sebelum ini dan semalam *alhamdulillah*, apabila kita lihat, kita tengok dengan kesihatan Tun yang cukup baik dan kita mendoakan kesihatan Tun juga akan lebih bertambah sihat untuk menerajui kepentingan di peringkat khususnya di Negeri Pulau Pinang ini dan oleh kerana kita setelah Pakatan Rakyat ini memerintah dan mendapat beberapa reaksi di kalangan rakyat jelata melihat bagaimana perkembangan dan apa lagi kalau saya lihat di dalam ucapan yang telah dibuat oleh Tun pada pagi semalam menunjukkan begitu banyak hasil daripada penglibatan dan kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dilakukan.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang berjaya mencatat lebih kewangan RM77 juta dalam tahun 2009 berbanding dengan anggaran belanjawan RM40 juta. Ini menunjukkan bagaimana dari sudut kita letakkan hasil daripada berlandaskan CAT itu sendiri yang kita bandingkan dengan Kerajaan sebelum ini, sudah tentulah

penglibatan bagi kita Kerajaan dalam Pakatan Rakyat menunjukkan bagaimana kekuatan, bagaimana keupayaan kita mentadbirkan dan seterusnya kalau kita rujuk di dalam ruangan ke 54, juga dengan apa yang telah dilaksanakan di peringkat MPSP itu sendiri, saya juga mengucapkan tahniah kepada MPSP yang berjaya mencatat lebih kewangan RM14.57 juta dalam tahun 2009 berbanding dengan anggaran belanjawan *defisit* RM15.47 juta selepas lapan tahun berturut-turut mengalami *defisit* berjumlah RM230 juta. Ini menunjukkan jumlah lebihan RM17.59 juta dalam masa dua tahun berturut-turut yang telah bermula pada tahun 2008 hingga 2009 dalam era pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat. Ini saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan, saya minta laluan penjelasan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, saya cuma tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. Permatang Pasir, berkenaan dengan penjimatan Kerajaan Negeri. Cuma saya hendak dapatkan sedikit penjelasan, adakah penjimatan itu berlaku setelah Kerajaan Negeri mengurangkan jumlah bayaran hutang kepada pihak-pihak di mana Kerajaan Negeri terlibat, jadi kalau katakan kita ada duit dan dalam masa yang sama tidak mahu bayar hutang orang, jadi kita *claim*, kita kata, kita ada penjimatan. Jadi adakah perkara ini benar? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Ini sudah menjadi lumrah apabila peralihan kuasa Kerajaan kita ambil, dan pertukaran daripada pemerintahan UMNO, Barisan Nasional, kepada Kerajaan Pakatan Rakyat, sudah menjadi lumrah bahawa Kerajaan apabila bertukar tangan, Kerajaan yang baru bertanggungjawab dalam menyelesaikan beberapa masalah. Sebab itu saya sebutkan di sini ialah dengan sebab oleh kerana dalam Pakatan Rakyat ini kita hendak mempamerkan ada kesungguhan dalam melaksanakan berkaitan dengan pembangunan dan sebagainya dan dari segi kesan positif pemerintahan yang berlandaskan CAT yang disebutkan tadi inilah dikata hasil yang telah dilakukan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Minta laluan. Terima kasih Y.B. daripada Permatang Pasir. Berkenaan dengan bajet yang telah ditunjukkan Kerajaan Negeri 2008 dan 2009, *that is nothing new....*(dengan izin), Tuan Yang di-Pertua. Nombor satunya kalau kita tengok rekod, saya ada rekod ini daripada tahun 2001 hingga 2009. Tahun 2005, RM83 juta dan selepas itu tahun 2008, RM87 juta. Ini bajet 2008 adalah bajet Kerajaan Barisan Nasional terdahulu, ingat tak? Yang telah diluluskan bajet 2008, bermakna Kerajaan teruskan dengan bajet itu dan mendapat RM87 juta dan sebenarnya bila saya *chek* semula perbelanjaan Kerajaan tidak habis, hanya belanja 85% daripada bajet yang telah diperuntukkan.

Kerajaan bukan *saving*, itu bukan *saving* itu tidak dibelanjakan, 85% sahaja dibelanjakan. Sememangnya amalan kita dahulu hingga sekarang dan Kerajaan sekarang ini mengikut amalan itu, bila membuat bajet, buat bajet deposit, tetapi selepas itu ada *surplus*, biasa, tetapi maknanya satu perkara yang kita tidak perlu membabitkan ada mengatakan Kerajaan telah pun pandai mengurus, sebenarnya telah berlaku dahulu dan lebih daripada itu lagi. Jadi ini semuanya dibuat pembetulan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Okey lah, terima kasih, saya teruskan Tuan Timbalan Speaker. Kemudian saya ingin juga merujuk kepada perenggan 43, Kerajaan baru membuktikan lah, sebab saya masih lagi mengulangi apa yang telah selama ini kita ucapkan sebagai memperingati lagi dan memperingatkan apa yang telah kita laksanakan dan yang kita menekankan di sini adalah Kerajaan dalam Pakatan Rakyat ini hendak membuktikan kesungguhan di dalam apa yang telah dibentangkan oleh Tun semalam, terutamanya apa yang saya lihat ialah berkenaan dengan mengukuhkan hal ehwal Islam dengan peruntukan RM24.3 juta dalam belanjawan 2010 berbanding belanjawan 2008 dengan peruntukan RM12.5 juta, seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Kawasan Telok Bahang. Jadi menunjukkan bahawa peruntukan bajet itu dibuat dalam 2008, kemudian kita belanjakan mengikut apa keperluan yang telah dijanjikan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan sikit, tadi Y.B. daripada Permatang Pasir ada sebutkan pihak MPSP dapat menjimatkan duit itu semua, itu bagus, tetapi janganlah kerana kadang-kadang hendak minta kerusi batu sahaja untuk diberikan kepada masjid untuk diletak kepada kemudahan orang awam, MPSP jawab tiada peruntukan untuk perkara sedemikian, sampai kerusi batu pun tidak boleh, tidak usah kita hendak jimat, kalau ada benda-benda keperluan rakyat itu harus didahulukan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Terima kasih, dan kita akan mengikut keperluan-keperluan semasa dapat kita laksanakan mengikut apa yang telah dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat seluruhnya dan saya juga ingin merujuk pada perenggan ke lima, di mana Kerajaan mempamerkan kesungguhan dalam pembangunan pendidikan dan perindustrian dengan menggandakan daripada 104.13% peruntukan sebanyak RM379.77 juta. Di sini saya ingin sarankan beberapa perkara yang cukup kita rasa penting di dalam menguruskan berkaitan dengan keperluan-keperluan yang mana diletakkan kepentingan tertentu.

Walaupun ada perkara-perkara yang sepatutnya diuruskan, yang dilaksanakan oleh peringkat Federal, tetapi untuk menjaga kepentingan-kepentingan tertentu khususnya dalam melibatkan pendidikan itu sekarang, yang mana luahan-luahan yang saya sendiri dapat makluman daripada khususnya berkaitan dengan keperluan di peringkat sekolah yang mana kalau mengikut Akta Pendidikan JPN 1996 Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru ditubuhkan di semua sekolah Kerajaan bertujuan untuk mewujudkan

memuafatkan antara ibu bapa dan guru-guru yang diharapkan dapat membina kefahaman tentang tugas dan tanggungjawab bersama dan usaha dalam meningkatkan mutu pengajaran guru dan pelajaran murid di sekolah. Ia juga untuk mempertingkatkan kerjasama dan perkongsian antara pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat. Sebab saya sebutkan di sini ialah keperluan sebelum ini kita telah membincangkan berkaitan dengan penghargaan warga emas setahun RM100.00. Walaupun timbul berbagai-bagai andaian, kontroversi dan sebagainya. Tetapi di sini saya mengandaikan bahawa kalau kita lihat untuk membantu untuk meningkatkan lagi keperluan asas di peringkat dalam pendidikan melalui PIBG itu sendiri.

Seperti mana yang kita maklumkan bahawa daripada Jabatan pelajaran khususnya di Pulau Pinang ini, Sekolah Menengah Kebangsaan 97 buah sekolah. Sekolah Menengah Pendidikan khas satu, Sekolah Menengah Teknik ataupun Vokasional ada 6 buah, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ada 4 buah, Sekolah Menengah Sains ada satu, Sekolah Menengah Agama bantuan Kerajaan ada 10. Jumlah keseluruhannya 119 buah sekolah yang saya sebut tadi. Kemudian dan kalau kita lihat di peringkat sekolah rendah. Sekolah Rendah Kebangsaan ada 142 buah sekolah. Sekolah Rendah Kebangsaan Cina 90 buah, Sekolah Rendah Kebangsaan India 28, Sekolah Rendah Pendidikan Khas ada 3, Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan ada 1, jumlah 264 buah sekolah. Saya sebut di sini ialah untuk bagaimana kita nak tingkatan keupayaan nak meningkatkan lagi berkaitan dengan pendidikan di seluruh sekolah-sekolah di Pulau Pinang ini kita rasa perlu untuk diberi perhatian khususnya dalam persatuan-persatuan ibu bapa dan guru-guru ini yang saya rasa perlu diberi sedikit pengorbanan untuk menampung keperluan PIBG itu sendiri yang mana saya sebut di sini ialah keseluruhan jumlah dari segi kedudukan dan jumlah sekolah itu sebanyak 383 buah sekolah.

Jadi saya boleh mencadangkanlah supaya kalau kita boleh memberi penghargaan kepada warga emas RM100.00 setahun dengan beberapa inisiatif yang lain begitu juga kalau PIBG ini juga kalau diharapkan kalau boleh disalurkan setiap PIBG di seluruh sekolah-sekolah Pulau Pinang ini dengan jumlah-jumlah tertentu untuk membantu. Kalau kita memberi sumbangan sebanyak contohnya RM5,000.00 setiap sekolah di Pulau Pinang dengan jumlah 383 buah sekolah saya rasa jumlah lebih kurang RM1,915,000.00 boleh dimanfaatkan di sekolah-sekolah di Pulau Pinang ini, ini dengan tujuan ialah untuk nak memelihara menjaga kebajikan dan mutu pendidikan serta aktiviti sekolah berjalan lancar. Ini harapan saya mengikut apa yang dibentangkan oleh Tun dalam ucapan perasmian pada pagi semalam.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, berkenaan dengan modal insan dan pembangunan juga bagi kita di Pulau Pinang di antara negeri-negeri di Malaysia ini yang mempunyai aktiviti perindustrian luas dan masih berkembang kita tengok sekarang ini Kerajaan Negeri perlu mempunyai statistik pakar-pakar tempatan yang bekerja di luar negara supaya usaha meningkat pembangunan perindustrian dapat dilaksanakan dengan cepat memandangkan kekurangan tenaga kerja pakar yang berkurangan. Di dalam siri lawatan-lawatan ke luar negara ada di kalangan pimpinan Kerajaan kita berjumpa bertemu dengan di kalangan pakar-pakar tempatan di Pulau Pinang yang berada di luar di sana kita apabila bertanya mengapa mereka tidak balik menyumbangkan kepakaran mereka untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Jadi dalam keadaan ini bila kita dapat maklumat bahawa semasa Barisan Nasional memerintah pada suatu ketika Pulau Pinang ini mereka itu sekarang berada di sana jadi bila kita jumpa hari ini, dan jumpa sekarang ini mereka sudah memberi satu pengharapan mengharapkan supaya Kerajaan sekarang, Kerajaan Pakatan Rakyat mengalu-alukan mengharapkan kepulangan mereka untuk membantu meningkatkan pembangunan perindustrian supaya dapat dilaksanakan dengan kita kekurangan tenaga kerja pakar yang berkurangan di Pulau Pinang ini. Dan juga pusat kita lihat dalam perenggan fail kerja 21, Pusat Latihan Teknikal atau Majlis Sains Negeri hendaklah memberi fokus kepada keperluan industri masa kini.

Dalam keadaan kita industri kilang pun dah kurang di Pulau Pinang, pekerja banyak sebelum ini diberhentikan, pemulihan semula haruslah ditingkatkan supaya dapat Kerajaan Pulau Pinang meningkatkan lagi membantu di kalangan para-para pekerja yang memerlukan kerja di Pulau Pinang. Selain daripada itu berkaitan dengan alam sekitar, juga perlu supaya diberi perhatian kerana dalam keadaan ini, dalam keadaan Pulau Pinang sekarang, ramai di kalangan para pelancong datang Pulau Pinang untuk sekurang-kurangnya mereka dapat melihat dalam keadaan bagaimana Kerajaan dapat meningkat lagi keupayaan dalam mentadbir secara lebih baik lagi.

Kemudian berkaitan dengan agama Islam sepertimana yang disebut dalam ucapan perasmian semalam saya tengok di situ harapan yang cukup tinggi, harapan Tun yang cukup tinggi mengharapkan beberapa kaedah-kaedah terperinci berkaitan dengan kedudukan Agama Islam berkaitan dengan pentadbiran masjid yang perlu dipekasakan untuk membina masyarakat beriman, berilmu dan bertakwa. Jadi setelah kita mengambil alih pentadbiran Kerajaan banyak simpang siur, banyak pengalaman yang kita terpaksa angkatkan kefahaman berkaitan bagaimana, sebelum ini berlaku. Kalau kita lihat di sudut pentadbiran masjid-masjid itu sendiri pun tidak dalam keadaan menyenangkan bahkan sebahagian daripada masjid yang berada di Pulau Pinang ini mempunyai berbagai-bagai masalah yang tertentu. Ini apabila kita mengambil alih Kerajaan khususnya pada tahun inilah apabila pertukaran, apabila pertukaran YDP Majlis Agama Islam bila kita ambil kita lihat kita semak kita tengok dan menerima banyak aduan yang sendiri maklumi kepada Tun sendiri dia faham bahawa dalam keadaan supaya pentadbiran masjid ini perlu dipertingkatkan lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta penjelasan, minta penjelasan. Adakah benar Yang Berhormat atau saya minta disahkan bahawa baru-baru ini semasa sambutan Maulidur Rasul perarakan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang perarakan tersebut adalah hampir-hampir di sabotaj. Y.B. Batu Maung pun ada di sini, di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dikatakan ada hasutan mengatakan kita telah pertamanya membatalkan sambutan tersebut dalam surat khabar telah dilaporkan. Kedua semasa sambutan saya juga difahamkan bahawa bantuan diminta daripada Kementerian Penerangan untuk membekalkan kenderaan supaya bersama-sama sambutan itu juga tidak dihantar. Ini mungkin angkara Kerajaan Barisan Nasional untuk sengaja cuba memaparkan bahawa kita di Kerajaan Pulau Pinang ini tidak menggalakkan aktiviti-aktiviti berkenaan dengan Agama Islam sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Salleh bin Man):**

Terima kasih kepada Seri Delima dan saya rasa untuk dijawab apa yang dipersoalkan saya ingat EXCO sendirilah sebab melibatkan banyak benda dan banyak perkara yang perlu diperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Dan ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta laluan, terima kasih Timbalan Speaker, saya nak merujuk kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Seri Delima sebentar tadi berkenaan dengan perarakan Maulidur Rasul. Tidakkah kita sedar bahawa semasa program kita nak dijalankan ada isu yang berkaitan dengan arahan-arahan daripada pihak-pihak yang berkenaan pentadbiran dan pengurusan Kerajaan Negeri supaya tidak diadakan program Maulidur Rasul dan sebagainya, jadi itu satu perkara yang saya nak dapatkan satu penjelasan ada atau tidak? Kalau ada tidakkah itu sendiri yang merupakan faktor kenapa sambutan Maulidur Rasul yang dilanjutkan oleh Kerajaan Negeri berjaya ataupun tidak, saya tidak tahu apa yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan majlis Maulidur Rasul ini berjaya atau tidak itu bergantung kepada pertimbangan dan *perfection* ...(dengan izin), ataupun dilayan oleh pihak Seri Delima sendiri. Tapi kalau katakan berjaya adakah itu tidak dipengaruhi oleh beberapa perkara yang berlaku secara kontroversi yang dicetuskan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri itu sendiri.

Yang kedua, sama ada berjaya atau tidak program Maulidur Rasul yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri pada ketika tersebut tidak ada kena-mengena dengan siapa-siapa yang lain kerana Maulidur Rasul boleh dianjurkan oleh siapa-siapa juga oleh orang-orang Islam jadi tidak semesti hanya program Maulidur Rasul Kerajaan Negeri sahaja yang eksklusif dan orang lain tidak boleh buat ataupun kalau orang lain buat sambutan orang lain buat lebih ramai kita yang buat, kita tak boleh salahkan orang lain yang buat yang mendapat sambutan lebih ramai. Dia bergantung kepada keadaan kita dan ini adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama dan cara orang-orang Islam itu sendiri. Jadi jangan bila kita gagal buat satu perkara kerana kita gagal menguruskan kita *doesn't means* saya tetapi maksudnya Kerajaan Negeri kalau kita gagal menguruskan jangan bila kita tak tahu menari dikatakan lantai terjongkang-jongket, terima kasih, Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta penjelasan, penerangan sikit, penjelasan, saya tertarik dengan Yang Berhormat Permatang Berangan macam biasa dia cuba putar belitkan

perkara Ia. Biar, beri penjelasan dalam televisyen khususnya TV3, liputan TV3 mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun membatalkan sambutan Maulidur Rasul dan setahu saya walaupun saya akur ini adalah agenda orang Islam ini adalah majlis orang Islam, saya faham, soalan saya adalah mengapakah perkara tersebut telah diapi-apikan oleh Kerajaan Persekutuan di mana kenyataan oleh Timbalan Ketua Menteri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Muhyiddin Yassin mengatakan bahawa beliau mengecam Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah membatalkan

sambutan Maulidur Rasul bukannya itu berniat ..(gangguan), biar saya habis dulu ...(gangguan), biar saya habis dulu bukannya itu berniat untuk membakar ataupun mengapi-apikan orang Melayu seolah-olah Kerajaan Pulau Pinang ini adalah anti Melayu. Membatalkan sambutan tersebut walhal hakikatnya adalah tidak ada apa-apa perancangan atau keputusan yang dibuat oleh sesiapaupun untuk membatalkan rancangan tersebut. Bila rancangan itu berlangsung malahan Kerajaan Persekutuan mungkin telah mengeluarkan arahan kepada Jabatan Penerangan supaya tidak turun membantu. Mengapakah nak menafikan hakikat itu, ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya tak nak nafi, saya nak minta laluan. Pertama sekali Seri Delima telah mengaitkan dengan kenyataan Tan Seri Muhyiddin, kalau saya minta izin untuk menjelaskan tapi saya bukan bercakap bagi pihak Kerajaan Persekutuan tapi saya nak menjelaskan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*You* jangan cakaplah, senang, jangan cakap....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Biarlah saya cakap....(gangguan), duduk, duduk *statement* atau kenyataan yang kita tengok daripada Tan Seri Muhyiddin datang setelah wujudnya tanda-tanda bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan supaya tidak dijalankan perarakan bukan program Maulidur Rasul, perarakan Maulidur Rasul yang suratnya yang dikeluarkan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri. Daripada situ sebagai Kerajaan Persekutuan mengikut Perlembagaan dia adalah Kerajaan yang menjaga hal ehwal Agama Islam, jadi apa salahnya sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri dia menjawab bagi menjaga reputasi Kerajaan Persekutuan yang Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab secara berperlembagaan untuk menjaga kepentingan agama Islam dan amalan-amalan dia. Jadi perkara ini bukan kalau kita lihat bukan Timbalan Perdana Menteri tiba-tiba bangun dan bercakap dan mengecam Kerajaan Negeri Pulau Pinang kalau tidak kerana adanya perkara yang lebih awal yang saya sebutkan tadi. Itu perkara yang hakikat yang perlu kita hayati dan kita perlu terima.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, sebenarnya apa yang telah ditimbulkan bukanlah menjadi satu isu yang besar, berkaitan dengan perarakan ataupun

tidak berlakunya perarakan yang lebih penting adalah sambutan Maulidur Rasul itu sendiri, apabila kita lihat walaupun di semua daerah, di semua qariah mengadakan sambutan Maulidur Rasul tetapi di peringkat Kerajaan Negeri sambutan yang cukup amat menggalakkan mendapat sambutan yang luar biasa sebenarnya, jadi sudah tentulah bagi kita bukan satu isu yang disebut perarakan ataupun tidak perarakan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta laluan sikit sahaja, saya semak dan hendak pastikan tadi Y.B. Seri Delima kata ada berlakunya sabotaj dan sebagainya sekarang Permatang Pasir pula kata mendapat sambutan yang cukup hebat dan cukup baik, saya pun keliru yang mana satu betul...(gangguan), ya kalau sabotaj tidak jadi mengapa ditimbulkan kata ada sabotaj dan sebagainya dan sila buktikan secara profesional di mana wujudnya sabotaj itu...(gangguan) suara ramai.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Duduk dulu, duduk dulu macam biasa, itu kenyataan fakta oleh Timbalan Perdana Menteri yang mengecam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Satu lagi liputan yang disiarkan di dalam surat khabar mengatakan Kerajaan Pulau Pinang tidak patut membatalkan sambutan tersebut, itu bukan benar, itu adalah perkara yang telah dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, bukti itu adalah bukti.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Tentang perkara ini saya percaya Ahli ECXO Hal Ehwal Agama akan memberikan keterangan semasa beliau membuat penggulungan dan Ahli Permatang Pasir sila teruskan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Perbahasan saya akan memakan masa, kerana mencuri masa saya, jadi saya pun tidak mahu mengambil masa yang panjang saya rasa banyak lagi perbahasan-perbahasan yang akan ditimbulkan dan yang paling penting di sini apabila disebut dalam ucapan perasmian semalam ialah Kerajaan benar-benar berjiwa rakyat di antara perkara yang kita nampak cukup terlalu meletakkan keyakinan penuh ialah berkaitan dengan satu isu yang sebelum ini berlaku berkenaan dengan pengambilan tanggungjawab kedudukan berkaitan dengan tanah perkuburan Jelutong yang ketika menjadi satu isu yang mana berlarutan berbelas-belas tahun tentang isu perkuburan dan akhirnya selesai dengan apa yang telah dilakukan berkaitan dengan kedudukan tanah, jadi sebab itu hasil daripada penglibatan semua pihak menunjukkan kejayaan kita di situ. Walaupun selepas berlaku penyelesaian itu timbul pula perkara yang dianggap, yang menjadi cetusan bahkan ada media-media memainkan satu isu yang berkenaan dengan apa yang berlaku di Masjid Kampung Buaya yang saya ingin jelaskan berkaitan dengan buang batu nisan, Kubang Buaya, jadi isu itu sebenarnya telah sudah selesai, kemudian dibangkitkan lagi ada isu-isu yang kadang kala selesai tetapi di gambar-gemburkan seolah-olah di peringkat kita di Majlis Agama Islam ini tidak mengambil satu tindakan.

Di sini saya ingin jelaskan kronologinya isu longgokan batu nisan ini, bila kita sebut batu nisan ini pun rasa seram juga, jadi saya ingin sebut serba sedikit apa yang telah kita buat, tinjauan dan turun membuat perbincangan. Pada 10 April 2010 pada hari Sabtu jam 8.00 malam kebetulan berlakunya situasi ini seorang lelaki dia sedang bersiar-siar di tepi pantai, dia terkejut apabila dia terjumpa dan menemui beberapa batu nisan bersama dengan

longgokan rumput dan pasir di belakang sebuah restoran makan laut Cina, akhirnya pihak lelaki itu tadi membuat laporan kepada pihak nelayan yang dekat dengan kawasan itu dan Pengerusi Nelayan itu terus membuat aduan kepada pihak polis yang berdekatan. Kemudian pada 11 April pula pihak polis, pihak Bomba, pihak MPSP kemudian Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang turun terus membuat siasatan sebab isu berkenaan bab ini satu perkara yang sensitif melibatkan apa lagi dengan batu nisan yang dibuang yang tidak diberi satu penghormatan, kemudian hasil daripada siasatan pihak Polis akhirnya dapat mengenal pasti longgokan tersebut datangnya daripada kubur dalam Qariah Masjid Kubang Buaya, kebetulan imam itu sendiri, dia ceritalah asal usul apa berkaitan yang telah berlaku itu dia sebut, dia kata hasil daripada keterangan yang diberi itu mendapati batu-batu nisan dan longgokan tersebut ialah sisa daripada kawasan kubur berkenaan.

Menurutnya pada 7 April, Qariah Masjid Kubang Buaya telah melakukan pembersihan di kawasan kubur tersebut kerana kawasan itu penuh dengan semak-samun jadi buat pembersihan untuk memudahkan laluan untuk pergi kepada tapak perkuburan yang baru yang telah diberikan oleh Pejabat Daerah SPU, akhirnya dalam siasatan dibuat menunjukkan bahawa batu nisan itu kebetulan apabila diserahkan kepada satu kerja-kerja pembersihan ini kepada satu kontraktor, dia pula secara sukarela menawarkan perkhidmatannya secara percuma pula pada hari pembersihan itu dilakukan dan mengambil masa yang paling lama sehingga sampai waktu malam, itu yang berlaku itu, dok cuci, dok bersih sampailah malam dan pada hari yang dia buat pembersihan itu akhirnya jentera pengaut itu terus angkut bawa dengan batu-batu nisan tadi terus di bawah ke satu tempat jadi di situlah isu pertamanya akhirnya bila dibuat siasatan batu-batu nisan tadi dibawa balik dan disimpan di Masjid Kubang Buaya, ini saya hendak menjelaskan berkaitan dengan isu yang dibangkitkan.

Saya ingat isu ini sudah selesai perkara ini, tetapi masih lagi ditimbulkan, sehingga peranan dimainkan oleh semua peringkat pihak Polis, Bomba, MPSP, Jabatan Agama Islam semuanya sudah menyelesaikan perkara-perkara tersebut, Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya ingat itulah sedikit pada pagi ini insya-Allah saya akan dapat melanjutkan lagi dalam perbahasan-perbahasan yang lain dengan ini saya mencadangkan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan berehat selama 15 minit dan akan disambung semula pada jam 11.25 pagi

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.***

***Dewan bersidang semula pada jam 11.35 pagi.***

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya, Yang Berhormat Penaga. Silakan.

## **Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana saya juga ingin serta dalam perbahasan usul ucapan perasmian Dewan Undangan Negeri oleh T.Y.T. Tun pada hari kelmarin.

Sejak daripada kelmarin, Dewan yang mulia ini begitu hangat sekali, apatah lagi dari Seri Delima, banyak kali dia sebut Penaga. Tak sebut pasal saya pun dia sebut saya juga, dia suka sama sayalah tu. Banyak perkara disebutkan tentang itu dan ini jadi saya bermula dengan ambil perkara asas iaitu sebahagian daripada manifesto DAP semasa pilihan raya ke 12 yang lalu. Saya pilih beberapa, pertama sekali ialah saya tengok tentang ekonomi lebih dinamik untuk masa depan Pulau Pinang. Ini manifesto DAP.

Menyokong dan mempromosikan ekonomi untuk semua terutamanya syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan bernilai lebih dari RM10 juta perlu menyumbang kepada keuntungan mereka. Ini manifesto, baik. Di sini saya ingin membangkitkan terutama sekali ialah saya ingin bertanya betulkah Syarikat ECK Construction Sdn. Bhd., mendapat kerja tanah dan lain-lain kerja yang berkaitan dengannya di Taman Perindustrian Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan. Bila tender dibuka, saya diberitahu oleh kontraktor-kontraktor yang terlibat dan juga masyarakat, syarikat ini berkedudukan No. 5, 1, 2, 3, 4, 5 dengan nilainya ialah RM78 juta. Tetapi Ketua Menteri telah memanggil kontraktor No. 5 ini dan runding turun harga RM75 dan ditawarkan kepada syarikat ini. Soalannya mengapa tak dipanggil No. 1, 2, 3, 4 runding, mengapa hanya ambil No. 5 dan runding. Satu.

Kedua, cadangan skim perumahan yang mengandungi 195 unit teres kos sederhana rendah, 2 tingkat sebuah dewan dan sebuah cawang TNB di atas Lot 282 Mk. 13, Bandar Cassia Batu Kawan Seberang Perai Selatan Pulau Pinang. Kontraktor yang terpilih ialah Ambang Tenggara Sdn. Bhd. Betulkah harga asal tender alternatif sebanyak RM14,600,000.00 dikurangkan kepada RM14,370,000.00 secara runding.

Ketiga, Perbadanan Bekalan Air. Tajuk dia Pakej 10 - 25 Percentage Junid and Associated Work Sungai Dua Utara Penang. Kontraktornya ialah Impian Mawar Sdn. Bhd. Harga asal tender Impian Mawar adalah tempat kedua tetapi dikurangkan harganya lebih rendah daripada harga yang pertama melalui rundingan juga iaitu RM20 juta. Tiga ini saya tengok semua runding, runding, runding, tender terbuka apa namanya ni. Katanya tender terbuka tetapi bila pemilihan tender tertutup. Dan kelmarin dibangkitkan lagi satu golf, kelmarin tak sempat nak bebas, tutup habis, Golf. Yang selama ini diuruskan oleh Island Golf Properties Sdn. Bhd., bukan koman. Setiap tahun keuntungannya RM700, RM800 ribu setahun.

Dalam tahun 2007, 2008 ia terpilih dalam golf Malaysian Magazine kedudukan No.11 daripada 260 padang golf yang ada di Malaysia. No. 11. Dia pernah menganjurkan Malaysian Open tahun 1992, Malaysian Amateur 1993 Peringkat Kebangsaan dan 1994, 1995 Volvo Cup. Tiba-tiba pengurusan ini diminta untuk memberi kepada penender-penender baru. Maka tawaran dibuka. 5, 6 tender yang telah masuk. Mereka pilih 3. Lembaga Pengarah IGP memilih 3, iaitu Saujana, Taiyob dan ATS. Lembaga Pengarah IGP ini memilih mengesyorkan Saujana, melalui pengalaman mereka, rekod mereka

yang telah mengurus ke padang golf yang berjaya 5, 6 tempat padang golf. Tetapi malangnya lagi sekali melalui rundingan, Saujana telah ditolak dan memilih Taiyob. Hari ini riuh dalam *paper*, riuh dalam *paper* dan juga masyarakat yang bermain golf di situ pun gaduh. Mereka mempunyai keahlian seramai 2700 orang yang menjadi ahli di BJCC yang aktif 800 orang. Okey. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ketua Pembangkang, saya dengar berita-berita yang tak berapa sedap tentang tender BJCC ini. Tak sedap bagaimana, saya dengar angin-anginlah, kata syarikat yang menang ini dibenarkan membuat penawaran baru selepas tender ditutup. Ini yang saya tak berapa sedap dengar ini. Jadi tak tahulah mungkin kalau bolehlah di *classify* kan minit mesyuarat tender itu, kita nak tengok yang sebenarnya.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, terima kasih saya bersetuju juga untuk di *classify* kan tawaran tender itu. Persoalannya, kalau kita rujuk kepada sidang akhbar yang dibuat kelmarin saya pun ada satu salinan. Bukan sidang akhbar, daripada Sekuriti Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kedudukan syarikat ini dari segi kewangannya adalah teruk, teruk mengatakan teruk kerana *current liability* dia ada RM114.2 million. *Profit loss before tax minus 19.2 million, profit loss after tax minus 19.5 million*. Apa cerita ini, benda yang saya bangkitkan semua runding, runding, runding.

Berbalik kepada yang tadi, menyokong dan mempromosi ekonomi untuk semua terutamanya syarikat yang mendapat kontrak yang bernilai lebih daripada RM10 juta perlu menyumbang sebahagian keuntungan mereka, ini *the cash freeze*. Menyumbang kepada siapa? Yang mendapat kontrak lebih daripada RM10 juta nak sumbang kepada siapa? Sumbang kepada Kerajaan Negeri, adakah masuk dalam akaun Kerajaan Negeri, adakah penyata kewangan tertulis di situ atau termasuk kepada Parti yang memerintah, atau masuk kepada poket orang-orang tertentu. Sekarang siapa yang mengamalkan rasuah. Kelmarin begitu lantang UMNO rasuah, memang saya pun nak jemput saudara Seri Delima, kelmarin dia lah punya deras UMNO rasuah. Sekarang saya bertanya balik siapakah mengamalkan melalui rundingan-rundingan ini. Silakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta penjelasan. Adakah bukti menunjukkan wang ini telah dibayar No. 1. Kedua, adakah bukti bahawa wang ini telah dimasukkan dalam akaun mana-mana pihak tertentu, atau akaun Kerajaan Negeri, berbeza, biar saya beri penjelasan, berbeza. Dan manifesto tersebut juga, saudara tengok diperoleh dari mana?...(gangguan), manakah manifesto itu disiarkan, manifesto bahawa kita ada minta syarikat-syarikat yang tertentu sahaja untuk tender untuk projek tersebut.

Jadi Y.B. Pembangkang, saya meminta supaya buktikan perkara itu tersebut, buktikan fakta yang tersebut, jangan buat tuduhan liar berbanding dengan kedudukan saya kelmarin di mana saya boleh membuktikan kenyataan saya. *Now* biar saya bagi penjelasan, Y.B. Ahli Parlimen Bayan Baru iaitu Encik Zahrain memang telah diberi rasuah. Beliau telah dijemput bersama-sama dengan Perdana Menteri kita ke Washington selepas beliau membuat kenyataan-kenyataan yang palsu terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bukan kah itu unsur rasuah. Dua kali selepas beliau membuat kenyataan, dan Fairus, bila dia tinggalkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tak boleh bayar wang kereta yang terhutang. Sejurus selepas beliau masuk sahaja UMNO mana dapat wang RM100 ribu ringgit untuk bayar kereta *Mercedes Benz*. Itu adalah kenyataan yang boleh saya buktikan. Tuduhan Y.B. yang buat itu adalah tuduhan liar tiada bukti. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya nak minta Seri Delima tanya Permatang Pasir, di sana di Kelantan, EXCO Kerajaan Negeri bagi duit tip RM4 juta untuk apa. Untuk mempertengahan pentadbiran yang lalu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Siapa beri wang kepada Saiful untuk menuduh Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan liwat. Dia pi jumpa Rosmah dulu, tidak pergi jumpa doktor. Beri jawapan yang itu.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Bagi Telok Bahang jelaskan dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Orang kena liwat pergi jumpa Rosmah dulu, bukan pergi jumpa doktor.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Duit RM4 juta daripada Kerajaan Negeri atau individu, mana dia datang, bukan rasuah. Saya tidak tahu, mungkin Permatang Pasir ada jawapan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Mungkin jawab persoalan saya dululah. Siapa yang memberi wang kepada Saiful.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Duduk dulu. Cerita pasal Saiful lah, masuk mahkamahlah. Yang Berhormat seorang *lawyer*, pi lawan di mahkamah. Tok usaha cerita di sini siapa yang nak bagi duit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya mencabar. Kalau berani mencabar siapa *that fellow* yang memfitnah Kerajaan Negeri Kelantan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat, saya bercakap dengan lembut. Tolong duduk ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Biar saya respons kepada perkara tersebut. Persoalan saya sekarang ialah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sila duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau kita telah diberi wang, memang Saiful pun boleh diberi wang untuk bersubahat dengan Kerajaan UMNO.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Orang tak bagi laluan pun bangun. Saya bertanya tadi wang itu pergi ke mana. Saya tidak kata masuk Kerajaan Negeri ke, parti ke. Semua runding, runding. Mengapa tender terbuka katakan CAT, Akauntabiliti dan Telus. Telus apa kalau tender 1,2,3,4,5. Ambil nombor 5 kemudian runding. Itu telus ke namanya. Telus ke itu. Yang pasal golf tadi. Punyalah teruk rekod dia pun runding juga bagi juga. Jadi inilah satu rakyat ingin tahu. Jangan sebut tender terbuka, telus, *transparency*, bila mari implikasinya nak *implement*, implementasinya jadi berselerak macam bubur. Indah khabar dari rupa. Cerita saja pandai. Bagus, apa yang dibangkitkan ini saya nak jawapan. Semua yang saya bangkitkan ini saya harap jangan esok masa menggulung duduk kemudian belah, habis. Jawab tiap-tiap satu. Saya dah kena banyak kali.

Menarik lebih banyak pelaburan yang mampu menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dengan kadar bayarannya lebih tinggi. Pada 2008, RM10.2 bilion telah datang ke Pulau Pinang. Hebat, riuh. Pada 2009, daripada RM10.2 bedebuk jatuh tinggal RM2.2 bilion. Hampir 80% pelaburan jatuh, di Pulau Pinang. Mengapa. Walhal Kedah negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat, dia jatuh 50%, Selangor 42%, Negara jatuh 48% tetapi kenapa Penang hampir 80%. Apa terjadi, ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur asing tidak mempunyai keyakinan terhadap pentadbiran dan pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Orang tidak percaya, orang tidak datang. Yang adapun nak memperkecilkan lagi pelaburannya contohnya Dell. Pelan-pelan nak lari dari Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih Y.B. Penaga. Tentang hal ini juga saya pun was-was sama ada RM2.2 bilion yang masuk Pulau Pinang. Saya *check on the ground*, tidak ada satu pun kilang baru yang pelabur yang dibina dalam masa dua tahun oleh pelabur luar.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Samalah macam kelmarin, Batu Maung, *halal hub*, MOU sana, MOU sini, satu dunia punya MOU. MOU hanyalah sekeping kertas yang tidak ada *legal binding*. Kalau tauk dalam laut, banyak punya MOU boleh buat satu pulau. Sama tunjuk di mana yang ada beroperasi yang Batu Maung katakan itu. Tunjukkan di mana yang naik selama dua tahun. Dok cerita MOU, *halal hub, hub, halal hub*. Habuk pun tidak ada. Cerita mai esok masa gulung tang mana di Pulau Pinang ini wujud satu *Halal Hub*. Seterusnya mentadbir Kerajaan Negeri bebas dari Dasar Ekonomi Baru yang menyumbang kepada kronisme, amalan rasuah dan memberi keuntungan kepada segelintir sahaja. Sedap bunyi, tadi 3, 4 sudah saya beri. Saya nak sebut di sini berkenaan dengan Venice Gateway Bhd., *ICT centres*. Bila ditanya berapa disewa tak boleh beri tahu, rahsia. Tidak boleh beri tahu. Walhal itu ialah harta Kerajaan, harta rakyat. Bila rakyat ingin tahu berapakah nilai sewanya itu, tidak boleh beritahu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Omar Shah):**

Penjelasan. Saya tidak boleh pertikai itu hak Y.B. Dato' Speaker, soalan bertulis saya ditolak, kerana saya nak tahu berapa sewa berbanding dengan Yohan dahulu. Tapi katanya soalan ini ditolak. Berapa sewa dikenakan kepada Yohan dahulu dan sekarang kepada Venice soalan itu ditolak. Alhamdulillah hari ini Ketua Pembangkang boleh bercakap. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya bangkitkan soalan ini saya harap masa menggulung nanti jangan lupa untuk jawab. Soalan bertulis ditolak, sekarang saya bangkit dalam perbahasan ini saya harap masa gulung tolong beritahu. Semua orang ada, publik pun ada yang *live* satu Malaysia dengar, pemberita dan seterusnya, ada diberitahu kereta kabel yang dirancang naik dari Waterfall ke Bukit Bendera, buat kereta kabel bagus, saya cukup sokong yang itu. UPEN telah buat penilaian, dan sebagainya mengesyorkan satu syarikat, tiba-tiba sekali lagi ditolak yang di analisa oleh UPEN runding lagi, pilih kontraktor buat kereta kabel yang lain. Dalam negara pun runding, luar negara pun runding.

Akhirnya saya pun tidak tahu sistem tender apa yang dipakai di Negeri Pulau Pinang ini. Sama juga hari itu yang saya bangkitkan dalam penggal pertama dahulu. *Trial run dual carriage* di Batu Kawan. Saya ingat, Bagan Jermal berapa kali saya tanya apa nama syarikat itu tidak boleh bagi tahu tidak akan beritahu. Biar publik tertanya-tanya dan akhirnya tidak ada jawapan. Sekali lagi saya tanya dan paling terkejut sekali tamat kontrak pada bila-bila masa tanpa memberi sebab. Hakim nak jatuhkan hukuman pun dia bagi tahu sebab. Ini boleh tamatkan kontrak bila-bila masa tanpa memberi sebab.

Kononnya nak menyelamatkan rakyat, nak menyelamatkan duit. Itu namanya zalim dan kejam. *You* nak jatuhkan hukuman kepada sesiapa mesti bersebab. Seterusnya dalam tajuk yang sama lagi dalam sektor pelancongan dan industri nafas baru.

Pelancongan di Pulau Pinang ini semakin sehari semakin malap. Orang *complaint*, orang tengok pantai kita macam tong sampah. Bila saya sebut tentang mati seorang pelancong daripada China itu yang kena kemalangan jalan raya itu satu sahaja. Yang naik perahu naga, yang dulu kita buat perahu naga *international accident*, tapi tak kisah, tak peduli juga tentang Weld Quay. Bila budak sekolah naik belaga, tenggelam lima orang baru nak pindah balik ke sana. Susah cakaplah. Pelancongan kita tengok Langkawi. Semua orang tahu, dalam televisyen penuh, dalam surat khabar Geo Park Langkawi begitu menarik hati pengunjung-pengunjung dari seluruh dunia ke Geo Park Langkawi mengakibatkan pelancong ke Negeri Kedah naik. Kita tidak ada satu yang boleh menarik lagi. Kalau Pulau Pinang dahulu terkenal dengan kawasan elektronik industri yang hebat, pelancongan sebagai salah satu sumber pendapatan negeri, malangnya pelancongan sekarang ini semakin menurun. Kalau ikut perangkaan 5.5% pelancong menurun.

Saya tidak tahu pasal apa. Mestilah Kerajaan Negeri bertanggungjawab. *King of Tennis* kononnya nak tarik, berapa lama Kerajaan kita kena tipu oleh seorang pengusaha Arianna Teoh. Barulah nak *claim* sekarang ini untuk menuntut ganti rugi sebanyak RM262,161.80. Baru sekarang dah berapa lama *by the time* nak bicara, ding dong ding, Kerajaan ini pun dah tidak ada dah. Ini masih lagi dengan manifesto. Lagi satu memperbaharui dan menstrukturkan semula PDC. Panggil seorang pakar datang memberi khidmat nasihat itu dan ini, memajukan PDC, tiba-tiba saya dengar pakar itu Julian Kandaya meninggal PDC. Mengapa dia tinggalkan. Setiap keputusan yang dibuat semuanya berlandaskan politik. Dia tidak boleh bekerja. Bukan berlandaskan ekonomi, berlandaskan politik. Dia angkat bungkus belah balik. Penstrukturan semula.

Tajuk kedua yang ini suasana persekitaran dan sosial, membina lebih banyak rumah mampu milik untuk semua sehingga hari ini. Berapa banyak atau berapa jumlah buah rumah mampu milik yang telah membina oleh Kerajaan Negeri melalui PDC. Berapa banyakkah yang sudah dibuat? Kelmarin masa saya berhujah dengan Y.A.B. Ketua Menteri, dia menceritakan fasal PERDA saya kata rumah PERDA yang di Sungai Batu itu rancangan nak buat 80 unit 30% dia hendak lebih, dia letakkan syarat untuk *conversion* 210 unit bagi balik bincang, okey 210 unit 49%.

Yang Amat Berhormat mengatakan PERDA diwujudkan, PERDA diwujudkan kerana untuk membantu rakyat okey, kami buat 210 unit. Apahal Kerajaan Negeri? Kerajaan Negeri tak bertanggungjawab untuk membela? Rumah mampu milik? Berapa buah yang ada? Berapa buah yang telah di bina? Dan katanya sekarang ini, LMC dulu 75,000 sekarang sudah naik lebih daripada 100,000 LMC dan yang paling mengecewakan sekali saya rumah atau flat PPR, rumah PPR. Projek Perumahan rakyat Sungai Pinang buat untuk rakyat tetapi *unwelcomed presence*, tajuk dia. Maaf Y.B. Dato' Speaker, ....(dengan izin), keluar New Straits Times, bukan, maaf. Star Metro 18 Februari 2010, rumah sepatutnya didiami oleh rakyat golongan bawahan Pulau Pinang penuh dengan *Bangladesh, Indonesian, Vietnamese*.

Apa Kerajaan Negeri buat ni? Biar saja, sapa hendak duduk, duduk. Ini dasar Kerajaanlah? Buat rumah, dah bina tidak jaga. Saya bukan cakap, tadi Seri Delima dok tunjuk syarat saya pun ada, dia tunjuk lain, saya tunjuk lain sebentar lagi nak baca boleh. Sama juga kelmarin dalam TV malam tadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat menonton TV1 Prime Time News pukul 8 malam tadi. Seorang PPRT dengan isterinya sekeluarga dalam rumah mereka, dia kata dalam Batu Uban.

Yang Berhormat Batu Maung mereka jumpa yang Berhormat Batu Maung, Yang Berhormat Batu Maung kata okey, tak apa duduk. Selepas 2 hari MPSP seal rumah itu, dia kutuk Kerajaan Negeri habis-habisan malam tadi 10 tahun minta rumah tak dapat lagi. Ada rumah Bangladesh duduk, Vietnam duduk, Indonesia duduk. Bukan dia adakan semua satu negara boleh lihat TV1 pukul 8.00 malam punya *news*...(gangguan), kalau dia pergi hari itu sekali dia kena seal, dia pergi ke pejabat pukul 9.00 pagi dia tunggu pegawai-pegawai kata nanti, nanti, nanti, pukul 4.00 petang baru dia bagi kunci balik daripada pukul 9.00 sampai pukul 4.00 petang. Cerita esok, jangan jawab hari ini.

Satu lagi yang dibangkitkan yang diberitahu kepada saya mintak saya tolong bercakap, okeylah, saya kata, saya tolong bercakap, ini demi untuk rakyat. Ini Pemaju Arah Objektif Sendirian Berhad di tuduh bersubahat dengan Kerajaan Negeri tipu 120 pembeli kondominium mewah *Delima Palace*, dia ada surat kepada Ketua Menteri yang ditujukan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Masa dia beli rumah ini dalam *brochure* nya, dengan kolam besar dan sebagainya muat untuk 30 orang, tapi bila dibina dia tak jadi kolam yang besar, dia bina kecil, rumah ini bernilai di antara RM700,000.00 sehingga RM1.8 juta di Island Glades dia memberitahu saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l; Rajaji):**

Minta penjelasan, saya cuma hendak tahu bahawa Yang Berhormat Pembangkang projek itu diluluskan oleh Kerajaan kita ataupun tuduhan itu dibuat oleh siapa? Oleh pembeli terhadap siapa? Pemaju? dan adakah ianya menuduh kita bersubahat dengan pemaju itu saya nak tahu?

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Surat ini yang tadi saya baca tajuknya itu, pemaju Arah Objektif bersubahat dengan Kerajaan Negeri, tipu 120 pembeli kondominium mewah, dia tulis bukan saya mengada-adakannya. Dia pergi jumpa dengan MPSP mengapa lulus? Katanya, Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan. Itulah dia berasa tertipu, beli dengan harga RM700,000.00 hingga RM1.8 juta, sekarang ni harganya turun disebabkan oleh *swimming pool* yang tak sewajarnya. Masa tawaran beli lain, bila apa ini dibuat lain pula jadinya. Seterusnya memperluaskan kawasan persekitaran hijau dan menghentikan projek pembangunan berlebih-lebihan, jadi, tajuk ini semua telah dalam manifesto.

Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kita naik kapal terbang, nak pergi Kuala Lumpur, *from* Penang *to* Kuala Lumpur, tengok di bawah tu melalui tingkap, bukit di Pulau Pinang hampir-hampir botak, ya, hampir botak macam kepala saya, hampir botak, ditebang dan ditebang, tidak ada apa pun tindakan. Bukit Bendera, depa tanam sayur, tanamlah ikut suka hati. *You* punya selalu tau macam tu Yang Berhormat....(ketawa).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tanasekharan a/l Autherapady):**

Ini pokok-pokok di sekeliling bukit-bukit di Pulau Pinang, sudah botak dalam masa pemerintahan Barisan Nasional, bukan sekarang, sekarang kita hendak tanam pokok dan Ketua Pembangkang pun bantah bila kita tanam balik pokok. Perkara ini berlaku dalam semasa Barisan Nasional memerintah.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Asal, Barisan Nasional pokok jarang-jarang, sekarang botak, jarang, jarang, jarang sekarang botak. Jadi jangan la cakap fasal *green* kelmarin, Wah kita tanam pokok itu, ini. *You* tengok atas Bukit Bendera tengok, cerita tanam pokok 26 juta kita ambil bahagian sama la, alamak! Orang kampung saya tanam pokok, tanam padi banyak la, hari- hari tanam, dan masalah rumah saya tengok tidak ada satu pun lagi pelan struktur untuk menyelesaikan masalah rumah-rumah setinggan di Pulau Pinang, tak ada apa lagi, jangan kata buat perancangan ataupun pelan dasar pun tak ada lagi. Tadi dah la kita tengok ada rumah pun dah orang lain pi duduk, Kerajaan buat tak tau aja, rumah untuk setinggan berlambak, Bagan Dalam, mana Bagan Dalam.? Berlambak di kawasan tu? Rumah, rumah setinggan tidak ada dasar pun macam mana kita nak cakap negara-negara Pulau Pinang ni hebat membangun? Alah, cukuplah, cukuplah ya tak usahlah cerita.....(gangguan), janganlah cerita banyak-banyak, jangan cerita hebat-hebat, tetapi berselerak, berkokok berderai-derai, ekor bergelumang tahi, ertinya cakap pam, pam, pam, tahi berselerak, itulah yang dikatakan cakap tak serupa bikin.

Cakap fasal *tender* sampai esok pun tak habis , nak buat PICC tak tau lah apa sebab biar pi lah itu Kerajaan kata wajar nak buat dia nak buat PICC nak belanja RM50 juta walaupun orang lain, IJM nak buat, dia nak buat, dia nak buat. Tapi bila cakap tentang *tender* terbuka saya terkejutlah arkitek tak terbuka pun *tender*? Pilih arkitek cara *hand pick* saja arkitek yang nak buat tu, tak ada pun yang dok riuh kita telus, akauntabiliti, alamak. Tapi biarlah kita bercakap di sini, semua orang boleh dengar semua orang boleh bahas bukan saya cakap merapu atau apa, *its a fact*, pasai saya buat *study*, saya buat *homework* sebelum saya bercakap. Kenapa arkitek itu, yang di *hand pick* bubuh dia betul buat dulu PISA tapi sekarang PISA di luar kawasan, PICC di luar kawasan PISA. Mengapa? Kronikah? Selamat tinggal masalah kesesakan lalu lintas dan pengangkutan awam, saya nak beritahukan Pelan Dasar Sistem Pengangkutan Awam belum lagi ada, baru cakap belum buat lagi, nasib baik ada *Rapid Penang*. *Rapid Penang* dulu Kerajaan Barisan Nasional yang bawak mai, kalau tak mahu *Rapid Penang* boleh pi hantar dia balik, nak tengok syarikat mana yang nak ambil alih, baik, *Rapid Penang*, sampai hari ini,... (gangguan), ini satu pelarian tau ....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Teruskan, teruskan...(gangguan)...(ketawa).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Inilah menunjukkan dikatakan....(gangguan), ini menunjukkan betapa lemahnya daya dan kemampuan membahaskan Ahli-ahli Dewan daripada parti PKR, kita bercakap tentang perkara yang dibangkitkan, nu cerita, apa, *it's a*

*joke* lah, malulah budak-budak sekolah pun ada yang duk dengar, biarlah nampak kematangan sikit sebagai Ahli Yang Berhormat. Memanglah, paling sedap bercakap orang duk rasuah, Barisan duk rasuah tetapi kita duk pelan-pelan duk melakukan baru 2 tahun memerintah, kita nak cuba sembunyi tapi masyarakat tahu. Sekarang habis mengenai sebahagian daripada manifesto.

Saya nak pergi ke lain pula...(gangguan). Pertama sekali saya nak bangkitkan nasib golongan nelayan, nasib golongan nelayan, golongan nelayan ini di Negeri Pulau Pinang ini semakin menderita akibat pembinaan jambatan Kedua Pulau Pinang, tiga-tiga golongan ini sama adalah penangkap ikan, penternak ikan mahupun penternak kerang Kerajaan Negeri tak bagi duit pun, pendapatan mereka semakin hari semakin kurang, semakin hari semakin merosot, tak bagi duit .

Ini semakin menderita akibat pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Tiga-tiga golongan ini sama ada penangkap ikan, penternak ikan mahupun penternak kerang, Kerajaan Negeri tak bagi duit pun, pendapatan mereka semakin hari semakin kurang, semakin hari semakin merosot tak bagi duit, buat surat kat UPEN minta Federal, belum lagi dapat pun tetapi nasib baiklah Kerajaan Barisan Nasional Federal memperuntukkan kepada semua nelayan di Pulau Pinang RM200.00 sebulan, sama ada nelayan, tekongnya ataupun awak-awaknya, iaitu pekerjaanya RM200.00 sebulan seorang, lebih daripada itu ialah bagi subsidi diesel dan petrol tak cukup, bagi insentif pula kalau dia bawa balik setiap hasil tangkapannya itu, setiap kilogram diberi 10 sen, itu Kerajaan Pusat bagi.

Nelayan, yang menderita hari ini yang Kerajaan Pulau Pinang ini bagi RM8.30 bisingnya. Sebab itu saya kata ayam, bukan ayam, jantan ayam betina, perumpamaan Melayu kata, "Bertelur Sebiji Riu Sekampung." Kita bukan kata menghalang saya tidak membantah bagi tapi saya syorkan bagi RM200.00 hingga RM300.00 sebulan, jangan bagi takat RM8.00 biarlah yang diambil duit itu dia pergi ke bank ke, minyak motor itu dia boleh balik modal dia boleh bawa keluarga dia pi makan ke sekali sekala makan-makan yang sedap, ini nak makan mee udang pun tak cukup sepinggan, tambah minyak motor lagi nak pi ambil, bertelur sebiji riu sekampung, yang kedua, *International Tuna Port* dulu telah diwujudkan di Batu Maung.

Ketika itu saya tanggungjawab pada perikanan, pergi sampai ke Taiwan memujuk syarikat-syarikat bot tuna ini datang mendarat di Batu Maung dulu mereka mendarat di Phuket, ataupun mendarat di Bali, yang mereka pergi tangkap di *Indian Ocean* dan *Andaman Sea* balik mai dan kita punya perancangan untuk buat industri kilang ais, tin dan sebagainya, maju. Ikan-ikan tuna seperti macam *Blue Fish* itu terus bawa masuk dekat *airport* terus bawa terbang ke Tokyo yang kualiti tinggi.

**Ahli Kawasan Seri Delima ( Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta penjelasan. Terima kasih. Y.B. Pembangkang saya tertarik dengan apa yang telah diusahakan oleh Y.B. sewaktu menjadi EXCO Perikanan, tapi sudah lupakah bahawa sewaktu *Projek The Light* diluluskan di Sungai Gelugor di mana perkampungan nelayan di situ telah diminta daripada Kawasan Sungai Gelugor untuk berpindah ke jeti di Jelutong. Nasib mereka ketika itu mengapa kita memberi kelulusan tersebut dan mengapa tidak

pampasan kepada mereka itu tidak diberikan secara telus? Mengapakah tidak ada sebarang rundingan dibuat dengan kumpulan nelayan? Semuanya orang Melayu di Kawasan Sungai Gelugor untuk berbincang dengan mereka tahukah tidak sekarang. Selepas kita mengambil pimpinan dengan EXCO-EXCO yang ada, kawasan perikanan nelayan itu telah diberi penempatan semula dengan berdekatan dengan rumah mereka dengan projek di mana jeti baru akan dibina dan pampasan juga telah dinaikkan, kalau betul kita prihatin tentang nasib nelayan di Kawasan Sungai Gelugor, nelayan secara amnya mengapa masa itu tidak diambil tindakan, inisiatif, positif untuk membela nelayan di Kawasan Sungai Gelugor, apa jawapan?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Maksud Yang Berhormat ialah jeti pindah, jeti nelayan,

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Pindahan di mana mereka dipaksa yang tidak bersetuju untuk pindah ke jeti di Sungai Pinang dan di mana mereka tidak diberi apa-apa rundingan dan permintaan mereka untuk kekal di situ tidak dibenarkan, kononnya Yang Berhormat mengatakan pemaju Syarikat The Light tidak mahu melihat nelayan itu berada di situ, bila membeli perumahan di situ dengan wang yang banyak mereka tak mahu lihat perkampungan nelayan, itu kononnya jawapan yang diberikan Y.B. Sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Yang Berhormat *you* dengar cerita sekarang saya nak bagi cerita saya. Setiap nelayan yang berpindah pangkalan dibayar RM12,000.00 tunai. Mereka cerita tak, kepada Yang Berhormat itu? Dia tak dapat, itulah tak dapat, bila dah dapat duit, kata tak dapat, mahu lagi, pihak Kerajaan telah bagi RM12,000.00 *you* semak dengan LKIM, tanya mereka bila pun tak dapat, dapat habis belanja, tak dapat itulah ceritanya.

**Ahli Kawasan Seri Delima ( Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kononnya mereka diusir daripada pejabat Y.B. bila mereka datang di situ Yang Berhormat tak mahu berjumpa dengan mereka langsung berbanding dengan Yang Berhormat EXCO sekarang, yang sudi melakukan mesyuarat dengan mereka turun ke kampung halaman sendiri untuk berbincang, saya difahamkan bila mereka datang berjumpa dengan Yang Berhormat diberitahu tak boleh berjumpa, mereka diusir keluar, betul, nafikan perkara itu.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Saya tak pernah mengusir siapa-siapa yang mengusir saya jangan buat tuduhan melulu tanpa sebarang bukti, saya kata RM12,000.00 bagi kepada semua nelayan bukan sahaja di situ, di Tanjung Bunga pun dulu dapat RM12,000.00. Sungai Pinang pun kalau pindah nelayan RM12,000.00 *cash*, tanya mereka tak. Saya tahulah ini nelayan.

**Ahli Kawasan Seri Delima ( Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat tidak boleh menuduh mereka Yang Berhormat tidak boleh menuduh mereka Yang Berhormat tak boleh menuduh orang nelayan itu, saya rasa tak boleh tak patut, menuduh orang nelayan mengatakan mereka ini cakap tak betul, jangan kata begitu Yang Berhormat jangan, jangan kata begitu, mereka ini orang miskin, orang bekerja susah, mereka ini telus. Saya minta Yang Berhormat jangan buat tuduhan orang nelayan. Saya minta maaf, saya minta tarik balik...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Saya tak bagi laluan, dia bangun.

**Ahli Kawasan Seri Delima ( Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Jangan ulangi perkataan itu, jangan berkata begitu, seolah-olah Yang Berhormat mengatakan bahawa mereka ini orang yang menipu, nelayan adalah golongan yang menipu..(gangguan). Sila tarik balik.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Saya tidak kata mereka penipu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tapi cara Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Pandailah dia repetisi, saya tak sebut, dia *put words on my mouth*,... (gangguan). Saya tak kata.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Habis apa Yang Berhormat cuba katakan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Saya kata, dulu bagi RM12,000.00 kepada semua nelayan yang terpaksa berpindah jeti, itu Kerajaan dulu bagi, Kerajaan sekarang bagi apa? Setakat nak jumpa modal air liur.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Soalan yang ditanya oleh Seri Delima dan jawapan ialah bahawa kita bagi RM12.000.00 mungkin *you* tanya mereka mungkin dia akan kata tidak, ini bermakna mereka bohong, itu fahaman sayalah.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Saya katakan ialah kita boleh *check* dengan LKIM itu saja, lepas saya kata.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Adakah itu maksud Yang Berhormat katakan nelayan itu berbohong? Itukah penjelasan. Saya minta penjelasan, adakah itu maksud Yang Berhormat bahawa nelayan ini di Sungai Gelugor berbohong?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Bukan, saya tak kata begitu. Saya tak kata bohong, saya tak kata tipu, saya kata LKIM yang telah menguruskan bayaran itu. Mengapa mereka tak mahu mengaku. Kalau ingat betul nak perjuangkan nasib nelayan yang mendapat pendapatan semakin hari semakin kurang sila beri bantuan, Kerajaan Negeri, jangan mengharap Kerajaan Pusat yang duk berikan RM200.00 sebulan, subsidi petrol dan juga insentif menaikkan ikan, mana Kerajaan Negeri bagi, apa pun tak ada. Nelayan Kuala Muda orang PKR pun saya *sign* borang sokong. Tolong apa? Gulung apa? Jangan esok tak gulung, esok belah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Hj. Yahaya):**

Terima kasih Y.B. Penaga. Dalam Dewan ini ada peraturan Y.B. Dato' Speaker, saya amat-amat kesian kepada golongan nelayan, kerana di kawasan saya memang banyak nelayan kawasan Y.B. Bayan Lepas, kawasan Pulau Betong, kita banyak nelayan, penyokong-penyokong kita semualah. Yang saya kesian kerana mereka Kerajaan Negeri tidak memberi perhatian langsung pun, jeti mereka pun Kerajaan Pusat buat, kemudian bantuan yang Y.B. Penaga sebut pun Kerajaan Pusat bagi masalah yang lama yang tidak selesai pun ini masalah pencerobohan masuk ke kawasan 5 km ke dalam, masih tidak selesai lagi, kemudian masalah yang besar sekarang ialah masalah Pukat Buaya, ini pun Kerajaan Negeri tak buat apa juga pukat yang diambil tangkap ikan daripada permukaan air, sampai ke tanah habis anak cucu ikan semua ambil, jadi bila dia benarkan semua itu, cuma Pulau Pinang saja, Kedah pun dah hapus, tak ada lagi pukat buaya, Perak pun tak ada lagi pukat buaya, cuma Pulau Pinang yang ada jadi pukat di sana orang yang buat pukat daripada Kedah juga semuanya datang ke Pulau Pinang, yang ini tak selesai lagi saya harap Kerajaan Negeri serius dalam perkara ini nak bantu nelayan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Terima kasih Y.B. Telok Bahang, tadi saya sedang bercakap tentang *International Tuna Port*, sekarang ini pun yang menangkap ikan tuna di *Andaman Sea* di Lautan Hindi, tak datang ke Pulau Pinang, ke mana mereka pergi, mereka pergi ke *Mauritius* untuk pendaratan ikan tuna apa terjadi dengan *International Tuna Port* kita itu air pun dipotong dah ini, apa jadi, dulu pelan segala hiliran lah, itu ini, sat lagi Penanti jawab, jangan suruh orang tarik balik, bagus macam itu, belajar bagus. *International Tuna Port*, TKPM Juru, hari itu saya pergi buat lawatan, yang luasnya lebih kurang 200 ekar yang saya lihat sejak 2 tahun ini baru ada nenas, lebih kurang 100 ekar, 2 tahun baru tanam 100 ekar, apa cerita ini, 2 tahun baru ada tanam nenas, ikan ke mana, ternakan ke mana, nama saja "Taman Bekal Pengeluaran Makanan" tetapi tidak bergerak, amat malang sekali. Apakah Kerajaan Negeri ini tak peduli langsung pasal pertanian? Baru 50% itu pun baru tanam nenas sila pergi.

Ladang ayam dan khinzir, kalau kita pergi Simpang Empat, kawasan itu nak makan nasi sebelah, sebelah tibai lalat di situ. Itu kawasan ternak ayam yang paling besar. Kita dulu rancang untuk membantu penternak ayam untuk buat ladang tertutup ataupun kandang, atau reban ayam tertutup, dulu saya ingat ada 8 ka, sampai sekarang pun duk 8 itu juga. Juga kita rancang buat ternakan khinzir tertutup macam Thailand buat, duk tak ada apa, habis-habis cerita kata *discharge* bawah daripada 50 BOD. Apa pun tak ada, sebab itu saya kata, kita bercakap tentang kita hendak pertanian moden tetapi kesihatan rakyat, kepentingan rakyat diabaikan tak dipedulikan.

Sekarang saya beralih pula kepada, mana Jawi, MPSP kutip yuran *parking fee* mulai 1 Julai 2010. Di Nibong Tebal 40 sen satu jam, sementara 8 hingga 9 malam bagi sistem kupon, ya, Jawi saya sebut-sebut nama dia mai. Dulu tak kena, sekarang mulai 1 Julai kena bayar, saya tertarik bila Y.B. Jawi kata kalau dikuatkuasakan saya akan letak jawatan, kita pun tunggulah ini, pilihan raya kecil baru nak mai ini. Tak tau dia muncul dia.

**Ahli Kawasan Jawi ( Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan. Saya rasa Ketua Pembangkang apa, kalau apa saya minta Ketua Pembangkang baca berita baik-baik sebelum cerita hal ini, pasal apa Ketua Pembangkang bagi maklumat yang palsu, saya tegas benda macam ini, saya minta Ketua Pembangkang bercakap dengan cara baik, kalau nak kritik benda ini biarlah cakap benda yang nyata. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

ADUN Jawi tidak menghormati MPSP, siapa kata?

**Ahli Kawasan Jawi ( Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Pemberita cakap.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Oh, ini pemberita cakap, Padang Kota dia tau. Apa lagi, Padang Kota kata, Ahli Padang Kota kata, gambar pun ada, sekarang EXCO, Yang Berhormat nak nafi apa lagi? Saya cakap tak baik ka. Sebab itu saya panggil supaya dengar, kemudian *you* boleh bahas, sekarang tak mahu letak jawatan lah? Kita tunggu dan lihat. Kita berjenaka, kita lawak, kita serius, tapi benda yang serius, serius, kita lawak, lawak kalau tidak *tension* yang terlalu tinggi sangat, benda betul, betul, *admit* la, kadang-kadang kita pun buat silap, kadang-kadang kita buat silap terburu-buru kita kata nak letak jawatan, sekali bos kata hap! Diam! Kita diam. saya *move* ke tajuk lain. Pulau Pinang pusat maksiat negara. Ini cukup menarik, di sinilah, di merata-rata *outlet* tak terdapat GRO daripada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat minta penjelasan. Itu akhbar mana Yang Berhormat, kalau akhbar Berita Harian, Utusan memang ada agenda sulit, tidak boleh percaya, kalau Berita Harian dan Utusan tu tidak betul.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang mana tu, *you are refrain to? Oh I see.*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Mencelah sat, kalau sebut pemberita daripada surat khabar mana tadi, Berita Hariankah? Manakah tadi pakai rebon itu bukannya kebebasan untuk akhbarakah? Pasal apa ada perbezaan, kalau pakai kuning semua, kalau ada kebebasan untuk akhbar tak payah *you* ungkitkan daripada *paper* mana bebas sahaja, cakap saja, tulis apa nak tulis, kebebasan akhbar tulis kuning, bagus kita pun sokong.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tajuk mana ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Pusat maksiat.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Pusat maksiat *NK climax for four, STAR Wednesday 24 Mac set a raw case after crack down, The star nation*, kegiatan gay, Polis bidas pihak tertentu, Utusan Malaysia.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Jadi ia bukan katakan Penang adalah Pusat Maksiat.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya yang bawa keluar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ah itu yang penting, bukan surat khabar.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya kata Pulau Pinang Pusat Maksiat Negara, saya yang kata... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan surat khabar yang bagi tahu, jadi Yang Berhormat yang katakan, itu tuduhan liar, kalau persepsi Yang Berhormat Penang adalah Pusat Maksiat itu adalah persepsi Yang Berhormat, surat khabar tidak membuat liputan begitu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya belum lagi berhujah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan tajuk begitu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya belum berhujah lagi, saya baru baca tajuk saya buat, tajuk sendirilah, saya tidak *claim* kata surat khabar tulis.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Jangan putar belit, jangan putar belit.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Dato' Speaker, tolong beri teguran pada dia sikit, bangkit bercakap, bangkit bercakap.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau tidak betul, kita perlu menegurlah, kalau perkara itu tidak betul jadi bila kita memberi perbincangan, perbincangan itu haruslah telus, itu adalah tafsiran Yang Berhormat sendiri, bukan liputan dalam akhbar.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, memang tafsiran saya sendiri.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tak apa kita tunggu Penaga bagi penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, yang Berhormat yang mengatakan, dia menggalakkan tarian pondan dulu, dia yang menggalakkan tarian pondan dulu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya belum berhujah lagi, saya belum lagi, saya tidak kata surat khabar kata, saya menganggap Pulau Pinang Pusat Maksiat Negara kerana apa saya kata begitu? di rata *outlet* terdapat GRO daripada pelbagai negara jalankan maksiat, Majlis Perbandaran yang mengeluarkan lesen, okey. Bukan setakat surat khabar buat *coverage*, macam-macam gambar ada kalau nak susun, tak larat nak kutip dah, ya, gambar pun ada. Sekarang ini pula lebih lagi menarik Pusat Gay sudah ada terdapat di Pulau Pinang. Hendak nafi apa lagi? Makmal mengeluarkan dadah di merata tempat pun terdapat di Pulau Pinang. Apa tidak boleh dipanggil Pusat Maksiat?

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l Subramaniam):**

Penjelasan, minta penjelasan. Adakah Ketua Pembangkang mengatakan bahawa Pusat Gay tidak pernah beroperasi semasa Kerajaan Gerakan dahulu?, Babylon Boom Boom itu siapa punya?, Babylon Boom Boom itu Pusat Maksiat Gay yang beroperasi di Weld Quay, takkan Yang Berhormat tidak tahu?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat tahukah itu? Saya tidak tahu.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l Subramaniam):**

Sebab kamu memerintah Pulau Pinang tidak ambil tahu, sebab saya tahu (ketawa).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kegiatan gay, Polis bidas pihak tertentu, sudahlah perempuan, daripada negara mana China Doll, Ma Doll, Indian Doll pun mai, tidak cukup itu gay pun tubuh kelab di Penang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Minta laluan. Y.B. Tuan Speaker saya begitu tertarik dengan Y.B. Ketua Pembangkang di mana dia mengulangi apa yang telah dia katakan pada sidang terakhir berkenaan isu gay dan isu kononnya Pulau Pinang ini tempat utama maksiat di Negara Malaysia tetapi dahulu kita sudah maklum pada Y.B. Ketua Pembangkang berkenaan pemantauan ataupun penguatkuasaan berkenaan isu maksiat ini, gay ataupun orang-rang luar datang daripada negara-negara lain China Doll dan lain-lain bukan di bawah Kerajaan Negeri. Ini dikuatkuasakan oleh Polis, Pihak Imigresen bukan di bawah Kerajaan Negeri dan agensi-agensi tersebut di bawah kawalan pihak Kerajaan Pusat.

So, jawapan kepada Y.B. Ketua Pembangkang ialah Kerajaan Pusat yang gagal buat kerja dia yang menyebabkan angkara ini berlaku di Pulau Pinang. Ada sabotaj atau tidak itu yang saya hendak tanya. Y.B. Ketua Pembangkang mungkin tahu jawapan itu jawapan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang saya tahu mereka masuk ke Malaysia tetapi mengapa Pulau Pinang yang jadi tumpuannya. Mengapa tidak di Negeri Sembilan, di Ipoh di Alor Setar di Perlis mengapa Pulau Pinang. Di Johor pun ada tetapi tidak sehebat di Pulau Pinang ini kerana pemerintahan Pakatan Rakyat di beri segala lesen buka semua, polisi buka semua.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tsin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tidak payahlah sudahlah cukuplah, bukan tidak berani, *you* baru 2 hari jadi wakil rakyat saya sudah 20 tahunlah, soal tidak berani tidak timbul.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta laluan, minta laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tidak usahlah, biar tidak berani, duduklah, baru dua tiga hari undi pun tidak tahu betul lagi, tidak berani, aduh.. Projek pembesaran Kebun Bunga RM7 juta, dapat bantahan daripada segelintir rakyat, tidak setuju itu dan ini tetapi Kerajaan Negeri cuci tangan kata *This is Federal Project*. Saya tidak mahu kacau nanti Kerajaan Pusat cari sebab tidak mahu beri peruntukan, itu jawapan. Jadi timbullah masalah, yang seronok itu *federal project* ini yang timbul masalah ini ialah dua wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat, satu DAP satu PKR buat *press conference* di tempat sama tetapi duduk asing-asing, bergaduh sama sendiri ini.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):**

Penjelasan, Yang Berhormat Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

DAP sekejap *and* PKR *at odd over*..(ketawa) ini apa. Saya pun terkejut, dalam sejarah saya wakil rakyat selama 20 tahun saya tidak pernah jumpa lagi kata wakil rakyat daripada Parti Memerintah, sebentar sekejap lagi saya bagi, bergasak sesama sendiri tetapi yang ini, okey, *you* jawablah. Sekejap lagi mungkin seorang lagi hendak jawab kut.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):**

Terima kasih yang Berhormat dari Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Okey.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):**

Sedar Yang Berhormat dari Penaga bahawa memang *press conference* itu yang diadakan itu. Saya cuma menghadiri kerana *press conference* itu adalah dibuat oleh pihak penduduk di sana. Sedarkah fakta ini yang Berhormat Penaga dan bukan saya yang panggil pemberita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Penjelasan Yang Berhormat, sikit sahaja, sikit sahaja.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Okey sikit sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Penjelasan permintaan saya kalau adakan *press conference* itu tidak apa tetapi Yang Berhormat hadir di *press conference* di mana gambar Koh Tsu Koon dikoyak itu macam mana penjelasannya di mana Yang Berhormat hadir dalam satu *press conference* oleh UMNO di mana gambar Ketua Menteri Koh Tsu Koon dikoyak dan dipijak itu bukan pergeseran? Itu sahabat sama sahabat, cium sama cium?...*(ketawa)*.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Seronok sangat tepuk, saya ingat budak-budak sekolah dahulu tepuk meja, boom, boom, boom, jadi Yang Berhormat pun tepuk meja juga. Ya, dia cerita macam inilah, macam gambar ahli wakil rakyat melompat masuk, lepas itu hangat hati, Ketua DAP termasuk Yang Amat Berhormat ada yang pijak ada yang langkah macam itulah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu sudah tinggalkan dah, ini masih dalam parti yang sama, itu perbezaannya, ini masih tinggal bersama, tidur bersama bergaduh bersama.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tengok saya kata Y.B. Dato' Speaker, dia reti undang-undang tau. Dia *lawyer* tau, di luar dia *lawyer*, tau di dalam ini dia loyar buruk tau!

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan dia ini, tarik balik dia ini, Yang Berhormat, Yang Berhormat, baca dulu Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya pun selalu kata Yang Berhormat, tetapi sikap Yang Berhormat bangun terus bercakap ...*(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau kita buat kenyataan, kita kenalah terima penjelasan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Okey saya hendak teruskan, Penaga teruskan kerana kita ada 15 minit lagi sebelum kita berehat.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Herolah sangat dia, ingat *terror* sangat, dia *terror* kah? "Porahh." Saya bangkitkan ini.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tarik balik, perkataan “Podah.”

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sudahlah, sudahlah

**Y.B. Dato’ Speaker:**

Tidak apalah kut.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tidak usah suruh saya tarik balik, apakah, tadi dia kata saya tipu.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

*You* tahu perkataan “podah” apa itu? “Podah”.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya kata pergi “porah” itu ertinya duduklah. Tadi dia kata saya tipu, kenapa tidak suruh dia tarik balik.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

*Sorry* Yang Berhormat, “podah,” “porah” mana satu?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak tahu yang mana satu,

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Kalau tidak tahu jangan pakai

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):**

Jangan pakai apa dia kata saya penipu, apa boleh pakai apa?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

*You* tidak tahu beza antara “podah,” “porah” mana satu.

**Y.B. Dato’ Speaker :**

Yang Berhormat duduk, duduk

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tarik balik itu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Apa nak tarik, Tadi *you* suruh dia tarik balik dia panggil saya penipu? Jangan jadi Timbalan Ketua Menteri, haruslah pakailah sama keadilan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Itulah saya sebut.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak akan tarik balik.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Mungkin kita dengar penerangan sikit, Ahli Yang Berhormat duduk, dua-dua duduk.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

*You* guna sesuka hati, harap kita boleh duduk diamkah.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* pun ingat I pun boleh duduk diamkah?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Mungkin saya akan minta penjelasan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

*You* gunakan perkataan "porah," apa itu "porah?"

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

"Porah" lah saya cakap mana saya tahu.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tolong huraikan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak tahu,...(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Mana boleh itu, takut.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Alah Takut.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Penakut.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Hendak takut apa.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Kalau saya salah saya tarik balik.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* memang buat salah pun.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Yang Berhormat Penaga duduk, mungkin.. (bising, gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ini market kah, biasa di Parlimen macam market.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Penaga duduk, duduk dua-dua, dua-dua duduk. Mungkin kadang-kadang kita keluar perkataan kita tidak tahu makna, hari ini mungkin Y.B. Perai apa perbezaan dua-dua supaya perkataan ini tidak timbul lagi.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya boleh beri penjelasan

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya hendak minta Perai beri penjelasan apa beza dua-dua.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Okey begini saya tidak berlagak sebagai pakar Tamil tetapi apabila *you* gunakan bukan “porah” tetapi “podah”. Perkataan “dah” ialah kita gunakan kepada budak-budak kecil “podah.” Bila kita gunakan kepada budak-budak kecil boleh diterima, kawan-kawan rapat boleh diterima tetapi gunakan perkataan “podah” kepada seorang Yang Berhormat ini lah perkataan kasar.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Maksud dia apa?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Kasar sangat.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kita dengar.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

I juga ada bagi amaran kepada Y.B. daripada Jawi. Dia gunakan perkataan ini “podah,” bukan “porah” tetapi “podah.”

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

“Porah” apa.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

“Porah”, tidak ada tetapi *you* tidak tahu bagi ucap ucapan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Jadi “podah” ini apa? Halau *is that?*

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat Seri Delima kata saya penipu, Yang Berhormat diam sahaja sekarang mahu jadi jaguh pula, ini *between* saya dengan dia.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tak apa, tak apa, saya rasa. Y.B. Pembangkang kalau *you* tidak tahu jangan gunakan. Awat tak boleh faham pula, tak apalah Ketua Pembangkang kalau *you* tidak tahu, sekarang saya jelaskan jangan gunakan, sebab ini saya rasa melukakan hati.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin haji Omar Shah):**

Y.B. Dato' Speaker, dulu guna dua tiga kerat pun kena marah, dua tiga kerat tidak apa.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Jadi disebutkan ini bahasa yang...(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Itu yang saya beri penjelasan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Jangan ulangi perkataan itu.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Minta duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak apa Y.B. Dato' Speaker, saya maafkan Ketua Pembangkang, dia mentaliti dia setakat itu, kita mesti maafkan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli yang Berhormat, duduk, duduk saya hendak suruh berhenti di sini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kita minta Yang Berhormat Perai jangan susahlah, *mentality* Yang Berhormat Pembangkang setakat itu, kita maafkan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Jadi berhenti Yang Berhormat, cukup-cukup. Jadi kita berhentikan yang Berhormat saya akan keluarkan semua Ahli Dewan yang cuba mengganggu Dewan ini, cukuplah. Sedikit tersentuh tidak apa. Y.B. telah bagi penjelasan dan jangan gunakan lagi, kalau tidak faham maksud dia. Macam hari itu kita sudah timbul pasal tunjuk jari, kita dah faham, kita jangan tunjuk jari. Kadang-kadang kita dalam *multy culture* sudah biasa dengan perkataan, tetapi kita tidak tahu maknanya. Ada 10 minit lagi. Okey teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tadi pun dia kata pada saya lagi, otak buruk.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan s/l V. Subramajiam):**

Peraturan, tarik balik otak buruk Y.B. Ketua Pembangkang. Y.B. Ketua Pembangkang tarik balik, dia Yang Berhormat Seri Delima bukannya otak buruk yang mengatakan "Paku Dulang Paku Serpih, Mengata Orang Y.B. Pembangkang Yang Lebih".

Yang Berhormat, dia menghina Dewan ini, otak buruk, apa itu. Tengok begitu gelagat dia, begitu gelagat dia. Begitu menghina Dewan ini.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Okey, gulunglah, Y.B. Penaga gulung.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tadi bangkitkan ini, sebenarnya memanglah Yang Berhormat buat *press statement*, dua *press statement*, satu dengan satu lagi, siapa yang panggil saya tidak tahu, tetapi apa yang dilaporkan ialah akhbar ini menunjukkan bahawa ada semacam perselisihan pendapat. Sepatutnya benda ini dapat diselesaikan dengan baik. Saya pun tang mana dok cakap tadi, *hypermarket* dah cakap.

Kesimpulannya, apa ehh, ehh. Saya bercakap, saya *prepare* dah banyak..(gangguan), lapar ker, nak suruh suap boleh. Okey kita sambung lagi, *celebrity walk*, tiba-tiba pokok-pokok yang kepunyaan rakyat yang ditanam di Padang Kota, kononnya demi untuk mengutip derma, panggil selebriti bagi derma bubuh nama dia, ini pokok rakyat, pokok setiap rakyat. Di Pulau Pinang yang terdapat lebih kurang 1.6 juta orang itu harta rakyat? Mengapa dengan seseorang itu menderma sedikit wang, maka pokok itu seolah-olah dia yang punya, daripada mula pokok itu ditanam, dibaja, disiram sampailah pokok itu besar berapa sen yang selebriti ini bagi. Apa sumbangan dia? Tiba-tiba sebab itulah sebab DAP semua orang *complaint* la.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan, terima kasih. Y.B. Penaga kalau pokok itu milik rakyat, bangunan UMNO milik siapa? Bangunan milik semua ahli UMNO kan? Betulkan Y.B. Penaga, kalau bangunan UMNO, dia ada bilik untuk semua ahli UMNO, tetapi dia punya besar iklan, ada kereta Honda, ada Digi, ada Vios itu milik siapa sekarang bangunan UMNO milik kereta apa Honda ke?

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Tapi dekat dengan Jalan Yahudi.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Daripada pokok dia bagi contoh bangunan UMNO siapa punya, UMNO punyalah, habis tu? Ini pokok UMNO yang bangunkan, UMNO yang buat keluar wang, UMNO yang tubuhkan, UMNO yang bela....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Ini cuma iklan. Y.B. Penaga itu iklan, faham tak?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tiba-tiba pokok bubuh nama katalah siapa-siapa lah tiba-tiba bubuh itu pokok dia, yang punya dialah yang punya tu tak malu ke? Merampas harta rakyat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, ini tuduhan kita tidak boleh diamkan diri patutlah peraturan siapa yang merampas hak siapa? Penjelasan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Siapa dia ni yang bangun berdiri ni?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan-peraturan 46. Saya tidak buat tuduhan melulu, siapa yang merampas hak siapa? Kita mendedahkan nanti tahu ...(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tidak banyak masa lagi, biar Y.B. Penaga bagi penjelasan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tahu apa? Kerajaan Negeri sebenarnya tidak mempunyai sebarang dasar yang telah digubal untuk membangunkan negeri ini, yang ada hanyalah tindakan *ad hoc* sahaja, dia tidak mempunyai satu dasar tentang dasar perumahan, dasar pembangunan tanah, dasar bertukar syarat tanah, perlindungan semula tanah, pembangunan pertanian, sistem pengangkutan dia tidak ada satu pun. Kalau setidaknya dulu Barisan Nasional dia ada pelan dasar pembangunan Pulau Pinang, Kerajaan sekarang ada apa? sebab itu dia buat *ad hoc* satu-satu hari itu suka-suka dia nak bagi duit. Okey kita bagi rebat air pada 170 buah rumah RM1.00 sebuah rumah, 17 juta diperuntukkan akibatnya jadi apa rakyat kata air dapat rebat *free* joli betul-betul air, pakai air betul-betul akibatnya Pulau Pinang menjadi negeri yang paling banyak membazir air. Saya tak salah kepada rakyat saya salah kepada Kerajaan Negeri kerana memberi RM1.00 untuk penggunaan rebat air jadi akibatnya ialah rakyat Pulau Pinang pakai banyak *simple* je. *You* bagi duit kat dia, dia pakailah, dia kata peduli apa...(gangguan), diamlah, *you* dah nak keluar dari parti *you* senyap. Jadi tidak mengaku salah juga, itu yang dikatakan buat kerja *ad hoc*, kalau benda itu baik kenapa sekarang tidak diteruskan, tak ada kita buat, lepas itu *cancel*, buat ini pula, esok *cancel* pula itulah Y.B. Dato' Speaker, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.30 tengah hari.***

***Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.***

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula, Y.B. Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon keizinan untuk berbahas berkenaan dengan ucapan perasmian penggal ketiga yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sebelum itu Yang Berhormat semua, untuk sesi ini saya beri Yang Berhormat Datok Keramat saya bagi tempoh 20 minit untuk ADUN untuk sesi ini ya. Semua diberikan lebih kurang tempoh 20 minit. Sila.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya ingin bermula dengan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri sepertimana yang telah dinyatakan telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangannya dengan mencatatkan satu lebihan yang berjumlah dalam lingkungan RM77 juta. Di mana berbeza dan defisit dianggarkan iaitu RM40 juta dan ini jelas sekali ini adalah satu akibat konsep Kerajaan C.A.T. yang dipraktikkan di mana akibat itu, terdapat *financial management* yang begitu baik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyebabkan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan meningkat di dalam pendapatannya dalam tempoh 2 tahun ini dan juga *financial management* ini yang begitu telus dan baik dan telah pun diiktiraf oleh *transparency international* yang memberi komendasi kepada Kerajaan Negeri untuk cara ia mentadbir kewangannya.

Y.B. Dato' Speaker, apa yang begitu penting iaitu juga satu perkara yang saya ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri ialah akibat penjimatan yang telah dibuat ini apa yang kita lihat Kerajaan Negeri telah menyalurkan semula wang ini di dalam tempoh 2 tahun ini kepada rakyat Negeri Pulau Pinang dan ingin saya katakan satu perkara yang *on going* iaitu tidak berlaku tiba-tiba sahaja iaitu *on going* dan 2 perkara yang saya ingin bangkitkan Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri seharusnya beri komendasi ke atas penyaluran wang kepada Sekolah-sekolah Cina, Tamil dan Mubaligh, di dalam tahun 2008 saya difahamkan dalam RM8 juta disalurkan dan dalam tahun 2009 saya difahamkan tahun ini dalam lingkungan RM11.5 juta dan saya harap proses ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang dengan lebih penjimatan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih wang dapat disalurkan untuk perkara-perkara ini.

Ini jauh berbeza Y.B. Dato' Speaker, daripada apa yang kita tahun konsep Barisan Nasional apabila pilihan raya baru mereka akan salurkan wang dan kita dapat lihat di Hulu Selangor baru-baru ini tiba-tiba FELDA, orang-orang FELDA tiba-tiba mendapat wang lama dijanjikan diberikan tetapi tidak diberikan. Kalau tiada pilihan raya kecil tersebut diadakan saya rasa sampai hari ini pun mereka tidak akan dapat wang tersebut. Tetapi itu berbeza dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana seperti yang mana saya nyatakan tadi sekolah-sekolah telah pun 2007 RM11.3 juta telah disalurkan.

Di Hulu Selangor cuma di dalam pilihan raya kecil tersebut tiba-tiba Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dijanjikan RM3 juta oleh Perdana Menteri sendiri dan memang saya ingin nyatakan dan rekod di sini perkara-perkara yang telah dibuat di situ adalah satu kesalahan pilihan raya di mana tindakan seharusnya diambil oleh pihak Parti Keadilan di mana calonnya seharusnya memfailkan satu kes di mahkamah untuk mengetepikan keputusan pilihan raya tersebut kerana begitu ketara dan terbuka rasuah dibuat. Kita lihat rasuah dibuat dan saya ingin menyatakan membaca kepada Y.B. Dato' Speaker bahawa di bawah *election offences act 1954 section 10* ....(dengan izin), saya baca 10 (a) Yang Berhormat *Bribery : The following persons shall be deemed guilty of the offence of bribery:*

*every person who, before, during or after an election, directly or indirectly, by himself or by any other person on his behalf, gives, lends, or agrees to give or lend, or offers, promises, or promises to procure or to Endeavour to procure, any money or valuable consideration to or for any elector or voter, or to or for any person on behalf of any elector or voter or to or for any other person, in order to induce any elector or voter to vote or refrain from voting, or corruptly does any such act as aforesaid on account of such elector or voter having voted or refrained from voting at any election; commits any election offence.*

Saya harap agar satu tindakan mahkamah dapat diambil supaya perkara yang begitu ketara yang dibuat oleh Barisan Nasional di Hulu Selangor dapat diperbetulkan oleh mahkamah. Dan berkenaan dengan isu penjimatan wang dan pentadbiran kewangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada beberapa *concern* yang perlu saya bangkitkan Y.B. Dato' Speaker dan salah satunya yang kita baca dalam isu PICC yang dibangkitkan dalam satu projek yang dicadangkan iaitu pembangunan PICC tersebut.

Saya ada kebimbangan sama ada *survey* dan *study* yang perlu dan seharusnya telah dibuat untuk memastikan bahawa pelaksanaan projek PICC ini ....(dengan izin), *gives us adequate returns* Y.B. Dato' Speaker dan saya khuatir wang yang dicadangkan untuk digunakan untuk melaksanakan projek ini akan diambil daripada Pihak Berkuasa Tempatan sepertimana yang kita tahu Tabung Pihak Berkuasa Tempatan ini tidak begitu banyak Y.B. Dato' Speaker. Saya merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya pelaksanaan projek itu tidak memudaratkan keadaan kewangan Kerajaan Negeri yang mana dalam 2 tahun ini kita ada kesan positif so kita tak mahu memberi kesan negatif dan kepada usaha-usaha kita sehingga sekarang. Y.B. Dato' Speaker, ada lagi satu isu saya ingin sentuh ialah isu 3C yang dibangkitkan iaitu di mana satu daripadanya yang perlu ditangani iaitu *crime prevention* atau *prevention of crime*. Dalam satu soalan yang saya tanya Y.B. Dato' Speaker, jika saya mendapat maklumat seperti berikut yang saya ingin kongsi dengan Y.B. Dato' Speaker iaitu saya tanya tentang jumlah jenayah yang telah berlaku dalam Negeri Pulau Pinang dalam 2 tahun iaitu dari bulan Mac 2008.

Apakah jenis jenayah tersebut dan adakah pengurangan dalam kadar bilangan jenayah yang telah berlaku dalam tempoh tersebut. Ini jawapan yang saya terima Y.B. Dato' Speaker, di mana dinyatakan pihak Kerajaan Negeri telah mendapat maklumat daripada PDRM yang menunjukkan terdapat 2 jenis jenayah iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Bagi jenayah kekerasan mulai Mac 2008 hingga Februari 2009 kes jenayah dicatatkan sebanyak 2202 kes, mulai Mac 2009 hingga Februari 2010 2034 kes dan jumlah penurunan ialah 168 kes ataupun 7.6%, bagi jenayah harta benda daripada Mac 2008 hingga Februari 2009 kes jenayah sebanyak 14,717 kes manakala bulan Mac 2009 hingga Februari 2010 14, 420 kes iaitu peningkatan 103 kes atau 0.7% dengan ini saya ingin menyatakan walaupun kita ada ditunjukkan penurunan sebanyak 7% iaitu jenayah keras tersebut yang saya ingin nyatakan iaitu *from 2202 cases to 2034 cases and 168 cases less*.

Tetapi dengan segala hormatnya Y.B. Dato' Speaker saya berpendapat bahawa penurunan ini adalah tidak begitu banyak dan efektif dan saya merayu kepada Ketua Menteri kita sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan dialog dan rundingan dengan pihak Ketua Polis Negeri agar usaha-usaha yang lebih dapat dibuat kerana kalau kita lihat *figure* dia 2202 and 2034 it is not satu penurunan yang kita ingin tambah.

*Because it is static to me* nampak ....(dengan izin), statik dan harta benda *in fact* meningkat Y.B. Dato' Speaker dan saya merayu supaya Ketua Menteri kita dapat mengambil tindakan yang perlu supaya kita dapat pertingkatkan pembasmian jenayah di Negeri Pulau Pinang. Di atas isu ini juga saya telah sentuh tadi berkenaan isu *influx of illegals* di Negeri Pulau Pinang sepertimana Yang Berhormat Ketua Pembangkang sendiri menyatakan bahawa tadi memang ada banyak *influx of illegals* di Pulau Pinang tetapi sepertimana yang saya hujah tadi tanggungjawab untuk memastikan ini tidak berlaku adalah di dalam tangan ataupun tanggungjawab Polis ataupun pihak berkuasa lain ataupun Imigresen dan saya berharap supaya tindakan yang lebih dapat diambil. *In fact* di dalam kawasan saya di Datok Keramat baru-baru ini saya mendapat satu aduan yang begitu lama sudah 2 tahun aduan kecil dari peniaga-peniaga kecil di Lorong Kulit di mana mereka ini pendapatan mereka ini bukan begitu banyak dan pada hari-hari minggu atau hari Sabtu dan Ahad *when business is biz*, semua *business* itu diambil oleh semua bangsa *illegal traders* jika pergi di sana Y.B. Dato' Speaker semua bangsa *illegal* di situ Bangladesh, Indonesia semua *openly trading* di situ. Kalau kita tau itu berlaku apa tindakan sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Kita tak mahu Negeri Pulau Pinang dengan begitu banyak *illegals* di Negeri Pulau Pinang. So dari segi *crime prevention* saya merayu juga supaya tindakan yang lebih dapat dibuat supaya masalah ini dapat diatasi.

Y.B. Dato' Speaker, satu lagi isu yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan yang dinyatakan oleh rakan saya Ketua Pembangkang tadi iaitu pembotakkan bukit-bukit kita di Pulau Pinang. Apa yang ingin saya menyentuh di dalam perkara ini terutama dengan *development planned* di Tanjong Bungah. Di mana ada beberapa *association* yang telah di *set up* yang begitu banyak aduan dan *complaint* berkenaan isu pindaan yang telah dibuat kepada Rancangan Struktur Pulau Pinang. Di mana berkenaan zoning pembangunan iaitu *development zoning*. Saya difahamkan *development zoning* telah dibenarkan untuk mengubah kawasan *low density development* kepada *high density development* di mana di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang ini mempunyai satu *zoning map* yang disertakan bersama rancangan tersebut di mana pada satu masa Y.B. Dato' Speaker, *zoning map* itu menunjukkan sebahagian kawasan di Tanjong Bungah ke Batu Feringhi itu adalah sebenarnya di bawah *secondary development corridor* iaitu untuk *low density development*.

Tetapi tiba-tiba saya difahamkan pada tahun 2007 walaupun *structure plan* itu wujud tiba-tiba tahun 2007 *zoning map* tersebut berubah untuk menjadikan kawasan yang pada asalnya cuma dibenarkan untuk *development low density* sekarang dibenarkan untuk *development high density*. Sekarang ini menjadi satu isu yang serius kerana pindaan sebegitu mesti dibenarkan dibawa kepada perhatian umum dan komen-komen serta kritikan dapat dibuat, tetapi ini tidak berlaku. Pada tahun 2007 perubahan ini tiba-tiba berlaku dan sekarang kawasan *secondary development corridor* itu berubah menjadi kawasan *primary development corridor* yang membenarkan *high density development*. Ini adalah satu perkara di mana Kerajaan Negeri mesti ambil perhatian dan tindakan untuk mengatasinya kerana saya ingin mengatakan, Y.B. Dato' Speaker, analogi isu ini adalah sama dengan apa yang berlaku dengan PGCC. PGCC itu adalah satu isu yang cukup hebat sekali pada pilihan raya tahun 2008 di mana kita dapat tahu, *development* untuk PGCC daripada *open space and recreation* tiba-tiba ditukar kepada *new development*. Itu menjadi satu isu yang begitu hangat. Apa yang berlaku di Tanjong Bungah dan Batu Feringhi ini berlaku pada tahun 2007. Saya tidak kata Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab tetapi saya difahamkan ini berlaku pada tahun 2007.

Apa yang saya ingin merayu kepada Kerajaan Negeri ialah supaya tindakan dan langkah-langkah dapat diambil untuk memperbetulkan keadaan tersebut kerana Rancangan Struktur Pulau Pinang yang *original* itu mempunyai *zoning map* yang adalah berlainan. Adalah diharapkan itu dapat dibetulkan dan kita dapat kembali kepada *zoning plan* yang asal supaya kita tidak dapat *high density development* terutamanya di kawasan Batu Feringhi. Kalau kita lihat di Batu Feringghi di mana-mana sahaja kita pergi kita boleh lihat *high rise development* sehingga di beberapa kawasan di Batu Feringhi kita tidak dapat lihat pun *skylight, it is just full of condos and apartments*.

Y.B. Dato' Speaker. Apa yang kita kluatir ialah saki-baki bukit-bukit yang masih ada itu pun akan dijadikan *apartment* dan kita tidak mahu itu berlaku. Saya percaya Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan *anymore high rise development* di kawasan-kawasan yang mana seperti saya kata *the hills has been raid and I am confident, ....(dengan izin), the Penang State Government will not allow this to happen any further. Now, saya juga ingin .....* (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Y.B. Datok Keramat supaya perkara ini perlu diambil tindakan yang agresif untuk memastikan tidak ada lagi aktiviti-aktiviti yang mengorek bukit-bukau dengan sewenang-wenangnya. Saya juga ingin merujuk kepada satu laporan PAC yang dipengerusikan oleh Y.B. Datok Keramat yang turut mencadangkan penubuhan jawatankuasa pemantau kegiatan kuari daerah. Saya berharap ianya dapat ditubuhkan dengan segera supaya kerja-kerja pemantauan ini dapat dilakukan dengan lebih mantap dan berkesan dan hasil pemantauan itu dapat diketengahkan dan diambil tindakan segera oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Terima kasih Y.B. Pulau Betong, saya setuju sebulat suara dengan apa yang dinyatakan, *infact* cadangan Jawatankuasa PAC tersebut ada menyatakan bahawa ada satu lagi jawatankuasa yang sedang menangani dan mencadangkan supaya ada satu jawatankuasa pemantau mengenai pengkuarian haram tersebut. Adalah diharapkan supaya syor-syor PAC tersebut dapat diambil kira di dalam jawatankuasa tersebut.

Ingin saya ....(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, menyentuh satu lagi isu iaitu Rancangan Tebatan Sungai Pinang, di kawasan saya di mana saya selalu sentuh. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita sedang dalam proses penempatan semula 101 struktur di tebing sungai tersebut yang melibatkan *approximately* 213 penduduk di mana saya percaya lebih daripada 60% telah pun dilaksanakan. Untuk makluman Dewan ini, daripada 101 struktur tersebut, 5 daripadanya melibatkan rumah ibadat di mana 3 daripada adalah masjid atau sebahagian dari masjid tersebut, satu kuil India dan satu tokong cina. Daripada 3 masjid yang akan terjejas itu, dua telah selesai, satu masjid itu telah dirujuk kepada Pejabat Mufti untuk dapat dibuat rundingan dengan Pejabat Mufti dan pihak Masjid berkenaan penempatan semula. Berkenaan kuil, rundingan telah dibuat di mana secara positif mereka akan ditempatkan semula.

Untuk makluman dan rekod Dewan ini, saya ingin menyatakan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Projek RTB Fasa 2 Sungai Pinang ini yang merupakan satu projek Persekutuan yang telah sekian lama ditangguhkan tetapi sekarang ianya dijalankan semula. Saya harap pelaksanaan dan isu penempatan semula itu akan dibuat dengan adil dan mengambil kira keperluan pihak-pihak yang perlu dipindah atau ditempatkan semula.

Y.B. Dato' Speaker, perkara itu adalah satu perkara yang amat penting iaitu isu pemindahan atau penempatan semula di mana RTB tersebut sekarang berada. Saya ingin mengakhiri dengan menyatakan bahawa saya ingin kembali kepada apa yang saya katakan tadi iaitu berkenaan dengan *crime*. Saya percaya itu adalah satu perkara penting yang perlu ditangani dan baru-baru ini kita telah dengar kes Amirulrasyid yang berlaku, walaupun tidak berlaku di sini tetapi di Selangor, tetapi isunya adalah *prevention of crime* di mana saya telah sentuh tadi dan telah beri kepada Yang Berhormat angka-angka yang berkenaan yang diberi oleh PDRM berkenaan dengan kes-kes di Pulau Pinang. Isu yang saya ingin bangkitkan dengan mengambil kira isu apa yang telah berlaku kepada Amirulrasyid ialah saya juga ingin merayu kepada Y.A.B. Ketua Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri supaya berunding dan mengadakan dialog dengan pihak Polis dan Ketua Polis Negeri berkenaan bagaimana mereka rekrut anggota polis.

Saya harap ini dapat diambil kira kerana saya difahamkan tempoh *training* anggota polis sekarang begitu singkat iaitu enam bulan kita sudah boleh pegang pistol. Itu satu perkara serius yang perlu kita tangani, kita perlu ada lebih *training* dari segi tempoh masa yang lebih lama, dari segi *physiological vetting* dan sebagainya. Ini amat penting kerana kita memberi kepercayaan kepada agensi ini untuk memberi khidmat dan melindungi rakyat

tetapi sebaliknya persepsi yang semakin meningkat ialah berkenaan agensi ini ialah kita takut kepada mereka. Kita tidak mahu ini berlaku, kita mahu ada harapan kepada pihak polis untuk melindungi kita dan saya percaya dari akarnya *training* dan bagaimana kita rekrut polis itu amat penting. Saya percaya kalau kita ada langkah-langkah yang lebih ketat dan dapat diimplementasikan, banyak kes-kes yang sudah berlaku ini tidak akan berlaku di mana kita ada *trigger happy police* dan sebagainya. Dengan itu Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyokong usul ucapan TYT Tun.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Terima kasih Y.B. Datok Keramat. Cukup 22 minit dan padat. Silakan Y.B. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam usul ucapan terima kasih kepada TYT Tun. Saya sendiri telah melihat drama dan saya harap pada petang ini dengan masa yang terhad, kalau Y.B. Seri Delima tidak ganggu, boleh cepatlah. Saya lihat perbezaan antara Datok Keramat dengan Seri Delima berkenaan hal polis. Datok Keramat memang *proper*, dia menyokong dan beri nasihat kepada polis tetapi Seri Delima ini terbalik, dia hentam polis. Sebenarnya polis yang jaga kita, kita selamat kerana adanya polis, polis siang malam jaga kita, kita tidur lena. Kita boleh keluar makan pukul 2, 3 pagi makan nasi kandar, Y.B. Dato' Speaker pun makan nasi kandar dan pergi ke Tanjong untuk makan nasi kandar pukul 2, 3 pagi, *no problem*. Kita patut menyokong polis dan kalau tidak betul bagilah nasihat, jangan hentam kromo saja. Saya membaca ucapan TYT Tun yang ditulis dan disediakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, memang saya berasa kecewa kerana apa yang ditulis ini adalah ulangan daripada ucapan-ucapan yang lalu. Muka surat pertama saya hendak tanya sedikit, mungkin Y.B. Dato' SUK boleh menjawab, tak payah bangun.

Mengenai *salutation* ini saya tengok Tuan Haji Mansor bin Osman mungkin tidak ada Dato' dan Dr. Tuan Prof. Dr. Ramasamy saya hendak tanya Dato' SUK *title* ini boleh dipakai lagi *outside university*. Saya lihat banyak kawan saya yang jadi profesor bila keluar universiti dia tak pakai lagi *title* ini. Yang saya tahu cuma profesor emeritus atau profesor di raja yang boleh pakai. Saya tidak tahu kalau saya tidak betul saya minta maaf.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya tidak gunakan itu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ini urusan rasmi. Saya harap ini tolong ambil perhatian kerana rakyat akan keliru, profesor jadi Timbalan Ketua Menteri.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Masuk universiti memang profesor kalau itu mahu dipertikaikan boleh juga.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, tadi ada disebutkan oleh Y.B. Datok Keramat tentang *surplus*, Y.B. Permatang Pasir pun sebut juga tentang *surplus* oleh Kerajaan Negeri dalam bajet yang lepas. Memang *surplus* 2.7 bilion daripada defisit bajet RM20 juta ada *surplus* RM2.7 juta, biasa. Saya ada sebutkan tadi urusan biasa, kita dapat surplus tiap-tiap tahun. Saya ada angka dari tahun 1991 ada perangkaan tentang *surplus*, *it is nothing to shout about*, ....(dengan izin), Soalnya prestasi Kerajaan Negeri memang hebat jugalah, dalam *surplus* ada defisit tetapi dalam satu peringkat, surplus RM83 juta. Tahun 2008 begitu juga hampir 88 juta ini pun sebenarnya bajet disediakan oleh Kerajaan dahulu dan Kerajaan sekarang mengikut bajet itu. *Surplus* ini bergantung kepada sama ada memang pendapatan yang berlebihan ataupun Kerajaan tidak belanja duit yang telah disediakan.

Dalam hal ini, Kerajaan hanya membelanjakan 85% dari peruntukan yang telah disediakan dan mungkin ada *surplus* di situ. Jadi tak boleh kita nak bising-bising sangat dan hebah satu dunia bahawa kita sudah pandai menguruskan kewangan. Saya terbaca satu *statement* oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu Kerajaan telah berjaya mengumpul RM1.2 bilion dalam *consolidated fund*. *Consolidated fund* Kalau kita ingat dan saya juga ada satu rekod, *accumulation* daripada dahulu sehingga sekarang tiap-tiap tahun dia meningkat, meningkat bermakna Kerajaan berhemah. Kita jaga dan menjimatkan wang sehingga kita dapat mengumpul sebegitu banyak. Sehingga tahun 2007, RM847 bilion sudah ada dalam *consolidated fund*. 2008, RM1.025 bilion adalah sebenarnya urusan bajet yang telah dibuat oleh Kerajaan dahulu. 2009 sahaja baru nampak dan ada tambah, memang ada tambahan kerana ada penjimatan, bukan bermakna Kerajaan sekarang begitu hebat dalam masa dua tahun. Ini adalah satu perkara kadang-kadang mengelirukan rakyat, saya harap perkara ini tidak patut diheboh-hebohkan, memang tujuan kita, tetapi rakyat hendak lihat ialah *result* atas usaha daripada Kerajaan.

Saya pada mulanya bercadang hendak buat satu usul berkenaan dengan pembangunan ekonomi Pulau Pinang, tetapi saya lihat buku baru ini sudah tidak ada usul dan mungkin hendak menjimatkan masa saya tidak jadi hendak membuat usul itu. Jadi walau bagaimanapun saya hendak cakap di sini tentang pembangunan di Pulau Pinang. Memang saya lihat dari segi usaha Kerajaan pun, sejak Kerajaan PKR masuk jadi Kerajaan, tidak ada, seperti Ketua Pembangkang kata tadi, tidak ada pun usaha untuk *blue frame* atau *master plan* untuk pembangunan di Pulau Pinang tidak ada, dan mungkin Kerajaan pada Ketua Menteri yang lepas telah pun ada *master plan* untuk pembangunan Pulau Pinang dan beberapa sektor telah pun ada buktinya. Jadi kita ikut, jadi sememang Kerajaan membuat kerja *ad-hock*, tiada perancangan buat ikut suka sahaja, ada apa *result* sikit, buat *announcement*. Rekod semua kita ada.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ya.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Adakah Ahli Yang Berhormat Telok Bahang sedar, Kerajaan Negeri sekarang ini dalam proses untuk mengubah satu *master plan* untuk pembangunan negeri.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ya, tetapi memakan masa begitu lama hampir dua tahun, tidak diselesaikan lagi.

Jadi pelaburan luar, tahun 2008 itu adalah usaha Kerajaan terdahulu dapatkan, selepas itu sekarang turun kepada 2.2 bilion, tadi saya sebutkan 80% *down*. *Job captivation* daripada pelaburan dijangka masuk itu pun saya tidak tahu, sama ada betul masuk ataupun *on paper* sahaja, sebab saya telah dapat maklumat daripada luar mengatakan tidak ada sebuah kilang yang kepunyaan pelaburan luar yang telah dibina dalam jangka masa 2 tahun. *Job captivation rekod low* 2009, 8,626 pekerjaan sahaja berbanding dengan 14,000, 16,000, 21,000, 22,000 *job captivation, last year* 8,626 pekerjaan makna satu angka yang paling rendah dalam masa ini, apa yang Ketua Menteri buat, apa yang Ahli EXCO, pergi ke luar negara. Tadi saya dengar pergi ke US dan pergi ke merata tempat.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ya.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya amat menghormati Yang Berhormat kerana Yang Berhormat seorang bekas Timbalan Menteri dalam Kewangan, tetapi apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat memang tidak berapa *mead side*, mungkin sebab lama di dalam pembangkang. Di dalam Negeri Pulau Pinang sebab selama 2 tahun ini banyak kilang-kilang yang ada ini beberapa kilang yang telah dibina walaupun dalam keadaan ekonomi yang cukup teruk sekali, kerana kita ambil contoh Kilang Abegeal, Honey Wall. Jadi selain daripada itu dalam keadaan ekonomi yang begitu teruk, satu dunia mengalami kegawatan ekonomi sehingga Amerika sendiri pun mengalami *more than 15% under comment rate*, tetapi di Pulau Pinang kita masih mampu mewujudkan pekerjaan. Ini menunjukkan satu usaha yang cukup gigih dari segi perpaduan negeri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ya kah, tadi saya sebutkan tentang kilang kepunyaan Haney Wall dan tidak ada kilang baru pun yang dibina. Ini yang kejayaannya, jadi Y.B. Dato' Speaker saya berharap Kerajaan Negeri berusaha bersungguh-sungguh, kilang yang ada di sini pun dah mula keluar termasuk kilang yang besar Robert Bosch pun dah keluar 6,000 pekerja, tinggal 1,000 orang, mungkin ada lagi.

Saya ingat, saya daripada Kementerian Kewangan dahulu Kilang Dell datang jumpa, minta tolong kepada Kerajaan Negeri supaya dia dikekalkan di Pulau Pinang, mereka berusaha. Saya tidak tahu Kerajaan yang ada sekarang ini berusaha untuk memujuk supaya kekal di sini, mana-mana ada tempat yang lebih insentif sedikit, maka dia akan pergi. Sebab itu saya hendak supaya Kerajaan sekarang pergi turun berjumpa dengan kilang-kilang ini dan bertanya apa masalah yang dihadapi, bukan pada kilang yang besar sahaja. Tadi saya dengar, ada kilang-kilang lagi hendak pergi kerana ada insentif yang lebih. Jadi Kerajaan hari ini, saya minta pergilah, pergi turun dan berjumpa dengan kilang-kilang yang ada bermacam-macam persatuan dia, pergi jumpa bertanyakan masalah mereka dan selesaikan, sekurang-kurangnya kita dapat pastikan ekonomi kilang-kilang di Pulau Pinang ini terus maju dan terus meningkat.

Y.B. Dato' Speaker, saya hendak rujuk kepada dalam ucapan yang ada disebutkan Halal Hab. Jadi Y.B. Batu Maung, hebat sungguh, hebat dalam apa yang disebutkan dalam ucapan ini. Halal Hab pergi sampai ke sepuluh negara, sehingga ke Arab Saudi, Hong Kong, Singapura dan lain-lain, yang saya tahu kalau kita ada hubungan dengan Kerajaan lain-lain negara, kita kena melalui Wisma Putra, tidak boleh pergi begitu-begitu sahaja. Itu pun saya agak waswas jugalah, kerana *industry century* ini termasuk lah Somalia, termasuk Cameron, Algeria, saya tidak tahu sama ada telah pergi ataupun tidak. Saya ingat tidak perlu pergi jauh-jauh Y.B. Dato' Speaker, kita ada *Asian century*, hubungan kita rapat, cukai pun tidak perlu lagi, bermakna kita boleh import dan eksport kepada mereka ataupun daripada mereka tanpa cukai, kenapa kita tidak tengok yang dekat dahulu, *and the end* apa pun tidak ada. Negeri Thailand misalnya, dia ada ruang material yang lebih banyak, kita boleh pastikan dia halal, bawa balik mungkin boleh *join venture* dengan Thailand.

Kalau dahulu ianya tidak mahu terima sijil halal daripada Thailand, sekarang ini, dia boleh terima, pasal apa?, pasal kita Malaysia, mungkin tidak disebutkan Sijil Halal Hab pun. Jadi boleh terima sijil halal daripada Thailand, jadi barang kita barang Thailand kita boleh jual murah sikit maka orang akan ambil barang daripada Thailand, kerana sijil mereka telah laku hari ini, *even* di Arab Saudi telah laku. Jadi kita tertinggal juga, itu saya katakan kita kena ada *smart* dengan jiran-jiran kita, tidak perlu lagi pergi jauh. Hendak pergi restoran port contohnya, adalah orang-orang pelabuhan, saya telah menjadi Pengerusi pelabuhan, mereka beritahu, memang kita pergi tetapi tidak *sign* pun, tidak tahulah, mungkin pihak Kerajaan *sign* saya pun tidak tahu. Kalau kita cakap Halal Hab, kita atur unsur-unsur eksport dan import ini. Jadi saya ingat ada *confuse* sedikit tentang halal hab. Di Balik Pulau mendirikan pusat halal hab, itu bukan halal hab, itu hendak buat hospital, itu lain ceritanya pula, Jadi ada sedikit *confuse* daripada Ahli Kawasan Batu Maung ini. Jadi saya ingat kita tahu konsep kita yang sebenar yang seeloknya halal hab ini letak di Port Pulau Pinang dan akan menuliskan satu halal hab di pelabuhan seratus ekar. Jadi kita hendak membuat halal hab, Kerajaan Negeri bolehlah kalau hendak bekerjasama dengan pelabuhan bolehlah, pelabuhan adalah daripada Kerajaan Pusat. Jadi maknanya kita harus *clear* dan jelas apa yang hendak kita buat. Bila sebut halal hab kita kena faham betul, apa dia halal hab itu.

Y.B. Dato' Speaker, saya hendak sebutkan tentang pemberian Kerajaan Negeri RM100.00 ini, ramai telah dapat dan saya faham 83,000 orang telah dapat. 83,000 warga emas telah dapat bantuan RM100.00. Baguslah, saya juga diberitahu penyokong-penyokong UMNO ini pergi ambil, Kerajaan Negeri telah berikan, ambil sajalah, tetapi ini mengundi UMNO juga dan diberikan kepada Barisan jugalah, dia orang pergilah ambil dan Kerajaan yang hendak berikan, duit itu pun duit kutipan daripada rakyat juga, jadi ambil sajalah. Tetapi yang saya hairan kenapa bagi kepada pengundi sahaja, *why?* Kenapa tidak diberikan kepada semua, pengundi sahaja, pengundi bagi. Ada pula Y.A.B. Ketua Menteri bagi tahu, saya pun layak jugalah, saya Y.B. Dato' Speaker, Ketua Pembangkang pun layak juga mendapat duit itu.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya tidak layak lagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya pun begitu juga.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya tidak layak lagi, yang layak Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Mana ada layak.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Jadi ini adalah politik, saya juga ada diberitahu di dalam satu majlis yang Ketua Menteri hadir berikan ucapan, dia tanya tiga kali pada *audience* adakah ini rasuah, tentang RM100.00 ini. Adakah ini rasuah, kemudian apa yang dijawab oleh *audience* itu, rasuah dia kata. Jadi rakyat yang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Penjelasan, di manakah kejadian ini didakwa berlaku dan adakah ianya benar berlaku atau ianya sekadar sandiwara sahaja di Dewan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Rakyat ini dia tidak erti bersandiwara, di dalam Dewan ini tidak bersandiwara. Jadi dia bagi tahu, saya pun tidak tanya banyaklah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, menurut peraturan kita harus berbahas atas isu yang sebenarnya berlaku, kita sudah mengangkat sumpah. Jangan datang bagikan cerita dongeng di dalam Dewan Undangan Negeri, tidak ada apa-apa liputan berkenaan dengan kejadian ini.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Nanti saya dapatkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Di mana berlaku, nyatakan di mana berlaku, kalau tidak itu adalah tuduhan yang melulu, nyatakan di mana berlaku di daerah mana, kita akan siasat betul atau tidak betul, kalau tidak betul kita rujuk kepada Yang Berhormat Jawatankuasa itu untuk diambil tindakan. Adakah ia betul, nyatakan, kalau berani nyatakan di mana ianya berlaku.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ini soalan tambahan, tidak mengapa saya akan dapatkan maklumat orang itu dan orang itu pun memang rapat dengan saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu tidak benar maksudnya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Y.B. Dato' Speaker, sebenarnya ini adalah menjadi satu berita yang telah ada di dalam surat khabar, kalau hendak penjelasan lepas ini kita buat *press conference*, kita tanya, surat khabar dia boleh beritahu di mana, mungkin di Raja Uda dan saya pun tidak ingat, dan saya pun ada, tetapi memang ada, bukan Yang Berhormat kita adalah yang bertanggungjawab bercakap sesuatu yang berasas, cuma kadang-kadang terlupa hendak membawa dan sebagainya dan memang ada di dalam surat khabar memang ada dan kita boleh bertanya.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Teruskan, Ahli Telok Bahang, tiga minit lagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Lima minit lagi, dah habis.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tiga minit sahaja lagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker mengenai pelancongan, saya pun hendak sebutkan dan kawan-kawan pun akan sebutkan juga dan saya pun hendak sebutkan tentang pelancongan.

Pelancongan di negeri ini agak kurang memberangsangkan, apabila kita bandingkan dengan Negeri Melaka. Melaka sepatutnya *late*, lambat. Tetapi hari ini di Melaka sampai ke tahap 9 juta pelancong yang turun ke Melaka. Setiap tahun ataupun setiap bulan sekali ada produk-produk baru, tetapi nampaknya, Kerajaan Negeri khasnya EXCO dan kawan saya juga Ahli Kawasan Batu Lancang. Dulu banyak jawatan dan portfolio, dan sekarang tinggal pelancongan sahaja. Nampaknya dia bagi tumpuan lebih kepada produk sahaja. Kita aspek kepada RM6 juta itu, hari ini kita ada warisan, dan George Town diteraskan sebagai warisan, Bandar Warisan sama dengan Melaka.

Melaka nampaknya begitu agresif, kita Pulau Pinang masih lagi terawang-awang tidak tahu di mana. Saya dahulu saya telah mencadangkan sekurang-kurangnya kita bagi *check list* pada George Town ini, bagi cat kepada tuan-tuan premis ini cat premisnya dan cat putih pun tidak mengapalah, hendak cantikkan, apabila malam-malam kita pasang lampu bagi menerangkan dan bincang dengan TNB untuk dapatkan premis yang *special* sikit, supaya kita pasang lampu untuk menerangkan dan adakan aktiviti di dalam bandar, tutuplah jalan itu sedikit, kemudian buatlah pasar malam dan sebagainya nampak seperti pasarlah bagi ada aktiviti.

Sekarang ini bila pelancong yang duduk dalam bandar ni, yang pergi suka karaoke, yang suka disko adalah tempat yang lain duk buat apa anaknya isteri dia buat apa? Tak ada tempat nak pergi, kalau kita pergi ke Hong Kong contohnya kita ada, malam-malam nak pergi *shopping* seluruh kawasan itu jalan-jalan itu penuh dengan *shopping* ini kita kena fikir lah cari jalan bagaimana kita boleh hidupan semula bandar George Town *simple*. Saya bagi cadangan cat semula, pasang lampu bagi terang pun tak ada buat juga malam-malam gelap, dari *drop* ....(dengan izin), patut kita pastikan bandar ini menarik, pergi ke mana Shoku Jepun pun tengok 300 unit buah rumah sahaja dibuat untuk *heritage* tapi aktiviti penuh termasuk teater dia tempat nak tunjuk segala kebudayaan dalam kawasan itu, baru ini saya naik feri, sengaja saya naik feri, saya berjalan kaki naik feri nak tengok. Sampai ke sebelah sini penuh dengan sampah ini negeri pelancongan, jadi kalau orang luar datang masuk ke kawasan dan tengok sampah, susah lah kita nak tarik mereka semula, datang tengok sekali sampah tak mahu datang lagi dah. Ini *what going on here*, kalau tahun lepas ada 800 ribu penumpang yang turun dari *Cruise Ship*, kapal-kapal *Cruise* ni turun melalui *sedam pier* 800 ribu, tahun ini dijangka akan turun dalam 100 juta mungkin akan turun melalui *sedam pier* ini, dia turun-turun situ dia tengok-tengok sampah, yang kedua datang *the second biggest ship* datang tengok sampah, saya pergi tengok, Masya-Allah sampah, turun ke sini tak ada apa nak tengok, pergi *round-round* bandar tengok habis, kena adalah.

Saya harap kena ada lah pusat-pusat tarikan pelancong yang baru yang diwujudkan di kawasan ini supaya mereka dapat tengok dan juga mungkin belanja duit dalam masa 6 jam mereka sampai dalam jam 12 pukul 6 mereka tolak balik ada 6 jam ataupun kurang daripada itu boleh bawa juga sampai pulau, pusing pulau, pergi Batu Feringhi, Telok Bahang tengoklah, kita ada Taman Negara contohnya buat program, bawa naik bas 1 jam pergi balik, *spend some time there* ada sikit *business* untuk orang sana jangan kita tumpu

hanya pada dalam bandar sahaja, *last year*, kalau *this year* kita jangka dalam 1 *milion never mind* tapi ini tak boleh masuk mereka masuk sekejap mereka tak boleh di *register* sebagai pelancong la, sebagai pelancong biasa, pelancong biasa kalau masuk dalam hotel , Malaysian Hotel. Jadi ini perkara-perkara yang kita buat, jadi saya harap masalah pencemaran sampah ini tak habis-habis, tak selesai juga, saya harap Kerajaan Negeri serius dalam hal ini, selesaikan masalah bersihlah. Marina pun, Marina-marina yang dibina di situ pun dah jadi teruk dah, pecah habis dia punya itu, dia punya *trek form* dah pecah, tak tahu apa Kerajaan Negeri buat. Saya harap Kerajaan Negeri juga bantulah lihat perkara ini semua. Y.B. Dato' Speaker, masa ni ....(bising), ini pasal Seri Delima kacau saya dah hilang nota dah..... (bising).

Y.B. Dato' Speaker itulah, saya nak sebut tentang perumahan, ini satu perkara yang patut harus diperbetulkan, dulu memang kita bina banyak kos rendah dan kos sederhana rendah dan Kerajaan Negeri juga banyak membina rumah kos rendah dan sederhana, jadi dalam hal ini saya lihat harga rumah kos rendah, sederhana rendah saya difahamkan telah dinaikkan siling dia, harga rumah kos rendah pada RM150 ribu pada rumah kos sederhana rendah, jadi kalau betul amat malang sekali lah bagi orang yang tak mampu. Dan oleh kerana tanah mahal, memang lah mahal sekarang meningkat mahal tanah-tanah di Balik Pulau memang mahal jadi saya lihat banyak rumah-rumah kos tinggi dibuat di kawasan luar bandar pun termasuk di Balik Pulau. Rumah teres sampai RM400 ribu, RM600 ribu yang ini pun dan seolah-olah tak ada kawalan.

Saya sebut tentang baru ini bila dalam sesi soal jawab ada projek perumahan yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan dulu ada rumah kos rendah, sederhana rendah dah hilang, saya nanti akan. siapa tadi Yang Berhormat yang ini ke? Padang Kota? Yang Berhormat minta saya akan bagilah dalam masa sehari dua hari *detail* tentang projek-projek yang telah pun yang saya difahamkan, yang saya dapat tahu kerana ada kawan-kawan yang nak beli projek kos rendah di projek berkenaan, tiba-tiba pergi tak ada, kenapa kerana Kerajaan sekarang dah benarkan saya tukarkan rumah kos rendah kepada rumah kos tinggi. Ini kalau betul ini satu perkara yang patut diubah balik dah. Mana boleh rumah kos rendah diluluskan dan tiba-tiba ditukar menjadi rumah kos tinggi. Ada 3 projek yang saya tahu. Yang ini saya akan bagi *detail* nya, perkara-perkara ini jadi rakyat marah, rakyat miskin rumah mampu milik maknanya rakyat miskin patut boleh beli ada pula sekarang ini saya tak tahu pula ada orang beritahu hari ini Kerajaan Negeri buat rumah mampu milik tetapi kemampuan yang diberi yang boleh dibeli oleh orang yang ada duit. Ini pun dah ada orang dah cakap dah, orang dah geram, orang dah mula cakap tentang perkara ini, Kerajaan buat rumah mampu milik tapi mampu milik oleh orang yang ada duit ini pun dah ada orang yang bercakap di luar bandar.

Sepatutnya saya tak tegur, saya biarlah, tapi oleh kerana nak jaga kepentingan rakyat yang miskin di luar bandar ini saya nak tegur Kerajaan Negeri lah tentang perkara ini dan kita patut perbanyakkan rumah kos rendah bukan hanya kita bagi tugas kepada agensi Kerajaan, PERDA, UDA, JKP. Sdn. Bhd. dan sebagainya tapi Kerajaan Negeri sendiri kena juga bina menggunakan *what ever* agensi lah yang dia punya kita jangan harap Kerajaan Pusat sahaja yang bina. Kalau ini berlaku bermakna Kerajaan Negeri tidak jalankan tugasnya sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Terima kasih Telok Bahang, silakan Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berucap ucapan usul yang dikemukakan oleh TYT Tun. Tadi ADUN Y.B. Telok Bahang ada menyentuh sedikit mengenai dia mengucapkan tapi tak mengatakan syabas kepada pihak Polis dia memberi sokongan kita perlu berterima kasih kepada polis bagaimana kita nak berterima kasih kepada pihak Polis kalau saya merujuk kepada laporan akhbar pada in *The Star* bertarikh 30 April 2010, *IGP lashes out at critic of Musa* ia katakan *I can call my man of the street* apa ini apa sistem punya *gansterism* saya boleh panggil saman orang saya keluar dari jalan tak mahu ambil tanggungjawab, maksudnya jangan menganiayai rakyat jangan tipu pada rakyat, ini maksudnya ada tanggungjawab ada tanggungjawab? Dia ada kuasa dia pernah mesti nak melaksananya kuasa dia ada ambil sumpah tak? Sumpah sebagai *civil servant*? Ada? Tetapi mereka sibuk buat apa ? sibuk ambil *statement* daripada aduan kononnya ADUN datang ke kawasan bagi ceramah tanpa permit Polis ini mustahak ini saya nak bawa perkara ini di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat telah ambil sumpah di Dewan yang mulia ini kita ambil sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan Pulau Pinang dan juga menjalankan tugas harian sebagai Ahli Dewan Undangan yang dipilih dan di dalam satu program yang telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ceramah perdana isu-isu semasa bersama pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berlangsung pada 12 Februari 2010 Jumaat di tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang, itu kawasan DUN saya Batu Uban, saya pergi sana menjelaskan kepada rakyat mengenai tugas ADUN dan apa yang telah berlaku lepas itu pihak Polis buat satu laporan Polis kononnya saya bagi ceramah tanpa permit polis.

Di rumah saya nak masuk, saya nak cakap pun perlu permit polis di mana ini *double standard* beginikah rakyat didahulukan? Inikah isu yang saya bangkitkan pada rakyat bila berlakunya kemalangan? Bot naga yang karam di mana 6 orang penuntut termasuk seorang cikgu telah meninggal dunia. Jadi kita mempersoalkan apa tindakan yang diambil sama ada pihak Polis Marin ada ke tidak di kawasan itu tetapi semasa tindakan Daerah Timur Laut bila dibangkitkan Polis yang ada di sana katakan minta maaf Yang Berhormat saya Polis Darat saya tidak boleh jawab soalan itu, kena tanya Polis Laut jadi kita bawa isu ini, ini isu rakyat yang meninggal itu bukan rakyat Malaysia? rakyat Myanmar yang mati, jadi bila saya nak keluar Polis ambil *statement*, datang ambil *statement* saya nak tanya Polis itu, siapa yang bagi arahan pada Polis, dia nak ambil *statement* bukan sahaja dari saya, ada beberapa ADUN lagi termasuk Y.B. Batu Maung, termasuk Ketua Menteri sekali.

Jadi nak buat *statement* itu, kita ambil sumpah di Dewan Undangan Negeri jadi pihak Polis secara menyoal kita dia mengganggu gugat tugas harian saya dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dipilih sebagai ADUN Kawasan. Ini tak akan menjadi satu salah guna kuasa jika saya buat laporan Polis kepada MACC ataupun buat laporan Polis di mana nak letak

muka mereka tak malu ke? Tak malu ? Ini *double standard* ke? Di mana rakyat

diutamakan? Adakah rakyat diutamakan? ADUN kawasan melaksanakan kewajipan lepas itu laporan Polis dikeluarkan. Jawab? Jadi isu ini saya akan bawa kepada Ahli-ahli Parlimen untuk di bawa ke Parlimen. Ini mustahak ini jangan adakan *double standard* dan isu kedua yang saya nak bawakan di sini.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih kepada soalan yang telah pun saya kemukakan soalan tertulis saya yang Berhormat Bagan Jermal tak ada di sini tapi saya telah menjawab ini mengenai sebuah tanah *Liso* yang telah diberi kepada penduduk di sana untuk menempatkan mereka semua mereka adalah penduduk di kawasan USM. Dan sekarang mereka tidak melawan mereka telah keluar dari kawasan USM dan mereka telah ditempatkan semula di Jalan Ketitir di dalam kawasan Batu Uban. Baik isunya jika syarat-syarat yang diwajibkan tidak dipenuhi bolehkah OC dikeluarkan ? Bolehkah OC dikeluarkan bila jalan raya tidak diserahkan boleh? bila soalan saya, bilakah jalan raya di kawasan perumahan di Jalan Ketitir diserahkan kepada pihak JKR jawapan yang saya terima jalan-jalan di kawasan perumahan di Jalan Ketitir masih di bawah jagaan pihak USM jalan ini dibina oleh pihak USM dan pada ketika itu kerja pengorekan oleh IWK, JKR dan PBA sedang dilakukan pihak JKR telah mensyaratkan kepada ketiga-tiga syarikat utiliti supaya melakukan penampalan jalan tersebut mengikut syarat JKR hanya setelah kerja-kerja ini disempurnakan barulah pihak USM dapat menyerahkan jalan tersebut kepada JKR.

Sekiranya syarat JKR dipatuhi adalah jangkaan penyerahan ini dapat dilakukan selewat-lewatnya pada suku keempat tahun 2010 sekarang. OC dikeluarkan 2007 bulan Jun sebab apa ada ura-ura masa itu nak adakan *election* nak adakan kempen pilihan raya jadi dia cepat-cepat keluarkan OC syarat ini tak dipenuhi ini wajib, wajib bukan ini saja ada lagi satu loji kumbahan najis sudah disiapkan ataupun bekerja dengan baik, loji kumbahan yang ada di tanah itu tidak berfungsi sama sekali. Hingga hari ini USM masih belum menyerahkan loji tersebut. Ini diakui oleh pegawai-pegawai dari USM dan hasil daripada surat menyurat saya daripada Indah *Water Konsortium* ini surat yang saya terima dari Indah *Water Konsortium* 15 Disember 2009.

Ini surat dari Indah Water mengatakan lanjutan daripada lawatan tapak tersebut pihak kami mendapati sistem paip dan loji pembetungan berada dalam keadaan tidak memuaskan dan tidak diselenggarakan. Ini rakyat dimangsakan, rakyat dimangsakan fikir dulu ini, rakyat diutamakan? Pencapaian didahulukan, hai cantik sandiwara seniman agung semua, isu kedua loji dan sistem paip pembetungan di kawasan tersebut tidak diserahkan kepada pihak IWK Sdn. Bhd. oleh pemaju dan oleh itu ianya tidak diselenggarakan oleh pihak kami, semasa lawatan tersebut pihak tuan dan wakil kami telah bersetuju supaya perkara ini dirujuk kepada MPPP untuk tindakan susulan, baik walaupun ada perbincangan saya kena terima kasih kepada pegawai DO kerana telah membuat beberapa rancangan, kita hendak cuba sedaya upaya hendak menyelesaikan, lepas itu saya difahamkan pula parit pun tidak diserahkan pembetungan najis tidak beroperasi, jalan raya tidak diserahkan, parit tidak diserahkan tetapi yang cantik sijil kelayakan.

Y.B. Dato' Speaker, izinkan saya untuk membaca sijil kelayakan menduduki ini, ini dia kata arkitek berdaftar telah mengesahkan bahawa kerja-kerja bangunan telah dijalankan di bawah penyeliaan dan juga mengikut

dengan pelan bangunan yang diluluskan mengikut nombor 43301LB dan

permit nombor K64165 serta mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Akta 133 dan semua undang-undang kecil MPPP kerja-kerja bangunan telah juga disahkan oleh Jurutera Profesional yang berdaftar bahawa beliau telah menyelia kerja-kerja pembinaan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan kerja-kerja pembinaan tersebut, kepala otak dia punya, apa dia buat ini tandatangan pula cantik.

Oleh yang demikian dan setakat mana yang dapat ditentukan dari pemeriksaan-pemeriksaan di tapak maka bangunan tersebut bolehlah didiami, bangunan telah diberikan alamat seperti berikut, alamat yang saya ada sampel ini adalah 11A Jalan Ketitir Dua 11700 Pulau Pinang dan ini ditandatangani oleh YDP Pengarah Bangunan pada masa itu, Ar. Patahiyah bt. Ismail, saya tidak mempersoalkan Ar. Patahiyah bt. Ismail, tetapi saya mempersoalkan siapa di belakang tabir yang mengarahkan beliau menandatangani surat ini, jangan politikkan, kasihan rakyat sebab hendak masuk *election* pada tahun 2007 tidak sempat tolak *election* sampai 2008, tidak apa, tetapi hendak pancing undi itu.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta penjelasan, terima kasih Y.B. Dato' Speaker, bolehkah atau setujukah wakil daripada Batu Uban bahawa Ar. Patahiyah bt. Ismail tidak mempunyai apa-apa kredibiliti sehinggakan dia boleh diarahkan oleh mana-mana pihak untuk menandatangani surat itu, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Terima kasih, *this is typical the pot calling the cattle bag ....*(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, Ar. Patahiyah bt. Ismail adalah YDP wanita yang pertama, beliau berkebolehan tapi janganlah, adakah dia menandatangani sijil pendudukan ini secara terdesak sebab ini bukan sijil pendudukan bersyarat, ini bukan yang bersyarat jadi penduduk di sana sudah terima, bila mereka terima ini mereka semuanya cantik, masa tahun baru cina mereka telah simbah air najis bayangkan kalau Yang Berhormat. Yang Berhormat tinggal di rumah dan busuknya air najis yang melimpah keluar daripada tandas masing-masing, kena simbah air najis dan sekarang siapa yang kena tanggung perkara ini sebab pada tahun 2009 bajet yang diberikan daripada Kerajaan Persekutuan kepada USM adalah RM830 Juta.

Apakah bajet yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk tanah seberang adalah hanya lebih kurang RM400 juta sahaja. USM begitu banyak bajet dia dapat tetapi sekarang USM menulis surat kepada saya kata minta maaf Yang Berhormat kita tidak cukup duit, tidak ada duit dan sekarang dia baru hendak melantik kontraktor baru, ini adalah kisah-kisah yang benar, ini benar saya kupaskan satu persatu bagaimana pentadbiran dilakukan semasa Kerajaan buat, itu persoalan asal saya, pentadbiran Kerajaan Gerakan kena jawab lepas itu jadi menteri pula di Jabatan Perdana Menteri masuk pintu belakang jadi Tan Sri Koh Tsu Koon kena jawab, macam mana lepas itu isu yang benar itu tidak di semua ini reka *word* cantik macam bidang permaidani *sweep all the dirt on the carpet* bagus cara pemerintahan, cara pentadbiran sebegitu bagus.

Jadi apabila kita bawa satu-satu isu mereka putar belitkan jadi saya ingat *you can fool some people some of the time but you cannot fool all the people all the time* saya minta maaf Y.B. Dato' Speaker itu hal-hal saya dipetik daripada apa yang dikatakan oleh Abraham Lincoln dan saya berharaplah dengan bantuan dan juga kerjasama dengan Jabatan dan juga dengan DO kawasan Timur Laut kita dapat mengatasi masalah ini dengan secepat mungkin dan saya tidak mahu perkara ini berlarutan sampai ke hujung tahun sebab isu ini kita hari-hari hendak makan, hari-hari pun hendak guna tandas masakan satu hari pakai dan satu hari tidak pakai ini lepas pula kawasan itu pula di kawasan lurah bukit dan bila hujan. Cukuplah hujan sahaja dia melimpah keluar lagi, jadi saya tidak tahulah, Jawi pun kata Jawi pun sama jadi bagaimana sistem pembetulan najis itu saya minta kerjasama pihak USM untuk membuat, jangan baru hendak lantik sila turun dan *solve problem* itu baru kita boleh katakan kita *champion* adakah kita sudah menjuarai hak rakyat jawab ini dahulu, buat ini dulu baru juarai hak rakyat lepas itu hendak keluaran juara hak rakyat, cantik indah rupa daripada, baik dan isu seterusnya.

Y.B. Dato' Speaker saya juga ada banyak isu yang telah pun disentuh termasuk kebajikan, kesihatan, miskin sifar, isu perumahan dan saya percaya ini adalah satu daripada isu perumahan yang begitu mendesak saya berharap pihak-pihak yang berkenaan sila duduk bersama-sama berbincang dan sila menyelesaikan masalah rakyat cara yang terbaik sebab ada juga setengah-setengah market di kawasan saya yang lesen tidak diberi tetapi boleh beroperasi selama hampir 15 dan 20 tahun ini menjadi pendapatan untuk Kerajaan Tempatan jadi lesen kita hendak buat *wall lost* punya *style* jadi Kerajaan mana yang dahulu memerintah dan jelas, baru hendak kata ini tidak ada rasuah, tidak ada salah guna kuasa saya minta maaf sebab kita kena siapkan kemudahan-kemudahan awam untuk rakyat dan saya minta kerjasama dan juga kerjasama dari Dewan yang mulia ini supaya kita dan juga daripada Y.A.B. Ketua Menteri dan Timbalan-timbalan Ketua Menteri supaya kita dapat menangani masalah ini dengan secepat mungkin tanpa membebankan rakyat dan dengan itu saya mohon menyokong usul, sekian terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sekarang Y.B. Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Y.B. Dato' Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam bahasan ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri, Y.B. Dato' Speaker, baru-baru ini adalah dilaporkan bahawa MPSP telah berjaya memulihkan keadaan kewangan mereka dalam tempoh dua tahun. Majlis sekarang patut menggunakan wang sebesar ini untuk memperbaiki kemudahan, menilai infrastruktur yang telah lama diabaikan di Seberang Perai. Kini di Seberang Perai tong sampah tidak mencukupi longkang-longkang banyak telah rosak longkang-longkang di sekitar jalan Kampong Benggali di Butterworth air tidak boleh mengalir, air bertakung di taman-taman tidak mencukupi lampu jalan dan lagi tertumpu kepada projek-projek yang besar seperti dahulu yang tidak membawa faedah kepada orang ramai, masa sudah untuk MPSP mengendalikan projek-projek untuk kepentingan orang ramai, MPSP so go

*back to basic* iaitu kebersihan dan kemudahan supaya rakyat boleh menikmati kehidupan yang selesa. Tumpuan juga patut diberi kepada taman-taman rekreasi awam membawa keindahan kepada bandar-bandar walaupun Kerajaan menghargakan warga emas mereka juga perlukan tempat-tempat untuk rehat dan bersenam. Di negara-negara yang membangun taman-taman sentiasa boleh dilihat di merata tempat, kita mesti ikut budaya ini supaya bandar-bandar kita tidak jadi hutan batu.

Y.B. Dato' Speaker, di belakang hospital lama di Butterworth ada sebuah taman yang indah tetapi telah diabaikan dan semakin hari telah merosot tandas di situ pun tidak diguna, tidak ada *maintenance* dibuat kepada taman tersebut *so complete waste* walaupun ada lampu-lampu perhiasan di taman, tetapi semuanya tidak menyala waktu malam aktiviti-aktiviti moral selalu berlaku. Saya harap Pihak Berkuasa Tempatan boleh ambil tindakan secepat mungkin untuk memulihkan taman tersebut supaya boleh jadi tempat rehat dan rekreasi untuk penduduk-penduduk di Butterworth.

Kalau kita ingin jadikan George Town sebagai satu Bandar Raya Antarabangsa kita bukan sahaja perlukan Pulau Pinang yang bersih tetapi infrastruktur dan kemudahan yang boleh menarik lebih orang asing ke Pulau Pinang. Pulau Pinang mesti membina sebuah *International Convention Centre* di mana konvensyen-konvensyen Antarabangsa boleh diadakan di Pulau Pinang. Walaupun kosnya akan tinggi, tetapi dalam masa panjang manfaat yang mendatangkan adalah banyak. Wang yang kita belanja boleh dapat balik. Selama 18 tahun semasa Pulau Pinang dipimpin oleh Tan Sri Kho Tsu Koon dan disokong oleh ahli-ahli dari Pembangkang sekarang, Pulau Pinang tidak berkembang, tidak maju. Pulau Pinang masa itu telah mulai merosot. Saya harap Kerajaan ini mengambil langkah-langkah positif untuk memulihkan balik kedudukan Pulau Pinang di kalangan antarabangsa. Pulau Pinang mesti menjadi pilihan pertama dari segi pelajaran, perubatan, pelancongan, pelaburan dan kediaman. George Town harus dijadikan sebuah *cosmopolitan city*. Oleh yang demikian pembinaan sebuah *International Convention Centre* tidak akan merugikan kepada Pulau Pinang dalam masa yang panjang.

Y.B. Dato' Speaker, program perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah mesti dijalankan dengan lebih lancar. Perkara ini pun telah disebutkan beberapa kali oleh ahli-ahli ramai yang lain. Dan saya ingat ini adalah satu perkara yang penting di Pulau Pinang. Rumah setinggan di bandar telah menjadi satu masalah sosial yang besar. Penduduk-penduduk setinggan didedahkan kepada penyakit-penyakit kerana sekeliling tempat mereka kotor, tidak ada parit dan air tidak boleh mengalir, sampah sarap juga tidak dapat dikutip. Kebakaran juga sentiasa berlaku dengan kehilangan nyawa. Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan pihak swasta untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan rumah kos sederhana supaya rakyat yang mendapat pendapatan rendah mampu membeli rumah dan masalah setinggan juga boleh dikurangkan. Masalah setinggan adalah satu masalah besar di kawasan saya di Bagan Dalam dan saya harap rumah-rumah kos rendah boleh dibina di Bagan Dalam masa tak lama. Banyak aduan telah saya terima tentang rumah PPR di Ampang Jajar dan Bukit Mertajam, bahawa sekeliling rumah ini sangat kotor terutama sekali di Bukit Mertajam, banyak orang telah keluar dari rumah PPR di situ.

Pemohon baru juga tidak mahu di tempat itu, terdapat banyak unit di situ kosong. Langkah-langkah mesti diambil untuk membersihkan kawasan sekeliling perumahan seperti ini walaupun di situ orang-orang miskin yang duduk tetapi mereka juga ada hak untuk kebersihan sekeliling. Badan-badan lain seperti PERDA juga mesti menunaikan tanggungjawab mereka kepada orang-orang pendapatan rendah dengan membina rumah-rumah murah bukan sahaja untuk mencari keuntungan.

Y.B. Dato' Speaker, satu masalah lain yang saya ingin mengemukakan ialah masalah wanita di Pulau Pinang harus diberi tumpuan. Kerajaan mesti sokong permintaan pekerja-pekerja wanita untuk cuti bersalin selama 90 hari. Peranan wanita sebagai seorang ibu sangat mustahak. 60 hari cuti bersalin yang diberi sekarang tidaklah mencukupi untuk mereka memulihkan selepas bersalin dan juga menjaga bayi dengan sempurna. Oleh yang demikian banyak wanita yang bekerja menghadkan anak-anak kepada 2 orang sahaja. Fenomena ini tidak bagus untuk negara kita, so, oleh yang demikian kita di Pulau Pinang mesti menyokong kehendak-kehendak wanita yang bersalin ini dan memberi mereka cuti bersalin yang mencukupi.

Y.B. Dato' Speaker, lagi satu masalah yang saya ingin sentuh adalah kadar kemalangan berlaku di Jelutong Expressway di Pulau Pinang. Kadar kemalangan ini kejutkan saya juga. Sejak Jelutong Expressway dibuka dalam pemerintahan Barisan Nasional banyak nyawa telah hilang akibat kemalangan jalan raya di situ. Tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk mengurangkan atau mengelakkan kemalangan di situ dan baru-baru ini kita ada baca di surat khabar dalam masa 2 hari 4 nyawa telah hilang termasuk seorang bayi. Mesti ada sebab-sebab mengapa kemalangan ini selalu berlaku di Jelutong Expressway dan saya pohon kepada Kerajaan Negeri untuk membuat satu *study and* ambil tindakan untuk mengelakkan kemalangan berlaku. Dengan itu maka saya ingin menyokong usul yang dikemukakan. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Y.B. Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker atas memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan TYT dalam Dewan yang mulia ini. Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang telah melancarkan kempen *No Plastic Bag* pada tahun 2009. Program ini amat berjaya dan dapat sambutan baik serta sokongan daripada kalangan sosial masyarakat. Kini, Pulau Pinang bukan sahaja menjadi negeri pertama yang melancarkan program *No Plastic Bag*, namun juga menunjukkan teladan yang baik kepada negeri-negeri yang lain. Program ini telah disokong oleh kebanyakan pasar raya, *hypermarket*, kedai makanan dan pengguna. Ia dimulakan dengan kempen *No Plastic Bag Day On Monday ....*(dengan izin), dan selepas itu dilanjutkan dari 1 hari seminggu sehingga 3 hari seminggu bagi *hypermarket* dan pasar raya, dan sehari seminggu untuk kedai tunggal.

Walaupun masih terdapat sesetengah golongan yang tidak biasa dengan program ini, tetapi ia memang merupakan satu cara yang proaktif bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mencintai alam sekitar serta mengurangkan penggunaan beg plastik. Kami telah berjaya menjimatkan 1 juta helai beg plastik selepas program ini dilancarkan selama 4 bulan. Inilah sesuatu perubahan yang baik dan ketara di bawa oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Oleh itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang atas keberanian dan kejayaan dalam melaksanakan program ini. Saya berharap program ini terus dijalankan dan diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat supaya hasrat Kerajaan dapat disampaikan dan dapat dicapai kerana beg plastik merupakan satu ancaman kepada alam sekitar. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kami mengambil kira kepentingan perkembangan sosial ekonomi, industri, kebersihan, kesihatan dan kualiti hidup rakyat. Kami ingin memberi suasana hidup yang berharmoni dan baik kepada rakyat jelata.

Y.B. Dato' Speaker, selain daripada beg plastik, bekas makanan dan cawan polistirena juga merupakan satu lagi aspek yang perlu kita mengambil berat. Bekas makanan dan cawan polistirena sangat lazim digunakan oleh masyarakat tetapi ia membawa impak yang negatif kepada alam sekitar. Saya berasa gembira apabila mendapati Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menghentikan penggunaan polistirena. Untuk menjayakan program ini, wakil-wakil rakyat telah bekerjasama dalam usaha ini dengan membantah penggunaan polistirena di semua majlis dan program rasmi anjuran Kerajaan Negeri. Baru-baru ini, saya juga difahamkan Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghentikan penggunaan polistirena di kalangan penjaja. Ini amat digalakkan dalam usaha bersama memelihara dan memulihara persekitaran kita dan saya amat mengalu-alukan cadangan ini. Y.B. Dato' Speaker, saya bercadang bahawa kami boleh memulakan program ini dari kompleks atau tapak penjaja Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai dahulu kerana ini lebih senang bagi Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal keadaan penggunaan polistirena.

Terdapat beberapa kompleks penjaja swasta telah tunjuk minat terhadap cadangan ini dan ingin tahu bagaimana ia dapat dilaksanakan. Oleh itu saya berpendapat bahawa kita boleh melaksanakan program ini bermula dari kompleks penjaja Pihak Berkuasa Tempatan kerana jika kompleks penjaja swasta mampu melaksanakan program ini, tiada alasan bagi kompleks penjaja PBT untuk menolak pelaksanaan program ini. Penjaja-penjaja yang berniaga di dalam kompleks penjaja PBT sudah menikmati harga sewaan gerai yang murah, oleh itu saya berasa permintaan ini amat berpatutan jika kami mahukan mereka menyokong dasar dan program Kerajaan untuk menghentikan penggunaan polistirena. Ini bukan sahaja akan menunjukkan teladan yang baik kepada kompleks-kompleks makanan swasta mahupun kedai-kedai makanan, maka juga dapat menjana sedikit usaha dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau.

Y.B. Dato' Speaker, dalam isu ini, satu lagi aspek yang menarik perhatian saya adalah alternatif yang boleh dipakai oleh penjaja jikalau penggunaan polistirena bekas makanan dihentikan. Ini merupakan satu cabaran yang besar bagi Kerajaan jika kita meminta rakyat jelata berubah *mindset* ...(dengan izin), mereka untuk membawa bekas makanan sendiri dalam masa yang singkat. Saya percaya bahawa penjaja akan menghadapi

masalah dan membantah cadangan ini jika cara alternatif yang munasabah tidak diberikan. Walaupun terdapat dakwaan bahawa polistirena tidak boleh diklasifikasikan sebagai bahan yang tidak membahayakan alam sekitar, namun demikian, sehingga hari ini masih tiada fakta saintifik yang kukuh untuk membuktikan dakwaan ini. Sesetengah bandar di negara maju telah pun menghentikan penggunaan polistirena seperti San Francisco di Amerika, Toronto di Canada dan Taiwan. Kami boleh merujuk cara yang diambil oleh bandar-bandar tersebut bagaimana ia dapat dilaksanakan dengan berjaya melalui pindaan Akta dan cara alternatif yang diberikan. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dapat memberi maklumat yang lebih terperinci bahawa bagaimana program ini dapat dilaksanakan dengan tegas dan cara-cara alternatif yang mungkin dapat dipakai oleh penjaja supaya perniagaan mereka tidak merosot. Adakah lesen perniagaan tidak dapat diperbaharui jika penjaja melanggar syarat-syarat berkenaan atau kompaun yang berat akan dikenakan. Saya yakin bahawa jika program ini dapat kerjasama dari semua golongan masyarakat dan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna, ia bukan sahaja akan mempertingkatkan kesedaran rakyat dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar, maka juga dapat meningkatkan imej negeri dan Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama menghentikan penggunaan polistirena di Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker, isu seterusnya saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah masalah trafik di Pulau Pinang. Kesesakan lalu lintas atau *congestion* ...(dengan izin), merupakan salah satu 'C' yang dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani sejak dua tahun yang lalu. Mengikut statistik, Pulau Pinang mempunyai populasi seramai 1.6 juta orang manakala pendaftaran nombor kenderaan telah mencapai 1.7 juta. Anggaran dan keadaan ini agak merisaukan Kerajaan kerana masalah kesesakan lalu lintas adalah satu masalah yang rumit untuk ditangani.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih perlu mencari penyelesaian untuk menangani masalah ini dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Keperluan penambahbaikan sistem pengangkutan awam dan keadaan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang adalah amat diperlukan. Dari segi perancangan, untuk mencapai bandar raya antarabangsa Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus membuat rancangan-rancangan untuk *decongest* di kawasan-kawasan *hot spot* yang sentiasa menghadapi kesesakan serius. Pada masa yang sama, pengangkutan awam seperti bas-bas dan teksi-teksi haruslah dipertingkatkan dengan tahap perkhidmatan yang tinggi supaya kami dapat menggalakkan orang ramai memilih pengangkutan awam. Pulau Pinang merupakan negeri kecil dengan keluasan tanah yang terhad. Jikalau bilangan kenderaan juga mengikut populasi semakin meningkat, maka kesesakan lalu lintas akan menjadi satu masalah besar dan susah ditangani pada masa depan. Saya percaya jika prestasi perkhidmatan pengangkutan awam ditambah baik, rakyat akan bertimbang untuk menggunakan pengangkutan awam. Cabaran yang kita hadapi adalah pendidikan dan kesedaran. Bagaimana kita dapat meyakinkan rakyat jelata untuk memilih pengangkutan awam dan bukan kenderaan sendiri.

Y.B. Dato' Speaker, Pelan Induk Pengangkutan Awam yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri adalah satu langkah yang baik bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas. Sejak tahun 1970 sehingga sekarang, iaitu tahun 2010, Pulau Pinang masih tidak ada satu pelan induk yang komprehensif dan *holistic* dalam menangani masalah trafik. Pada pandangan saya, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat harus memberi pertimbangan terhadap projek-projek tersebut seperti PORR dan Monorel. Projek-projek ini haruslah dikaji semula dari segi fleksibiliti dan pelaksanaannya. Saya tidak bantah projek PORR secara prinsipnya tetapi kita mesti memastikan projek ini dapat menyelenggarakan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Selain itu, projek ini juga tidak boleh mengutip satu sen pun daripada pengguna. Ia mesti dilaksanakan secara *toll free* kerana menyediakan infrastruktur yang sempurna dan selesa adalah wajib kepada sesebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Rakyat jelata sebagai pembayar cukai, sepatutnya berhak menggunakan infrastruktur sebegini secara percuma.

Y.B. Dato' Speaker, dengan mengadakan satu pelan induk pengangkutan awam yang holistik, Kerajaan Negeri boleh membuat perancangan dengan lebih holistik dan membentuk ciri-ciri pembangunan mampan dan seimbang. Saya amat berharap pelan induk pengangkutan awam ini dapat disiapkan secepat mungkin supaya kami dapat mengkaji dan melaksanakan rancangan-rancangan yang berkesan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Terima kasih. Seterusnya Y.B. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-Puan, Hadirin dan Hadirat sekalian. *Alhamdulillah* syukur kita dapat bersidang pada hari ini. Saya ambil kesempatan untuk bangun untuk sama-sama membahaskan ucapan terima kasih atas usul dibawa pada TYT dalam ucapan perasmian pada kelmarin.

Y.B. Dato' Speaker, kita ingin merakamkan terima kasih yang amat sangat kepada TYT, walaupun dalam keadaan kesihatan yang kurang baik dapat juga melapangkan masa untuk hadir bersama walaupun dalam masa yang singkat. Ini menunjukkan beliau begitu komited memberikan perhatian kepada persidangan Dewan Undangan Negeri kita pada kali ini. Y.B. Dato' Speaker, saya bimbang tolong tengok di atas roboh sama, takut-takut kena roboh, saya bimbang duduk di sini juga, kadang-kadang saya keluar. Ha belakang tu nampak okeylah tapi dah runtuh ha tu. Macam mana boleh runtuh kita pun tak tahu, sedangkan kita buat secara tender terbuka, tapi dia runtuh juga lah, nak buat macam mana dah runtuh. Tapi kita hendak pastikan bahawa keselamatan dalam Dewan yang mulia ini selamat, pastikan Y.B. Dato' Speaker dapat bersidang sampai akhir nanti.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin memastikan bahawa kita bersidang dalam Dewan yang mulia ini, kita secara demokrasi, kebebasan semua orang kita bagi kebebasan untuk bersuara, bercakap dan sebagainya. Sebab itu kita harap apa-apa juga yang dibawa, dibincangkan, diperdebatkan, kalau boleh

kita bagi kebebasan yang baik tetapi bahasa-bahasa itu perlu di kontrol supaya bahasa-bahasa yang tak baik, kurang ajar ini tak dipanjangkan. Kerana kalau banyak orang melihat persidangan ini *live* pada kali ini, saya juga melihat bahawa kemungkinan ada ke tidak fahaman dalam persidangan yang lalu, yang mengarahkan, menyalahkan Ketua Pembangkang keluar kerana bahasa dua, tiga kerat. Kalau istilah bahasa Melayu dua, tiga kerat menggambarkan keadaan yang sikit, tak ramai, tak banyak. Sebab itu, bukan kerana dua, tiga kerat tu, kerat anda lain, tidak tak ada, itu bukan maksudnya. Maksud dia dua, tiga kerat ini adalah yang sikit, keadaan yang sikit, sebab itu kalau boleh kita janganlah, kita nak bagi bersidang dengan baik, kita bagi semua orang bercakap, secara demokrasi kita bagi kebebasan semua orang bercakap.

Jangan kita gunakan Dewan untuk kita kena keluar menyebabkan Dewan akan sunyi tidak ada perbahasan yang baik, kita tidak boleh melihat ataupun mengambil bahan-bahan ataupun iktibar untuk memperbaiki sistem pentadbiran Kerajaan Negeri. Begitu juga kita bercakap tentang kebebasan akhbar, hari ini semua pakat pakai reben kuning. Tapi adakah benar kita mengamalkan kebebasan akhbar. Dari Batu Maung betulkah tapi tak pakai reben tak apalah. Tapi yang pakai reben adakah benar kita mengamalkan sedangkan kita sendiri Pakatan Rakyat, kita tidak benarkan akhbar Utusan, Straits Times dalam program-program Kerajaan Negeri. Masih kita *stop* adakah kita benar mengamalkan kebebasan. Jadi ini yang saya katakan, bila kita nak bagi kebebasan kepada rakyat, bagi rakyat bercakap. Jangan sekat, bila rakyat hentam kita, kita sekat tidak boleh. Bila orang sokong kita baru boleh.

Y.B. Dato' Speaker, yang kedua kita dok nampak ada beberapa kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri yang kadang-kadang menggambarkan tidak betul. Orang punya kerja mengaku kita punya kerja. Pertamanya Timbalan Ketua Menteri I dalam satu majlis kutipan zakat bercakap bahawa kutipan zakat kita meningkat pada tahun 2008 dan 2009 adalah kerana orang yakin dan percaya kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. Tak betul tahun 2008 dan 2009 adalah kerja-kerja yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli Permatang Berangan, selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan menggerakkan supaya zakat ini dapat dikutip balik. Ini kerja Barisan Nasional jadi kita pi mengaku. Jadi saya ingat kalau kerja orang tak apa kita boleh bercakap tapi kita jangan mengaku yang kita punya usaha, kita tidak buat apa kerja pun.

Yang kedua saya melihat bahawa Timbalan Ketua Menteri II juga dalam isu pengambilan tanah untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Azad, Jalan Bagan Jermal, Pulau Pinang. Kerajaan Barisan Nasional membuat pengambilan tanah pada tahun 2007. Pada 13 Februari 2007, Kerajaan telah meluluskan dalam Mesyuarat EXCO, tanah untuk pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Azad, oleh kerana tanah tersebut adalah milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang maka pada 20 Februari Jawatankuasa Hartanah Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah meluluskan tanah tersebut kepada sekolah berkenaan. Sebelum Majlis penuh MPPP dapat mengesahkan kelulusan Jawatankuasa Hartanah, bila berlaku pilihan raya umum, dan Dewan Undangan Negeri telah dibubarkan, tetapi selepas pilihan raya selesai, pentadbiran negeri sudah berubah.

Ahli Majlis baru telah dilantik, MPPP yang bersidang buat pertama kali telah menolak kelulusan Jawatankuasa Hartanah untuk pembesaran sekolah, EXCO sudah bersetuju, Kerajaan Negeri sudah setuju tetapi bila mai tidak setuju kerana apa. Kerana kepentingan politik. Ahli Majlis EXCO Pendidikan Kerajaan Negeri Timbalan Ketua Menteri II apabila dimaklumkan butir-butir lengkap pengambilan tanah oleh Kerajaan Barisan Nasional, telah menafikan melalui surat khabar Tamil, saya tidak baca, orang lain tolong baca bahawa tiada sebarang *report* mengenai kelulusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri tetapi rekod kita tahu pada 13 Februari 2008 menunjukkan bahawa pengambilan sudah dibuat oleh Kerajaan Negeri tetapi Y.B. Timbalan Ketua Menteri II telah menafikannya. Dan kemudian kita nak dapatkan keputusan EXCO 13 Februari 2008.

Yang kedua Jawatankuasa Hartanah MPPP yang telah memberi kelulusan pada 20 Februari 2008 dan juga pada penolakan yang dibuat selepas pilihan raya. Sebab itu kita harap selepas itu Kerajaan Negeri membuat keputusan meluluskan pengambilan balik tanah ini, kemudian Y.B. Timbalan Ketua Menteri, Y.A.B. Ketua Menteri pi buat upacara pecah tanah mengaku merekalah yang memproses untuk pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Azad ini. Jadi Y.B. Dato' Speaker, dan yang ketiga kenyataan yang tidak benar dan kita harap Y.A.B. Ketua Menteri dapat membuat kemaafan kepada saya, kerana kelmarin dalam satu jawapan yang diberi Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan sejak tahun 2008 terdapat gerai-gerai di Pulau Pinang yang dirobohkan terdapat 30 gerai yang dirobohkan di bahagian pulau. 9 daripadanya adalah Melayu.

Pada tahun 2008 juga 39 gerai yang dirobohkan di Seberang Perai, 18 adalah Melayu tetapi mengikut jawapan yang diberikan kepada saya pada tahun 2008, ini jawapan yang diberikan oleh Y.B. Padang Kota semua gerai dirobohkan oleh MPPP. Dan pada tahun 2009, 3 buah gerai dirobohkan dan pada tahun 2010, 2 buah gerai dirobohkan. Bagi MPSP, 2 buah gerai dirobohkan pada 2008 dan 6 buah gerai pada 2009 dan hanya sebuah pada 2010. Ini bercanggah dengan jawapan yang telah diberikan. Jumlah semua pada 2008, 2009 baru ada 12 tapi jawapan yang diberikan 49. Tidak tahu yang mana satu betul. Penjelasan harus dibuat dalam Dewan harus diberi dengan tepat. Kalau tidak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Penjelasan. Saya rasa selain daripada Majlis Perbandaran, Pejabat Daerah dan Tanah pun merupakan agensi yang menguatkuasakan pencerobohan ke atas tanah Kerajaan. Maksudnya selain Pejabat Tanah pun ambil tindakan. Jadi jumlah semua agensi menguatkuasaan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tidak apa, saya rasa boleh *check* kemudian semak balik keadaan yang sebenarnya. Pejabat Tanah, Pejabat Daerah tapi lesen perniagaan masih dikeluarkan oleh MPPP dan MPSP. Jadi tanggungjawab MPPP dan MPSP dalam keadaan ini.

Y.B. Dato' Speaker, kita telah lama mendengar kemiskinan tegar dihapuskan di Pulau Pinang. Tiap-tiap kali kita tengok semakin meningkat kemiskinan. Saya hendak menyentuh bukan tentang kemiskinan tetapi tabung kemiskinan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri. Ke mana tabung itu sekarang, bagaimana tabung ini dibelanjakan, berapa jumlah yang ada, adakah diaudit, di akaun dan sebagainya. Ini perlu diberikan penjelasan kepada kita dalam Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker pada 17 Januari 2010, ada berlaku satu tragedi kemalangan bot, *dragon boat* di negeri kita ni dan kemalangan ini berlaku kerana difahamkan bahawa EXCO pelancongan kita telah memindahkan kawasan latihan daripada latihan tempat yang lama kepada tempat yang baru ni itu saya di fahamkan tidak betul, betul lah! Ikut laporan yang diterima..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yow):**

Mintak laluan, mintak laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ambil.

**Ahli Kawasan Padang kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Ya, saya di fahamkan bahawa ini bukan EXCO pelancongan yang bagi punya. Pasukan sekolah itu sudah berlatih di sana lebih daripada 5 tahun, so jika bagi pun EXCO yang lama yang bagi punya bukan EXCO sekarang yang bagi punya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Cerita 2010...EXCO lama apa? ....(gangguan), 5 tahun *train*? Kawasan itu? ....(gangguan), tak apalah, tak apalah, tetapi yang nak di gemburkan di sini saya nampak seolah-olah Kerajaan Negeri tidak begitu memberikan perhatian yang serius. Apakah langkah yang di ambil sekarang? Adakah di buat lagi di situ? Adakah sekarang masih *maintain*? Tempat latihan di situ? Dan apakah, ni setelah *post moterm* di buat, apakah langkah-langkah yang telah di buat Kerajaan Negeri dalam memastikan bahawa keadaan keselamatan *dragon boat* ni di masa akan datang, di Negeri Pulau Pinang? Ini yang kita perlu, ada, dan perlukah satu laporan secara kertas putih di buat di negeri ini berkenaan dengan tragedi ini untuk di beritahu kepada rakyat jelata?

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ambil.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Berkenaan tragedi bot karam, Kerajaan Negeri telah bercadang, telah bercadang supaya Kerajaan persekutuan untuk menubuhkan satu panel penyiasat, tetapi sehingga ke hari ini kita belum menerima apa-apa maklum balas daripada Kementerian Pendidikan. Adakah ini bermaksud bahawa Kerajaan Persekutuan yang melupakan tanggung jawabnya untuk mencari sebab sebenar tragedi tersebut.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kita bila kita bagi ini berkenaan negeri kita tak apakah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuanlah, ini Kerajaan Negeri perlu bertanggung jawab jangan kita, bila kita bagi cadangan pandangan pada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri kalis Kerajaan Persekutuan. Kita kata ini Kerajaan Persekutuan, kita kata pembangunan tak buat, dulu tak buat, ini makna tak ada pro-aktif Kerajaan, tak ada pro-aktif,...(gangguan), duduk saya belum bagi laluan lagi baru dok jelas. Sila....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Itu bukan kerana kita tidak boleh nak bertanggung jawab, kita sedia untuk memberi kerjasama jikalau ada satu siasatan dilakukan oleh Kementerian Pelajaran, kerana jikalau Kerajaan Negeri buat siasatan, adakah Jabatan Pelajaran akan hadir menghantar wakil untuk hadir, itu masalahnya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tak apalah itu antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan makna Kerajaan Negeri kena ambil langkah-langkah yang pro-aktif bagaimana nak mendekatkan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, tetapi sekarang ni Kerajaan Negeri punya tanggung jawab, Kerajaan Negeri perlu bertanggung jawab untuk menyelesaikan isu ini. Y.B. Dato' Speaker, saya tak mahu panjang-panjang, pendek-pendek saja.

Y.B. Dato' Speaker ini berkenaan, pengambilan tanah untuk masjid Telok Kumbar, Kerajaan Negeri telah meluluskan pengambilan tanah di lot 1334,1358 dan sebahagian lot 383,1293,584 mukim 9 Daerah Barat Daya seluas 2.105 untuk pembesaran Masjid Telok Kumbar tetapi yang menjadi masalah sekarang Y.B. Dato' Speaker, pengambilan ini dibuat tetapi di letakkan di bawah nama *State secretary cooperation, incorporation.*, maknanya Setiausaha Kerajaan Negeri diPerbadankan. Ini sebenarnya apabila kita buat pengambilan untuk tujuan tapak masjid, dia sebenarnya perlu di letakkan Majlis Agama Islam selaras dengan enakmen Negara Islam bagi tahun 2004 bagi seksyen 64. Yang jelas mengatakan bahawa walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana. Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah ke semua masjid di dalam Negeri Pulau Pinang dan setiap masjid berserta tanah yang di atasnya terdiri masjid itu atau mana-mana tanah yang berhubung dengannya dan digunakan bagi maksud masjid itu.

Selain daripada tanah Kerajaan hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan berhubung dan diletakkan hak bagi Majlis Agama Islam. Sebab itu saya hairan kenapa Kerajaan Negeri, meletakkan di bawah SSI, ini bercanggah dengan enakmen Majlis Agama

Islam kalau Kerajaan Negeri kata, tak pa. Sementara kita letak, tak boleh kerana kita kena buat pemilihan dua kali, buang masa, sebab itu saya ingat ini Kerajaan Negeri perlu diperbetulkan untuk di letakkan peletakan hak ini di bawah Majlis Agama Islam bagi membolehkan pembinaan masjid ini di buat, kalau tak letak hak di bawah Majlis Agama Islam maknanya masjid ni tak dapat di dirikan kerana dia bercanggah dengan enakmen Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Ir. Tuan Haji Muhammad Farid bin Saad):**

Penjelasan, Yang Berhormat, saya rasa mungkin Batu Maung terlepas pandang soalan ni saya rasa. Terima Kasih

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( YB. Dato Haji Jasmin bin Mohamed):**

Terima Kasih. Kemudian yang kedua, berkenaan pengambilan tanah tapak kubur di Masjid Jelutong, dalam jawapan bertulis yang diberikan kepada saya berkenaan pengambilan balik tanah ini Kerajaan Negeri sebahagian, bermakna pengambilan ini di buat di atas lot sebahagian lot 13, 14, 15, 16 dan keseluruhan lot 21 dan 22, tetapi mengikut apa yang saya di maklumkan, apa yang saya di maklumkan bahawa dalam kelulusan EXCO yang baru lalu ni pada 10 Mac 2010, kelulusan untuk lot 12, 13, 14, 15, 16, 17, dan 18 serta 19 sahaja 21 dan 22 tidak termasuk tetapi jawapan yang di beri kepada saya termasuk lot 21 dan 22 sebab itu saya memerlukan pengesahan daripada Kerajaan Negeri kenapa keadaan ini berlaku? Di sini jawapan berlainan tetapi keputusan EXCO lot sampai 19 sahaja 21, 22 tak di masukkan dan kita harap lot 21, 22 ini juga di masukkan kerana ianya boleh tidak mendatangkan kecacatan kepada pembangunan Masjid Jelutong itu sendiri. Sebab itu saya ingat ini perlu pengesahan daripada Kerajaan Negeri kerana berlakunya sedikit perbezaan di sini.

Saya juga amat berharap Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada penduduk Taman Pantai Indah, Jalan Pantai Bersih, Bagan Ajam. Bantahan di atas permit pembinaan kuil di jalan masuk ke Taman Pantai Intan, Jalan Pantai Bersih, Bagan Ajam Butterworth, Pulau Pinang kerana bagi kawasan ini, tanah perumahan ini kalau kita melihat pembinaan kuil tersebut di lakukan tanpa ada sebarang rundingan yang di buat dengan penduduk, tadi kita duk bising, kena bawak berundinglah, nak bina jeti lah tak berundinglah, apa semua, tetapi ini juga buat tidak berunding, yang kedua tiada sebarang papan tanda di tapak projek di tapak pembinaan rumah ibadat berkenaan, terus pergi buat saja.

Yang ketiga lebih 90% penduduk di sekitar adalah bangsa Melayu dan beragama Islam serta sedikit keluarga Cina, kenapa pergi letakkan kuil di lokasi yang tidak sesuai? Lokasi pembinaan kuil terletak hampir dengan jalan masuk ke taman perumahan ini yang mana jalan ini satu-satunya jalan keluar masuk untuk taman ini yang ternyata sempit dan boleh menyebabkan keadaan lebih buruk pada masa depan sekiranya wujud kuil, kalau ada kuil ni di sini maknanya esok apabila ada apa-apa aktiviti keagamaan akan menyebabkan masalah gangguan kepada di taman berkenaan.

Kawasan ini terletak berhampiran dengan kawasan perumahan penempatan yang kebanyakannya diundi oleh orang Melayu dan Cina, boleh mengganggu sensitiviti agama adalah tidak wajar pembinaan kuil di kawasan ini. Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II, melalui petikan akhbar Sinar bertarikh 9 April 2010, mengulas bahawa pembinaan kuil tersebut mendapat restu pihak atasan, saya tak tahu restu siapa, pihak atasan Kerajaan Negeri adalah dengan mendapat restu memadai untuk beliau membenarkan pembinaan dijalankan tanpa sebarang perbincangan terlebih dahulu dengan penduduk tempatan. Jadi saya harap apa ini Kerajaan Negeri, terutamanya EXCO kawasan EXCO yang menjaga agama ni kawasan Batu Maung dapat memberikan perhatian tentang isu ini supaya isu ini tidak menjadi satu isu yang boleh menyebabkan masalah di masa yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga amat kesal apabila kita melihat Kerajaan Negeri melaungkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam ucapannya bercakap bahawa kita tidak, kelmarin, membandingkan bahawa menyediakan peruntukan keagamaan kepada orang Islam yang banyak tetapi pada hakikatnya kita melihat, kalau kita melihat elaun-elaun sahaja yang dibayar kepada imam sebenarnya Kerajaan Negeri tidak menyumbangkan satu sen pun elaun kepada imam-imam Negeri Pulau Pinang. Semua elaun-elaun yang di bayar kepada imam-imam di Negeri Pulau Pinang ini adalah di bayar oleh JAKIM, Kerajaan Pusat.

Kerajaan Negeri hanya bayar elaun Tok Bilal untuk Siak sahaja dan elaun untuk Guru Tadbir Agama dan Guru KAFA juga di bayar oleh Kerajaan Pusat, tapi Kerajaan Negeri melaung-laungkan kata depalah yang menyediakan peruntukan yang banyak dalam keagamaan ini dan sebagainya. Baiklah saya ingat kenyataan yang tak betul ni jangan duk, jangan duk yang kita tak bagi kita kata tak bagilah. Kita bercakap tentang peruntukan lain tetapi peruntukan sebenarnya, kalau kita megah dengan kita bagi RM100.00 tapi orang yang berkhidmat untuk, berkhidmat kita tak bagi pun, kita tak bagi langsung, Imam perlu di hormati, perlu penghargaan diberi kepada Imam-Imam ni, orang nak bagi penghargaan ni orang macam inilah orang warga emas tu setengah memang kaya pun RM100.00 bukan mereka hairan pun, tapi tak apalah, kita nak bagi kita bagi, bukan kita nak marahkan, tak apa bagi. Tetapi orang yang betul-betul kita perlu menghargai jasa mereka adalah orang-orang macam ni, Imam-imam kita, orang-orang yang berjasa kepada kita, kepada negara, kepada negeri, orang ni tak apa kita bagi. Ini bagi RM100.00 kita dah gah, kemudian kita kata tak rasuah, kalau kita bagi kepada pengundi sahaja tentu rasuah, kepada pengundi sahaja, rasuah, ambil lah.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Berminat jika ini bagi seratus pun ini rasuah bagi, tapi bagaimana dengan kita punya Perdana Menteri? Secara terbuka apa pandangan daripada

Yang Berhormat Sungai Dua, Adakah ini secara ugut dah rasuah dan MSC mengapa tak ambil tindakan? Adakah ini *double standard*? Mengapa diam sahaja?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ni nak jawab, duduklah, mana ada rasuah! Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan peruntukan RM3 juta, untuk bagi pada satu

sekolah Cina di hulu Selangor, betul itu yang dikatakan rasuah kan? Itu bukan rasuah! Dia umum, dia kata kalau Barisan Nasional menang, lusa dia bagi, itu bukan rasuah, okey kalau rasuah orang situ bagi rasuah bagi sama Barisan Nasional, tetapi orang situ tak bagi undi pada Barisan Nasional. Kawasan sekolah Cina itu tidak memberi undi kepada Barisan Nasional, Barisan Nasional kalah di kawasan itu tetapi Kerajaan Barisan Nasional Kerajaan yang prihatin pada masalah rakyat dan semua kaum bagi hari Isnin, Selasa bagi dah duit, mana ada rasuah, bagi pula bukan bagi individu, ambil seorang RM100.00, RM200.00 tidak bagi kepada sekolah Cina untuk pembangunan sekolah, itu mana rasuah?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta laluan sekejap. Terima kasih. Mengapa *timing* begitu tepat, iaitu esok nak buang undi hari ini dia buat janji ini, ini bukan beli tiket nak beli undi ka?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Kita kalau bagi duit kepada individu itu rasuah. Kalau bagi duit untuk pembangunan kepada rakyat yang melibatkan kepada semua rakyat itu bukan rasuah, bukan rasuah. Bagi projek pembangunan kepada rakyat bukan rasuah, itu dapat dinikmati kepada semua rakyat. Kalau kita bagi RM100.00 kepada semua orang, itu rasuah. Itu rasuah.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Tapi janji itu dibuat atas syarat Barisan Nasional menang Hulu Selangor, walaupun tempat itu tak sokong BN, tapi menang, Barisan Nasional menang Hulu Selangor maka perlu diberikan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Itulah saya cakap, bagi projek, bukan rasuah. Bagi duit individu itu rasuah. Projek untuk rakyat semua dan kemudian apabila Kerajaan Barisan Nasional janji, dia janji kalau Barisan Nasional menang kalau kawasan itu tak menang pun, orang situ tak bagi juga undi, umumlah walaupun berapa juta pun yang Y.A.B. Menteri umum 10 juta pun, kalau tak bagi juga, tak menang juga kawasan itu, tapi Kerajaan Barisan Nasional prihatin, kita bagi juga, adakah itu rasuah. Kerajaan PKR Selangor tak bagi semua masjid semua bilal itu tak bagi, ada berapa juta yang dikeluarkan oleh Kerajaan Selangor pada pilihan raya itu tak bagi rasuah? Rasuah. Apa kita kata bukan rasuah. Semua rasuah.

**Y.B. Dato' Spekaer:**

Yang Berhormat ada 3 minit lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Y.B. Dato' Speaker, saya yang oleh sebab masa tak lama ini saya, bidang tugas Timbalan Ketua Menteri I, Timbalan Ketua Menteri I bertanggungjawab terhadap portfolio Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa. Apa Perdagangan Antarabangsa yang Timbalan Ketua Menteri

bawa mai, apa yang, kita sekarang nak menilai KPI, dan apa Timbalan Ketua Menteri I buat untuk membangun industri Pulau Pinang? Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang tak bercakap apa pun gerai-gerai Melayu dirobohkan, Timbalan Ketua Menteri I tak bercakap tentang pembangunan, apa bazar Ramadan di KOMTAR tak cakap apa pun, mana perjuangan untuk Melayu Pulau Pinang, di mana Timbalan Ketua Menteri I yang diletakkan di situ atas kapasiti Melayu?

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Terima kasih. Isu KPI kita kena tanya kepada Menteri KPI, Menteri KPI ialah Tan Sri Koh Tsu Koon.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Saya ingat dua hari lagi kepala dia penuh uban, pasal Batu Uban. Jadi saya tengok, pembangunan koperasi, apa yang kita bantu koperasi-koperasi yang ada di Negeri Pulau Pinang? Apa bantuan yang kita telah beri kepada koperasi-koperasi yang ada di Pulau Pinang? Adakah? Bagi penjawabnya, tunggu gulung. Tak apa saya nak tahu apa bantu, banyak mana koperasi yang dibantu, berapakah peruntukan yang disediakan untuk membantu koperasi-koperasi yang ada di Pulau Pinang, banyak mana projek-projek yang dibuat untuk membantu koperasi-koperasi Negeri Pulau Pinang, semua itu kita perlu tahu, saya tak pernah lari. Semua tak pernah lari, saya pun hairan, kenapa pegang portfolio Pembangunan Koperasi dan Perdagangan Antarabangsa tapi di InvestPenang, duduk Ahli Lembaga saja, sebab itu duk Pengerusi la, kita nak pi perdagangan, kita duk sebagai *Chairman* la, tapi duduk Ahli Lembaga saja, macam mana kita nak bantu, tak layak saya tak tau la, itu layak tak layak mungkin Ketua Menteri atur macam itu, mungkin senang kerja Ketua Menteri la kan. Yang itu kita tak tahu, jadi Y.B. Speaker, masa pun dah lama, jadi saya minta maaf banyak kalau ada terkasar bahasa, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Yang Berhormat kita akan berhenti berehat 15 minit dan tepat pada 4.50 petang kita akan bersidang semula. Jadi Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang***

***Dewan disambung semula pada jam 5.00 petang.***

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dewan bersidang semula, sebentar tadi dalam Dewan yang mulia ini, isu dua, tiga kerat masih dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat, masa itu saya duduk di bawah, saya tidak ada peluang untuk memberi penjelasan, sekarang saya duduk di sini, saya ingin mengambil peluang untuk memberi sedikit penjelasan.

Isu dua, tiga kerat ini, semasa saya Y.B. Ketua Pembangkang menarik balik ayat-ayat itu, bukan pasal perkataan kerat. Masa itu, saya masih ingat Ketua Pembangkang beliau menggunakan jari dan menunjukkan kepada Ahli EXCO dan juga dua Ahli DUN orang Melayu, Ketua Pembangkang menyatakan begini.

“Dia kata, ini dua tiga kerat yang tidak menjaga kepentingan orang Melayu.” Bagi saya ayat ini adalah satu tuduhan yang sangat serius dan ini menyakitkan bukan sahaja menyakitkan hati ADUN orang Melayu, tetapi bagi saya juga berasa sakit hati kerana jikalau dua, tiga kerat ini yang tidak tahu menjaga kepentingan orang Melayu. Ini bermaksud Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pakatan Rakyat yang tidak tahu menjaga kepentingan orang Melayu.

Bagi saya ini adalah satu tuduhan yang sangat serius. Oleh yang demikian saya meminta Ketua Pembangkang menarik balik, tetapi malangnya beliau tidak setuju hendak menarik balik. Di sini saya harap Ahli Sungai Dua dan Ahli Sungai Seberang Jaya boleh faham, saya harap mereka faham bukan pasal perkataan kerat, tetapi berkenaan dengan satu ayat itu, dua, tiga kerat yang tidak menjaga kepentingan orang Melayu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker kerana memberi saya peluang untuk memohon bahawa selaras dengan Peraturan 6A (i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya mohon supaya masa persidangan hari ini 4 Mei 2010 dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6 A (i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 4 Mei 2010 dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya”, yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Usul dipersetujui dengan sebulat suara.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Y.B. Tuan Speaker, saya hendak membangkitkan satu tuduhan mengenai dengan objektif untuk memburukkan imej Kerajaan Negeri iaitu adalah satu hasrat yang jahat yang dikeluarkan oleh Ahli Kawasan Sungai Dua, di sini saya nak tanya apakah ID jawapan yang mengaitkan nombor-nombor lot tanah perkuburan Jelutong? Jikalau apa Y.B. Timbalan Speaker, kalau beliau tidak mahu menjawab tuduhan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Y.B. Timbalan Speaker, saya membangkitkan masalah pengambilan tanah-tanah perkuburan di Jelutong tapi tadi peluang saya dah habis, sekarang dengan keizinan Y.B. Timbalan Speaker, saya boleh *respond* pertanyaan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Keizinan diberi. Saya mendapat jawapan daripada Kerajaan Negeri, jawapan ini yang dijawab oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa pengambilan lot bagi lot 13,14,15,16 dan keseluruhan lot 21 dan 22. Nombor 5, soalan bertulis.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita akan melihat jawapan itu Y.B. Speaker kerana yang telah dikatakan oleh Sungai Dua itu adalah keputusan EXCO dan jawapan itu tidak bertepatan. Insya-Allah kita akan melihat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Y.B. Timbalan Speaker, saya katakan tadi saya mendapat jawapan lot 21 dan 22 juga dibuat pengambilan di sini tapi apa yang saya difahamkan Y.B. EXCO hanya lot 19 sahaja, 21, 22 tidak dimasukkan itu.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ada Yang Berhormat yang ingin berbahas. Silakan Ahli Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Y.B. Timbalan Speaker, saya cuma nak penjelasan balik, tadi Ahli Batu Maung kata saya berniat jahat. Apa maksud dia saya berniat jahat. Adakah soalan yang saya kemukakan soalan begini, saya dikatakan jahat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. *Assalamualaikum*, salam sejahtera, salam Satu Malaysia. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam sesi perbahasan, dan ucapan terima kasih kepada TYT Kami merasa amat dukacita dengan

pembentangan dan pencapaian yang sebenarnya yang kononnya dicapai oleh Kerajaan DAP, PKR yang sekarang, Barisan *Venture* Kerajaan Negeri sekarang sama ada terpaksa mengikut rentak pimpinan Kerajaan sekarang ataupun kurang pimpinan yang mencukupi sehinggakan mempamerkan kebanggaan yang tidak terhingga ke atas kononnya kejayaan-kejayaan yang diberikan sekarang tetapi sebenarnya ialah sebuah Kerajaan Pakatan Pembangkang yang amat lemah.

Kerajaan Negeri sekarang ini dilihat sangat menguar-uarkan sesuatu kejayaan tetapi sebenarnya tidak mempunyai satu impak jangka panjang kepada rakyat tetapi membuat ulang-ulang publisiti murahan macam orang goncang aiskrimlah untuk kanak-kanak orang beri, sebelum saya menyentuh beberapa isu penting, untuk pembelaan rakyat Negeri Pulau Pinang izinkan saya mengambil perhatian dalam Dewan yang mulia ini.

Bahawasanya sepanjang melebihi 50 tahun diperintah oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang lalu banyak pencapaian yang telah dapat dilakukan dan hanya boneka yang bersandiwara yang hanya mengungkit dan sengaja memesongkan perjuangan rakyat yang dianggap hakiki oleh Barisan Nasional sebelum ini. Saya akan menghuraikan beberapa kejayaan Barisan Nasional terdahulu, terlalu banyak untuk diimbaz kembali kejayaan yang tercapai tetapi izinkan saya memberikan faktor untuk direnung kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dan jika mungkin pihak media boleh membuat laporan dan artikel berkenaan dengan kejayaan Negeri, Barisan Nasional pada masa yang lalu.

Pertama saya ambil pendekatan sekarang untuk memberitahu bahawa kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang lalu kerana *you* berikan seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional yang dulu tak buat kerja. Kejayaan Kerajaan Negeri menyediakan rumah mampu milik, sehingga ke 30 Oktober 2006, sebanyak 90,500 unit rumah mampu milik kos rendah dan sederhana rendah telah ditawarkan di mana 30,157 ataupun 33.29% pun telah pun diberikan kepada kaum Bumiputera di negeri ini. Melalui kerjasama dengan agensi seperti UDA, JKP, PDC, PERDA, MAIPP dan sebagainya maka, dalam lingkungan 2005 dan 2006 telah pun berjaya untuk menyumbang 532 buah projek perumahan yang terdiri daripada 467 buah rumah perumahan kos rendah dan 65 buah perumahan kos sederhana rendah yang berjumlah 142 208 unit rumah kepada semua kaum termasuk kaum Bumiputera.

Pada tahun 2006 PDC di bawah Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang terdahulu telah pun berjaya membina 7777 unit rumah rendah dan memberi peluang di bawah 51.32% kaum Bumiputera memiliki rumah tersebut yang berjumlah 591 unit. Ini semua adalah kejayaan Barisan Nasional yang berjihad rakyat selama ini yang memulihkan negeri ini mendapat faedah dan keselesaan dengan perjuangan Kerajaan Barisan Nasional terdahulu. Kejayaan Barisan Nasional terdahulu bagi meningkatkan industri pertanian dan asas tani, kita rasa membangga semasa Kerajaan Negeri Barisan Nasional memerintah hasil pengeluaran kelompok bagi tahun 2007

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan. Saya rasa masalah yang kita hadapi sekarang ini yang kita bincangkan hari ini adalah usul TYT ialah ucapan TYT tahun 2010 tetapi mengapa Ahli Seberang Jaya masa silam tak akan Kerajaan Barisan Nasional sudah tumbang, 2008 itu sebab Kerajaan Barisan Nasional tidak buat kerja dengan baik, itulah sebab Kerajaan Barisan Nasional tumbang, 2008 betul.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Itulah susah kadang-kadang, kita sebabnya kita rujuk kepada apa yang ada ucapan, TYT telah memberitahu beberapa kejayaan antara lainnya sebenarnya adalah kejayaan Kerajaan Barisan Nasional terdahulu. Tengok saya berikan tentang pertanian, kejap lagi saya kaitkan tentang yang Pulau Jerejak cakap. Kita rasa bangga Kerajaan Barisan Nasional terdahulu kerana pengeluaran kelompok pada 2005 dan 2007 telah menunjukkan peningkatan hasil yang memberangsangkan iaitu 95,648,176.4 kg pada tahun 2005 meningkat kepada 102,86,734.71 kg pada tahun 2007 begitu juga dengan hasil pengeluaran ladang iaitu telah pun ditingkatkan 90,930,000 telah meningkat kepada 101,822,000.

Oleh kerana ada hubung kait dengan ucapan TYT oleh itu kita berharap bahawa Kerajaan Negeri sekarang ini harus memastikan bahawa jangan alpa dengan usaha-usaha baik yang telah dibuat oleh Kerajaan terdahulu dan jangan lupa bahawa sehingga sekarang Barisan Nasional Pusat juga masih membantu untuk meningkatkan hasil pertanian melalui perwujudan MPPP atau MP3 iaitu Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen dan ini menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan Barisan Nasional walaupun ianya di peringkat pusat tetapi masih membantu Kerajaan Pakatan DAP, PKR ini, sebab itu kita ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada TYT yang telah menyatakan di dalam ucapannya bahawa sejumlah RM10,000,000 telah pun diberikan bagi sistem pengembangan teknologi pertanian, penerapan amalan pertanian yang baik ataupun *indicator preparer ties*, program pemodenan sistem pengurusan pengaliran dan pembangunan infrastruktur pertanian. Terima kasihlah Kerajaan Barisan Nasional kerana terus membantu rakyat. Begitulah juga, apabila kita lihat kenapa hari ini terdapat pelaburan yang lebih kurang RM2.1 bilion sahaja.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Y.B. Timbalan Speaker, saya rasa Y.B. Timbalan Speaker kena memberi teguran kepada Ahli Y.B. Seberang Jaya kerana perbahasan beliau keluar topik, hari ini kita kena berbahas satu usul terima kasih TYT.... (gangguan). Bukan berterima kasih kepada Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Saya tidak beri laluan lagi.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Bukan ucapkan kepada Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Saya tahu, saya ucapkan terima kasih kepada TYT kerana ianya melambangkan betapa berjayanya Kerajaan Barisan Nasional terdahulu sehinggakan beberapa perkara kita takut...(gangguan).

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Ini merupakan satu penghinaan memang kita takut *you* tidak, Y.B. Timbalan Speaker, mana saya ada membuat penghinaan apa-apa. Saya tidak beri laluan. Guna peraturan berapa?

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Saya menggunakan peraturan kerana keluar topik.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Saya tak keluar topik. TYT telah menyebut bahawa RM10 juta telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, tak akan semuanya *you* nak ambil kredit.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Y.B. Timbalan Speaker, peraturan 4.7. Teguran supaya diberikan kerana melanggar peraturan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Y.B. Timbalan Speaker, saya tak melanggar apa-apa peraturan, saya hanya memberi contoh kejayaan Kerajaan yang terdahulu sebagai rakyat Pulau Pinang yang bertanggungjawab, saya tidak mahu negeri ini hancur di bawah pentadbiran yang saya anggap sebagai rakyat yang Kerajaan sekarang ini adalah tidak begitu efektif daripada impak jangka panjang pada rakyat negeri ini sebab itu saya membawakan contoh-contoh kejayaan kepada Kerajaan-Kerajaan terdahulu.

Begitu juga saya nak sentuh juga tentang bagaimana berjayanya Kerajaan yang terdahulu seperti Ketua Menteri yang terdahulu telah membuat beberapa lawatan dan juga persidangan Bio 2004 di San Fransisco USA, bertemu dengan syarikat-syarikat pelawat Bio 2004 termasuk perbincangan dengan syarikat lain. Lawatan ke Taipei pada tahun 2004 yang hampir 260 syarikat Taiwan termasuk pertemuan dengan *Inventact Vistron*, lawatan ke Silikon Surgery pada tahun 2005 yang berjaya menemukan 14 Amensi dan begitu juga lawatan mereka ke California Asia Business Council dan juga lawatan ke Amerika Devast Manufacturing York pada tahun 2005 dan juga lawatan bersama dengan MAIDA di California dan juga bertemu dengan Jerman Producternica dan Manica pada 2005 dan sebagainya. Jangan nak ganggu kita nak bercakap ini kerana ada 20 minit.

Saya nak bagi tahu, Y.B. Timbalan Speaker, saya tak bagi laluan, sebab masa terhad. Saya nak bagi tahu betapa gigihnya lawatan-lawatan seperti ini dibuat dan akhirnya berjaya untuk membolehkan 10.2 bilion itu masuk ke negeri ini, ini adalah usaha yang dilakukan tak akan lah pula nak ambil kredit

rasa tak malukah nak ambil kredit kata 10 bilion itu dilakukan oleh kerajaan sekarang. Sebab itulah saya mahu supaya jangan kerajaan yang ada sekarang ini melakukan berbagai-bagai lawatan tetapi hasilnya tidak seberapa sebab kita rasa amat risau apabila kita tengok keseluruhan pelaburan RM2,165,240,934 daripada 15 industri projek yang diluluskan katakanlah ada 104 projek tetapi di dalam projek ini kita amat risau apabila kita tengok keluaran elektrik dan elektronik yang berjumlah pelaburan domestik RM188,102,93.71 juta dan pelaburan langsung asing yang berjumlah RM420,182,297.29 juta yang menjadikan RM608,282,201 juta kalau kita tak berhati-hati di dalam perkara ini maka ianya akan mengakibatkan pelabur-pelaburnya akan lari.

Sebab itu saya ingin memberitahu bahawa kita amat berbangga ketika Ketua Menteri kita diberikan penghargaan dalam ceramah *Inovation Exchange Program* atau WCIT dan berjaya membentangkan kertas perdagangan dalam *Inovation Exchange Program* atau WCIT *ENE to ICT to Ancipitential to Propensitencial* pada ketika itu, Invest Penang di bawa menyertai Malaysian Pavilion dalam Pavilion Pameran WCIT Booth dan begitu yang mengakibatkan bahawa kejayaan itu tercapai itulah yang dimaksudkan oleh saya sebab itulah saya nak dikaitkan bukanlah kata perkara-perkara sedemikian kerana kita harus lihat dalam keadaan sekarang bagi tahun 2009 kalau kita tengok pelaburan domestik kita ialah RM716,784,786 berbanding dengan pelaburan asing hanya berjumlah RM1,448,494,148 maknanya daripada FDI RM10 bilion telah turun kepada RM1.448 bilion, amat lemah sekali.

Banyak perkara yang telah pun dibawa oleh Ketua Pembangkang tadi tentang perkara-perkara dan kelemahan-kelemahan yang sebenarnya berlaku sekarang oleh Kerajaan yang ada ini. Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin tahu iaitu jumlah hutang Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat sehingga 31 Disember 2005 berjumlah RM446,696,252.94. Dari pinjaman tersebut PBA telah pun menggunakan pinjaman pembiayaan berjumlah RM397,672,232.76. Pinjaman Perumahan Awam dan Kos Rendah berjumlah RM49,973,229.19. Pinjaman pelbagai sebanyak RM2,050,720. Saya hendak tahu bagaimanakah kedudukan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat pembayaran setakat mana setakat 2007, 2008 dan 2009.? Setakat manakah dibuat bayaran balik dan sebagainya kerana telah pun dikeluarkan tadi? Adakah berlaku kemungkinan hendak menunjukkan *surplus* hutang dilambatkan pembayaran dan sebagainya.

Saya ingin tahu kerana dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu telah pun berjaya untuk memungkinkan penggunaan air di Pulau Pinang telah melonjak sebanyak 15.75% iaitu daripada 208.2 bilion liter kepada 241 bilion liter setahun dan oleh kerana ianya menyentuh tentang penggunaan wang untuk PBA untuk diberikan percuma kepada rumah-rumah di bawah RM100 pembayaran bil dan sebagainya maka saya ingin tahu bayaran dan kegunaan khazanah yang telah diamanahkan kepada PBA?

Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin juga mengetahui berkenaan dengan kedudukan penukaran syarat tanah sebaik sahaja Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ataupun DAP, PKR mengambil alih Kerajaan ini heboh dicanangkan untuk diberikan kelulusan penukaran daripada Tanah Pajakan kepada Tanah Pemilikan Kekal? Setakat ini berapakah bilangan permohonan yang telah

diterima dan bilangan permohonan yang telah diberikan? Tolong nyatakan jenis termasuk lokasi dan premium yang telah dibayar atau dikutip bagi maksud itu? Juga saya ingin tahu, tolong senaraikan juga syarikat yang telah diberikan kelulusan sama ada syarikat di bawah ini juga memperoleh kelulusan tersebut. Pertama Tetuan Sunway Carnival Shopping Mall Sdn. Bhd, Kawasan saya lot 5497, 5498, 5499 mukim 1 Daerah SPT, Tetuan Lion Mutiara Parade Sdn. Bhd lot 386 Seksyen 17 Bandar George Town, Tetuan Reckom Maestro Sdn. Bhd. P.T. 2018 dan 2019 mukim 13 DTL, Tetuan Emerald Capital Sdn. Bhd Lot 11419 mukim 12 DBD. Begitu jua saya ingin mengetahui berkenaan kedudukan yang dikatakan akan ada liputan wi-fi dan diberikan wi-fi percuma kepada semua masyarakat di negeri ini. Apakah kedudukannya sekarang?

Y.B. Timbalan Speaker, berapakah bajet yang telah diperuntukkan dan setakat manakah persiapan telah dibuat bagi memastikan bahawa kita ataupun Pulau Pinang boleh mendapat pingat emas di dalam SUKMA 13 di Melaka? Berapakah sasaran pingat emas, perak dan gangsa? Apakah yang telah dikenal pasti bagi memperoleh kejayaan tersebut? Setakat manakah kejayaan Syarikat Mutiara dan bagaimanakah kedudukan pencapaian bagi acara Karate-do, Wusyu, Pencak Silat, Tae Kwando, Silambam, Judo dan juga Lawan Pedang? Apakah pencapaian yang membanggakan dengan penganjuran Festival Sukan Combat 2009 atau FESCOM 2009 yang akan diulangi pula pada bulan Disember tahun ini? Bagaimanakah kedudukan skuad pelapis negeri ini dan pencapaian program peningkatan bidang kejurulatihan?

Begitu juga pelan provokasi dan lain-lain? Berdasarkan kepada perancangan sukan yang berpotensi bagi meraih banyak pingat emas dalam sukan Tenbowl, sukan Akuatik dan juga Olahraga dan Menembak, setakat manakah dirasakan kita boleh memperoleh sama ada kita boleh menjuarai atau tidak di dalam sukan SUKMA yang akan dijalankan di Melaka baru-baru ini? Begitu juga saya ingin tahu iaitu pihak Kerajaan Negeri telah berjanji iaitu untuk memperbaiki Pasukan Bola Sepak negeri ini yang semakin merosot? Apakah pencapaian yang membanggakan setakat ini dan bagaimanakah kedudukan kebajikan pemain-pemain di negeri ini? Apakah mereka ini diambil berat? Berapakah perbelanjaan bagi tahun 2009 untuk Pasukan Bola Sepak Negeri ini dan apakah pembayaran tertunggak termasuk elaun, gaji yang belum dijelaskan? Satu lagi saya hendak tanya setakat 12 perlawanan yang telah berlaku di dalam Liga Super 2010 ini Pulau Pinang menang sekali, seri 2 kali kalah 9 kali. Apakah Kerajaan Negeri sebenarnya tidak mempunyai kecekapan di dalam mencari jalan bagi membaiki prestasi Pasukan Bola Sepak di negeri ini? Bagaimanakah kedudukan Pengerusi atau Presiden FAP? Adakah hendak tukar orang lain atau sudahkah buat keputusan untuk memberikan nama calon-calon dan sebagainya? Begitu juga saya ingin mengetahui kalau dahulu Pasukan Bola Sepak ini ada peruntukan lebih kurang RM1.45 juta di mana PDC beri RM250 ribu, PBA RM250 ribu, sumber-sumber FAP RM545 ribu, FAM RM300 ribu, penjualan tiket 2009 dapat RM201,190.00 jadi tahun ini macam mana pula? Kut mana nak mai duit itu? cukup tak? Ada tak? Adakah nak biar depa pemain-pemain bola dan prestasi bola kita berada dalam ikut sajalah?

Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin mengetahui iaitu berkenaan dengan kereta kabel yang kononnya hendak dibina menyambungkan Taman Botani ke puncak Bukit Bendera. Adakah dan siapakah kontraktor jika projek ini telah dijalankan dan jika belum kenapa? berapakah nilai kontrak? Apakah bayaran yang dicadangkan dikenakan dan sebagainya? Begitu juga saya kalau tidak sentuh langsung berkenaan dengan pemberian mengenai warga emas RM100.00 ini rasa kurang lengkap. Kita tidak membantah langsung berkenaan dengan pemberian ini tetapi seperti yang telah dinyatakan oleh Bagan Dalam tadi iaitu warga emas harus diberikan apa sahaja yang kita hendak bagi tetapi keselesaan penduduk tempat termasuk warga emas harus kita ambil berat, sebab itu masalah rumah-rumah bertingkat yang ditinggalkan oleh pihak swasta yang gulung tikar dan yang diserahkan oleh PDC secara gantung tidak bertali, terutamanya di Seberang Jaya patutnya diberikan peruntukan RM50 hingga RM100 juta supaya masalah-masalah yang berhubung kait dengan rakyat ini dapat diberikan pembelaan.

Tambahan pula lampu-lampu di taman perumahan bagi mengurangkan kawasan gelap bagi mengundang jenayah patutnya diberikan peruntukan RM20 hingga RM30 juta, penurapan jalan-jalan kampung dan penyelenggaraan jalan-jalan dalam taman oleh Kerajaan Negeri patut diberikan juga RM30 hingga RM60 juta. Kita biarkan jalan-jalan flat berlubang-lubang, kita kata ini MC punya *problem* tetapi pada halnya masalah penubuhan MC itu pun satu masalah dan akhirnya MC sendiri pun tidak ada dana yang boleh membantu yang mengakibatkan mereka berada di dalam keadaan yang begitu daif dan sebagainya.

Begitulah juga saya memohon supaya kita memikirkan juga hal kecil-kecil kemudahan awam yang lain juga perlu diberikan perhatian. Tidak ada gunanya kalau kita seronok terpopular kerana kita ingin mendapatkan populariti, kita berjimat kerana kita hendak menunjukkan *surplus* bajet tetapi banyak lagi keperluan-keperluan rakyat yang tidak kita beri pembelaan. Kita tidak mahu kita jadi sebagai seorang tauke, kebetulan kita diberi peluang untuk menjadi CEO kepada satu kilang akhirnya kilang yang ada 1000 pekerja itu dan diberi 200 kepada pekerja lama diberi bonus RM500.00 tiap-tiap bulan dan apa akan berlaku kilang itu mempunyai masalah bumbung bocor, mesin yang tidak diservis, lori 5, 6 biji tayar botak, kantin panas kipas tidak ada tetapi CEO itu tidak peduli asal dia nak popular dia beri duit RM500.00 kepada 200 orang pekerja-pekerja lama. Lama-kelamaan kilang itu akan bankrap, lingkup dengan CEO itu sendiri akan lari. Kita tidak mahu perkara-perkara sedemikian berlaku kepada Kerajaan Negeri supaya kita mahu khazanah negeri ini ditadbir dengan penuh berhemah dan sebagainya.

Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin tekankan di sini bahawa amat baik jika kita ingin mencontohi kepimpinan Khalifah Umar Abdul Aziz bermakna antara lain sikap bongkak, menunjuk-nunjuk, membuat fitnah kepada sesuatu mengenai gambaran cerita rekaan dan banyak membuat keputusan sendiri tanpa muzakarah secara berhemah adalah bertentangan dengan pemerintahan Khalifah Sayidina Umar Abdul Aziz sendiri. Kita juga ingin mengetahui iaitu semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu di Kerajaan Negeri ini melalui PERDA, USM, UITM, GIAT MARA, Kolej Komuniti dan sebagainya banyaklah peluang-peluang pendidikan dan institusi pendidikan telah diwujudkan di negeri ini termasuklah perwujudan

Open University atau Wawasan Open University dan mempertingkatkan kehebatan PSDC dengan peruntukan Kerajaan Barisan Nasional sebahagian peruntukan untuk diberikan kepada PSDC dan sebagainya. Oleh itu saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan *hub* pendidikan yang diuar-uarkan akan diwujudkan di Balik Pulau dan berapakah institusi dari Timur Tengah, Korea dan Eropah seperti yang dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini yang terdahulu yang telah memulakan operasi mereka di *hub* pendidikan di Balik Pulau Ini.

Begitu juga saya ingin mengetahui iaitu apabila kita menyatakan bahawa kita ingin menyelesaikan banyak lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat tetapi kita juga harus mengambil pendekatan supaya kita memberikan juga penjelasan daripada keseluruhan perbelanjaan yang RM331,197,430 atau angka sebenar RM318,776,450 dan juga perbelanjaan pembangunan sebanyak RM186,039.50 itu berapa banyakkah sebenarnya Kerajaan Negeri telah membelanjakan mengikut jabatan-jabatan bermula dengan Jabatan Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan Botani dan lain-lain kalau nak baca makan masa panjang. Saya juga ingin mengetahui daripada Kerajaan Negeri bahawa berkenaan dengan usaha untuk mencegah maksiat dan sebagainya. Saya difahamkan sehingga 31 Mac 2010 pegawai penguat kuasa telah pun berjumlah 44 orang daripada asalnya berjumlah 16 orang pada 2008 iaitu peningkatan 175% jadi sudah tentulah ianya memberikan kesan kepada pencegahan maksiat dan sebagainya maka perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi sudah tentulah dapat diberikan pertolongan supaya ianya dapat mengurangkan masalah-masalah yang sedang dihadapi.

Begitulah juga apabila kita lihat peruntukan Hal Ehwal Agama Islam bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM16,832,342.00 berbanding dengan 2009 RM23,982.00 dan meningkat lagi kepada 25. Jadi daripada situ maknanya bajet mengurus emolumen telah pun meningkat daripada RM4,310,925.00 tahun 2008 kepada RM9,649,990.00. Ini bermakna mahu atau tidak mahu bab emolumen ini dalam bajet *you* terpaksa tambah, sama ada ianya untuk tujuan Islam ke, bukan Islam ke ataupun jabatan, emolumen ini adalah sesuatu kemestian yang harus dilakukan. Begitu juga saya ingin mengambil perhatian khususnya kepada EXCO yang bertanggungjawab terhadap kesihatan, kerana di Seberang Jaya, saya rasa, kita ada Ahli Parlimen tolong bantu supaya kita tidak boleh lihat banyak kali, apabila saya membuat lawatan ke Hospital Seberang Jaya banyak pesakit-pesakit terpaksa duduk di koridor, katil tidak cukup, ruang dah tak ada dan sebagainya.

Kita harus memastikan bahawa Pulau Pinang juga harus berlaku bukan desakan supaya hospital-hospital harus diperbesarkan, kerana kita risau mengikut jumlah pesakit yang dilaporkan iaitu kita mempunyai pada Tahun 2005, kalau kita tengok pesakit kanser pada tahun 2005 hanya 2,030 orang, tetapi di Pulau Pinang kita lihat pesakit kanser telah meningkat kepada 3,407 orang, yang lebih risau kalau pesakit tibi ini kita buboh di Pulau Jerejak yang melibatkan 809 orang, tapi sekarang pesakit tibi telah meningkat kepada rakyat negeri ini berjumlah 1,093 orang dan begitu juga orang-orang yang gemuk seperti saya obesiti ini.

Apakah langkah-langkah yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri untuk melakukan sesuatu supaya jumlah pesakit diabetes kalau tahun 2005 adalah 22,408 orang, meningkat kepada tahun 2008 35,979. Kemudian meningkat pula 2009 4,9381 orang maknanya kempen kurangkan gula haruslah sama-sama kita sokong dan supaya apa nama ni orang-orang macam saya ni jangan kena diabetes.

Yang merisaukan berkenaan demam denggi, demam denggi pada 2008 2,323 orang, 2009 2,444 orang, kita tidak boleh biarkan. Perkara-perkara yang seperti ini berlaku ini bermakna *environment* yang bersih harus sentiasa ada Kerajaan tempatan terutamanya Ahli Y.B. Padang Kota banyak tumpuan supaya hal-hal berkenaan sampah sarap, longkang yang tidak diurus, air bertakung dalam longkang kerana tidak ikut *level* yang betul harus diberi peruntukan. Kita harus pastikan tangki-tangki air di atas-atas bumbung yang dah rosak, yang menakung air yang menjadikan tempat pembiakan nyamuk supaya diambil tindakan dan ditambahkan juga kawasan-kawasan hijau supaya ramai orang suka boleh pergi jogging, rekreasi dan sebagainya. JPS yang ada bajet dan membuat ban di tepi-tepi sungai, perindahkan kerana ada bajet untuk itu bagi *jogging track* yang cantik dan sebagainya ini akan menambahkan lagi kesihatan kepada penduduk setempat dan akhirnya banyak masalah-masalah berkenaan penyakit-penyakit yang saya sebutkan dapat dikurangkan.

Seperkara yang lain yang saya ingat ialah, ahli Y.B. Penanti pun biasa berada di Seberang Jaya lawan dengan saya untuk merebut jawatan ADUN Seberang Jaya dulu N10. Maka dia sudah tahu bahawa kedudukan pasar di Seberang Jaya itu teruk sangat kalau orang gemuk macam saya dengan bini saya pun gemuk, kami pergi, kami berlaga perut kalau ikut *investment* daripada Bank Bumi dia kata Bumiputera Commerce nak rumah lebih besar, sekarang ini saya tak minta rumah lebih besar saya minta pasar lebih besar tapi market yang ada kecil sangat tapi saya rasa amat sedih apabila Kerajaan ini lebih mementingkan populariti dengan memberikan jawapan kepada saya bahawa sehingga kini MPSP belum bercadang untuk menaiktarafkan pasar Seberang Jaya, memandangkan ia kini kos yang tinggi untuk melaksanakan projek berkenaan. Kalau tak nak berbesaran tapi ikan kena tambah takkan lah nak buat meja kecil makan depa tambah meja di luar saman pula si Ah Chong yang duk buat tu dan sama juga Pak Long yang berniaga kerana dia tambah lepas itu Kerajaan juga yang pro rakyat dia jawab pula memandangkan pasar berkenaan menerima sambutan yang menggalakkan dari pengunjung setiap pagi. Tindakan penguatkuasaan untuk mengawal keadaan dalam pasar bagi menjamin keselesaan orang ramai maknanya *you* menghukum penjual, *you* menghukum kami sebagai orang yang selalu pergi pasar itu sebab itulah kami kata keutamaan di dalam membelanjakan khazanah negara ini supaya harus kita lakukan secara berhemah supaya ada orang yang harus didahulukan dan sebagainya.

Begitu jugalah saya ingin mengetahui berkenaan bagaimanakah kawalan dibuat supaya pengurusan khazanah di dalam PUZ pada 2008 Timbalan ada tak? bukan no, iaitu pada 2008 PUZ berjaya mengutip RM38,27,108.00 tapi depa belanja RM45,62,321.00 maknanya duit yang dia orang *collect* dulu yang dikutip oleh Kerajaan terdahulu dia akan belanjakan dan menjadi kurang pada tahun 2009, wang dikutip adalah RM44,593.27, belanja berapa RM49,317.271, saya nak beritahu bahawasanya ini harus

dilakukan supaya lepas ini kita kawal sebab ada asnaf-asnaf tertentu yang harus didahulukan masalahnya yang sedang dihadapi sekarang ialah apabila kita melihat ada orang daif perlu diberikan bantuan kita hanya rujuk Jabatan Kebajikan seharusnya PUZ memainkan peranan boleh juga diadakan skim kita kata skim jaga orang tua-tua RM300.00 sebulan, mungkin PUZ boleh memberikan keutamaan sebab asnaf-asnaf, 8 asnaf yang ada mungkin 1 nak digugurkan harus sentiasa kita hormati dan patuhi begitulah juga saya ingin... (gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Seberang Jaya sudah lebih daripada setengah jam, lama lagi ke?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kalau dah lebih saya nak buat penggulungan. Jadi Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin cakap banyak lagilah tapi hari ini perkataan dah diberi 20 minit tu dia dah merosakkan sikit semua yang nak bercakap apa pun.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker sebagai penutup saya ingin mengambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat negeri ini tidak kira dari mana-mana kaum atau bangsa, fahaman, agama atau budaya yang berlainan supaya berani untuk bersama Kerajaan Barisan Nasional supaya perancangan untuk kesejahteraan rakyat dan masa depan semua keturunan di negeri ini akan menjadi lebih cerah kerana BN merupakan sebuah parti yang berpengalaman, bersedia berubah, sanggup bermuhasabah dengan kepimpinan oleh Ahli Menteri yang gigih lagi bermisi dan idea-idea yang inovasi.

Keberanian melakukan transformasi pentadbiran Kerajaan dengan meletakkan KPI dan NKRA mengutamakan pelaksanaan perjuangan untuk rakyat. Agenda keselamatan, membasmi kemiskinan, kecemerlangan pendidikan. Misi model ekonomi baru untuk kepentingan semua rakyat berbilang bangsa di negeri ini. Slogan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan marilah kita bersama Barisan Nasional kerana jika Barisan Nasional mampu berubah rakyat yang tersilap menyokong Pakatan Pembangkang sudah tentu bersedia untuk berhijrah menyokong Barisan Nasional hidup rakyat Malaysia, hidup rakyat Pulau Pinang, hidup Barisan Nasional. Saya mohon untuk menyokong, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin ):**

Minta laluan. Belum kempen lagi la, belum pilihan raya lagi.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Silakan Ahli Y.B. Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada TYT Tun kita kerana di bawah payung naungan Tun kita rakyat Pulau Pinang dan

pemerintahan Pakatan Rakyat telah menjadi semakin maju jika dibandingkan dengan apa Barisan Nasional memerintah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Perbezaan jelas kelihatan dan nyata sekali kerana pemerintahan Pakatan Rakyat telah pun berjaya mencatat lebih berjumlah 77 juta daripada deposit perbelanjaan tahun lepas. Sungguhpun Pulau Pinang dilanda krisis ekonomi global namun Negeri Pulau Pinang dapat juga mengharungi dengan risiko yang minimum dengan mengamalkan prinsip CAT yang ada Kerajaan juga telah pun berjaya memperoleh pengiktirafan daripada transparansi internasional.

Sebagai sebuah Kerajaan yang bersih kerana kesungguhan dan keikhlasan Kerajaan baru dalam pengurusan dan pentadbiran kewangan. Menurut piawaian antarabangsa adakah kejayaan ini adalah satu hasil usaha daripada pemerintahan Barisan Nasional dahulu? Semua ya,..(ketawa), Barisan Nasional. Ahli-ahli Yang Berhormat tak lama lagi RMKe-9 akan tamat dan akan disilih ganti dengan RMKe-10. Ini bermakna kebanyakan pembangunan dalam negeri kita telah pun sampai ke tahap yang memuaskan, tapi sedih sekali apa yang saya lihat pembangunan bukan tidak teratur dan mengikut jadual Pakatan Rakyat semakin hari semakin susah. Itulah sebabnya kenapa Barisan Nasional terpaksa di tukar oleh rakyat hari ini. Ini satu pengajaran kepada Kerajaan Barisan Nasional tak sedar lagi tentang kelemahan yang sedang dihadapi oleh mereka, mereka tak tahu bertaubat mereka tahu cakap serupa apa tak payah pakai wang dia mahu cakap apa dia cakap, cakap apa tanpa apa tanpa bukti yang kukuh.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Sila-sila.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pasal tu la tadi apabila saya sengaja nak cakap lebih kepada tentang kejayaan Barisan Nasional supaya ahli seperti Ahli Kawasan Jawi tak buat tuduhan sekarang ini nikmat yang kita hadapi sekarang ini kerana Kerajaan Barisan Nasional dahulu yang itu saja.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ) :**

Ahli-ahli Yang Berhormat, di SPS kita berasa hampa dan... (gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, bukan kepada semua Ahli.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Maaf Y.B. Tuan Timbalan Speaker, kita berasa hampa kerana kedudukan kita di SPS pembangunan yang tidak seimbang kita mungkin tidak

hiraukan sangat tapi masalah yang dihadapi oleh rakyat di sana dia kata apa berlonggok-longgok sedarkah Barisan Nasional. Kenapa SPS kita dianaktirikan sewaktu zaman pemerintahan. Adakah mereka berasa puas hati dengan pembangunan yang telah dibawa oleh pihak Barisan Nasional pada zaman pemerintahan mereka? Saya rasa pembangunan yang wujud di sana, itu pun pembangunan daripada swasta boleh dikatakan pembangunan perumahan tengok yang apa jalan di sana pun swasta pun buat bagi siap-siap apa lepas tu serah balik kepada Kerajaan. Itukah pembangunan yang telah dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu? boleh kata tangki *safety* yang ada di Taman Desa Jawi saya seperti apa yang Y.B. Batu Uban ceritakan tadi, masalah dia lebih kurang sama dia kongsi dia boleh keluar sebelum apa pembangunan itu siap. Adakah ini cara pentadbiran yang boleh memberikan apa faedah kepada rakyat kita. Saya rasa Y.B. Seberang Jaya kena simpan dia punya apa dia punya cerita tentang apa pembangunan BN dahulu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Universiti Sains tu kat mana? Saya lupa la. Universiti Sains Malaysia semua duk kat mana?....(ketawa).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Ini soalan yang tak sangkut paut ini apa cerita yang apa saya berasa sedih sekali kerana apa pembangunan yang dibawa oleh Barisan Nasional di kawasan Jawi saya boleh kata apa ada buat serupa tak da buat apa yang. Saya maksudkan macam ini sebab dia tanah tak mendap lagi dia punya bangunan sudah naik, pembangunan sudah siap tanah itu dah mendap balik, semua rosak balik jadi Barisan Nasional apa Barisan Nasional membazirkan wang rakyat dengan tanpa memikirkan jangka waktu panjang.

Saya amat sedih sekali kerana masalah yang dibawa oleh Barisan Nasional inilah kita kena tanggung untuk apa untuk pembangunan kemudahan rakyat kita padahal pembangunan untuk kebaikan rakyat tak dapat dibuat sebab wang yang kita diberikan oleh Kerajaan untuk kita sebenarnya bazir kerana kemudahan kerana pembangunan kemudahan rakyat kita saya harap Barisan Nasional akan faham apa masalah yang apa sebabnya rakyat tak mahu Barisan Nasional hari ini. Jangan lagi apa cakap ini semua hasil usaha mereka apa baru hari ini, ini apa kalau kita punya mukalah saya berani cakap menyentuh saya punya muka entah berapa tebal lah.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker minta penjelasan sedikit. Bukan Y.B. Jawi bukan letak jawatan hari itu dalam *paper* hari itu...(ketawa). Saya terlupa tentang....(gangguan), saya ingat kosong tadi.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Nanti-nanti. Tengok masalah di Nibong Tebal apa pasal rakyat sana membantah kutipan hasil letak kereta, memang satu masalah yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional selama 50 tahun Barisan Nasional memerintah pembangunan yang tidak seimbang itulah yang menyebabkan

rakyat terpaksa membantah kerana punca pendapatan rakyat di Nibong Tebal tak terjamin.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Minta penjelasan sikit. Yang *fly over* dekat simpang-simpang Nibong Tebal yang dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas tu siapa yang buat? Lupalah.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Minta laluan. Tadi Y.B. Jawi sebut bahawa SPS dianaktirikan jadi saya nak minta penjelasan adakah SPS dianaktirikan oleh Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional?

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Terima kasih kepada Y.B. Komtar. Memanglah ini satu masalah peninggalan daripada pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, kalau pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional adil, saya rasa kutipan *car park* di dalam kawasan saya sudah jalan lebih awal, kenapa ditangguhkan sehingga tujuh, lapan kali, tak jadi-jadi, mesti ada punca dia.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Y.B. daripada Jawi membangkitkan masalah tempat letak kereta, zaman kena tempat letak kereta ini zaman sekarang di bawah Pakatan Rakyat. Masa Barisan Nasional dulu tidak kena kerana wakil-wakil rakyat dia buat kerja, jadi wakil rakyat tidak buat kerjalah, bermakna kenalah, manakala dah orang nak kena *parking*, wakil rakyat pergi jumpa lawan, kalau depa tak bagi juga, kalau nak letak, letak le.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Ini soalan karut...(ketawa). Apalah saya tidur dalam rumah kah? Macam Sungai Dua boleh tidurlah

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Yang itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Nanti-nanti. Yang kena, dia boleh tidurlah, begitu kita punya Penaga pun serupa...(ketawa). Saya hendak teruskan penjelasan. Tengok saya hendak teruskan ucapan saya petang ini. Tengok Pekan Nibong Tebal ada yang tutup, ada kedai yang bankrap, tutup, tidak ada kedai yang baru dibuka. Itu sebab apa? Sebab pihak Kerajaan Barisan Nasional tak pernah rangsang atau tak pernah buat apa-apa tindakan untuk memperelok kedudukan dia. Boleh kata punca pendapatan rakyat di sana menjadi masalah kerana pasaran dia tak begitu aktif. Adakah kutipan *car park* di Nibong Tebal ini patut dijalankan?

Saya minta Yang Berhormat Padang Kota kita tolong timbangkan balik masalah ini. Dan masalah ini kalau kita kata tak serius memang serius. Kalau kita kata tak mahu laksana pun tak boleh fasal prinsip Kerajaan kita hendak bawa Negeri Pulau Pinang ke sebuah Negeri Antarabangsa ini satu masalah kepada saya. Saya minta ditangguhkan. Suka sama dia *you* cari sama dia. Dia tak ada dalam Dewan jangan cakap dia punya nama....(ketawa).

*Car park* ini bukan saya nak pertikaikan sangat kalau boleh kutip saya memang sangat bersetuju juga. Tapi memandangkan keadaan di sana masih lagi tak mengizinkan kita berbuat demikian. Kerana kemudahan asas yang ada dalam Pekan Nibong Tebal boleh kata sebuah perhentian bas pun tiada. Yang ada cuma ada *bus stop* sahaja. Macam mana kita nak bawa masuk orang luar masuk ke Pekan Nibong Tebal? Bagi merangsangkan Pekan Nibong Tebal saya minta Kerajaan kita ambil serius perkara ini kerana kita pun nak tumpang maju di bawah Kerajaan kita. Saya tak nak sentuh fasal *car park* ini terlalu panjang. Saya nak sentuh tentang pertanian pasal kawasan SPS punca pendapatan penduduk dalam SPS pertanian merupakan punca yang utama kepada kami. Jadi pembangunan pertanian saya rasa amatlah penting terutama sekali teknologi baru sepertimana yang telah Y.B. Sungai Bakap telah bagi soalan pun pertanian moden. Bilakah pertanian moden akan dapat dilaksanakan?

Ini satu soalan yang baik. Saya harap Y.B. EXCO Pertanian kita akan membawa lebih banyak lagi teknik baru dan teknik moden untuk dibangunkan di Jawi, fasal pertanian seperti dalam sawit, ladang kelapa sawit dan macam-macam kita sangat perlukan teknologi dan industri supaya diwujudkan oleh SPS terutama dalam Jawi kerana tanpa industri pertanian yang sama SPS tak boleh katakan dia maju pun tak boleh sampai ke tahap yang diharapkan.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang warga emas. Warga emas Kerajaan saya ucapkan banyak terima kasih pada Kerajaan kita kerana memberi penghargaan kepada kita secara ulung kalinya memberi penghargaan kepada warga emas dalam Negeri Pulau Pinang kita. Memang rancangan ini Kerajaan kita juga memikirkan nasib dan jasa warga emas kita. Tetapi sedih sekali Barisan Nasional satu sen pun tak beri. Barisan Nasional cakap serupa nak ucapkan takziah kepada orang warga emas kita. Apa yang saya sedih yang kita punya Ketua Pembangkang yang tahu minta duit ka tak minta duit ka dia tak dapat sendiri duit tu tak apa. Cuma dia tanya orang ramai cakap apa. *You* orang boleh dapat duit ka? Cakap dalam satu *paper* dia saya pernah baca dan cakap bukan saya nak tuduh sembarangan. Saya cakap tak ada apa mesti ikut *paper* Sinar Harian. Kalau nak, saya boleh tunjuk saya akan tunjuk saya ada simpan *paper* tu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tunjuk itu duit ka? Saya tunjuk ka?

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Dia tunjuk di majlis tak silap saya. Dekat SPU.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Esok ni tunjuk.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Dia cakap depan orang ramai. Siapa yang dapat duit? Siapa yang dapat wang RM100.00? Ini satu kalau tak percaya boleh tanya sama pemberita Cina juga. Saya rasa pemberita Cina boleh jawab juga. Sinar Harian boleh jawab juga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya minta laluan tadikan. Jadi saya bawa esok *paper cutting* itu jangan dok tunjuk minta, tanya surat khabar. Kerana saya ini berita tuduhan palsu. Jangan cakap palsu.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Kalau boleh sempat saya dapat cari.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Mesti dapat punya malam ini. Malam ini jangan tidur. Esok ini bawa.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Y.B. Ketua Pembangkang ini manusia ka atau apa? Ketua Pembangkang boleh tidur saya tak boleh tidur. Ini cara pemerintahan Barisan Nasional. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Bukan, Yang Berhormat letak jawatan sebelum Yang Berhormat letak jawatan itu bagilah *paper* itu, nanti kalau dah letak tak boleh tengok dah.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Yang Berhormat Jawi, sila buat penggulungan.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Saya jawab sikit sahaja. Saya letak jawatan tak letak jawatan pun tak sangkut paut dengan Ketua Pembangkang. Jangan jaga tepi kain oranglah..... (ketawa). Akhir sekali saya ucapkan terima kasihlah kepada bantuan Kerajaan Negeri kita telah pun membawa perubahan besar juga kepada SPS dan dapat saya rasa masalah, walaupun kutipan *car park* masalah kepada saya dan penduduk di sana. Dan memang ini satu hasil peninggalan daripada Kerajaan Barisan Nasional kita.

Kita nak salahkan Kerajaan Pakatan Rakyat pun tak boleh, tapi kita kena patut salahkan hasil peninggalan Kerajaan BN kita. Nak salahkan Pakatan Rakyat pun tak boleh. Tapi kalau kita nak salah kita kena patut salahkan pihak BN kerana BN memerintah 50 tahun SPS serupa hutan belantara melainkan Pekan Nibong Tebal. Bukan, masa dia tak sampai, kita kena ikut rentak, nantilah saya akan cuba. Janganlah Ketua Pembangkang sibuk, kalau nak sibuk, sibuk dengan keluarga sendiri. Itu sahaja, saya tidak mahu cerita panjang, saya harap pihak MPSP akan mempertimbangkan nasib rakyat yang ada di sana dan kalau boleh adakan pembangunan yang perlu seperti kemudahan pembangunan dan kemudahan asas kepada rakyat di Jawi. Terima kasih.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dipersilakan Y.B. Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):**

Y.B. Timbalan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat, salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih kepada Y.B. Timbalan Speaker kerana memberi peluang untuk memberi ucapan perbahasan pada petang ini. Majlis Sains Pulau Pinang yang telah ditubuhkan berhasrat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah pusat kecemerlangan sains dan melahirkan masyarakat yang inovatif dan dinamik, satu pertubuhan yang dikatakan amat sesuai pada masa ini kerana masa kini adalah zaman sains dan teknologi, selain daripada apa yang sedang dijalankan.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui Majlis Sains Pulau Pinang ini mendirikan sebuah pusat sains supaya dapat mempergiatkan promosi sains dan teknologi di Pulau Pinang. Peranan Pusat Sains ini adalah untuk mempamerkan teknologi baru produk inovasi dan menyediakan platform untuk golongan muda. Ia boleh menjadi sebuah pusat pameran pendidikan, pelancongan, pertunjukan dan produk promosi. Ini juga boleh menjadi satu tarikan yang baru untuk pelancongan. Idea pusat ini bukan baru, ia terdapat di negara maju seperti Singapura dan Hong Kong. Satu kandungan yang penting, pusat ini harus mencatatkan pembangunan-pembangunan kawasan industri semikonduktor di Bayan Lepas. Saya merayu Kerajaan menimbangkan cadangan ini.

Y.B. Tuan Speaker, pada masa sekarang tidak boleh dinafikan ekonomi Negara China telah berkembang dengan pantas dan satu faktor yang kita harus perhatikan ialah kerana sistem pengangkutan awam yang begitu makmur. Bandar tersebut telah mendirikan jalan raya, mengadakan *fast lane*, teksi bermeter dan monorel untuk melancarkan trafik di dalam pusat bandar. Perhubungan di antara bandar dengan bandar telah pun disambung dengan *aero train* yang laju ialah lebih kurang 300 - 400 kilometer sejam. Apa yang berlaku?

Sistem pengangkutan yang maju ini akan mengembangkan ekonomi bandar tersebut, mereka telah mendekatkan setempat dengan setempat, bandar dengan bandar untuk membesarkan pasaran tersebut. Ini membayangkan kemudahan seperti ini telah mengembangkan pasaran dua kali ganda. Oleh itu saya harap Kerajaan akan mempercepatkan induk pelan

*transportation* Pulau Pinang dan melaksanakan dengan secepat mungkin. Saya difahamkan bahawa tender untuk *independant consultant*,.....(dengan izin), akan dibuka pada bulan Mei. Saya harap juga Kerajaan boleh mencepatkan proses ini. Pada jangka masa pendek ini, masalah pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas harus di naik taraf. Terdapat banyak aduan terhadap perkhidmatan bas seperti tiada papan tanda sebagai petunjuk, perhentian bas yang rosak dan tidak digunakan tetapi didirikan dengan mewah, perjalanan bas yang tidak tentu, perhentian bas di KOMTAR masih tidak mengikut arahan, masa yang tidak tetap, pemandu bas yang tidak faham bahasa Inggeris. Ini akan menyusahkan pelancong-pelancong, pemandu bas tidak mempunyai sikap yang mesra dan sebagainya. Ini memang masalah teknikal tetapi saya percaya kalau perkhidmatan bas dapat dipertingkatkan akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, untuk menyelesaikan masalah-masalah yang saya bangkitkan, barulah kita boleh mempromosikan pengangkutan awam kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Bukan satu isu baru berkenaan masalah letak kereta di kawasan perumahan terutamanya bangunan bertingkat. Masalah letak kereta yang terlalu terhad dan mahal menyebabkan kesesakan jalan raya malahan saman polis sering menghantui penghuni atau kita yang menjadi wakil rakyat. Kita telah pun memasuki era hijau yang tidak pernah dialami dahulunya. Dengan adanya Kerajaan Pakatan Rakyat yang mengutamakan alam sekitar dan generasi akan datang, dasar-dasar *non-plastic bag day* dan *no polystyrenen* telah diadakan. Warga Pulau Pinang akan menjadi warga hijau yang pertama di negara ini di bawah Pakatan Rakyat.

Oleh yang demikian, saya juga menyarankan agar dasar pengangkutan awam perlu juga diadakan di Negeri Pulau Pinang. Mungkin kita belum bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan sistem monorel di dalam negeri ini, namun begitu kita harus membiasakan rakyat Pulau Pinang untuk menggunakan bas awam. Kita mahu warga Pulau Pinang membebaskan diri daripada bergantung kepada kereta persendirian untuk pergi ke mana-mana, dengan itu barulah kita dapat membebaskan rakyat di negeri ini dari dibelenggu masalah tempat letak kereta dan kesesakan jalan raya. Untuk mencapai matlamat ini negeri kita perlu menghubungi kawasan kediaman dengan kawasan lain, terutamanya sekali tempat bekerja seperti kawasan perindustrian dan kawasan perbankan dan kawasan perkhidmatan lain dengan perkhidmatan bas yang baik. Sehingga hari ini, kawasan-kawasan ini masih tidak dihubungi dengan sistem pengangkutan awam yang memudahkan rakyat. Oleh sebab itu saya mencadangkan Kerajaan Negeri ini mempertingkatkan usaha hijau dengan memasukkan pengangkutan awam ini.

Y.B. Tuan Speaker, isu menara pancaran telekomunikasi adalah isu dalam perbincangan yang berulang kali. Apakah garis panduan yang sedia ada, adakah mengikut garis panduan yang tertentu di Kementerian Pusat. Pelaksanaan yang diuruskan oleh PDC harus dikeluarkan kerana ini akan menjamin kualiti perkhidmatan operator telekomunikasi. Namun demikian, lokasi pemasangan antena harus diluluskan oleh PBT dan juga mengikut syarat-syarat tertentu. Projek yang dijalankan mesti mendapat permit pekerjaan dari PBT yang berkenaan.

Akan tetapi terdapat banyak projek pemasangan kabel atau antenna tidak mengikut peraturan. Kontraktor tersebut selalu menjalankan kerja mengikut sesuka hati. Apabila mendapat aduan orang ramai, kontraktor akan memberhentikan kerja selama satu atau dua hari, selepas itu mereka akan sambung kerja hingga habis. Oleh itu saya ingin mengambil perhatian PBT supaya menyiasat apa yang terjadi. Mengapa ada syarikat-syarikat atau kontraktor yang tidak mematuhi syarat dan tidak mengikut arahan PBT. Saya mencadangkan di sini supaya PBT harus mengambil tindakan yang keras supaya isu ini tidak akan menimbulkan masalah yang besar pada masa akan datang. Perbuatan ini telah menjejaskan imej pihak Kerajaan kerana disalahfahamkan oleh rakyat kerana langkah-langkah yang telah dijanjikan tidak dilaksanakan. Saya ingin mencadangkan kepada PBT supaya sesiapa yang tidak mematuhi peraturan permit tidak akan dikeluarkan kepada kontraktor atau operator tersebut di seluruh Pulau Pinang selama setahun sebagai denda.

Y.B. Tuan Speaker, saya telah menerima aduan mengenai Penang State Symphony Orchestra and Chorus ataupun PESSOC yang mana merupakan satu pertubuhan orkestra di Negeri Pulau Pinang dan menerima bantuan kewangan Kerajaan Negeri. Saya difahamkan bantuan sebanyak RM80,000.00 diterima oleh PESSOC dari Kerajaan Negeri pada tahun 2009. Adakah pihak Kerajaan Negeri atau pihak yang bertanggungjawab menerima laporan kewangan dan aktiviti dari PESSOC. Mereka pun mengupah konduktor dan pembantu pengurus yang menerima gaji tetap di dalam pertubuhan ini. Tetapi saya telah menerima aduan bahawa konduktor orkestra ini hanya bekerja mengikut konsert dan bukan sepenuh masa mengikut waktu bekerja berbanding dengan pertubuhan muzik peringkat negeri lain seperti Orkestra Hoiyet.

Negeri Pulau Pinang dan Penang State Symphony Band atau PESSBAND yang tidak menerima bantuan kewangan Kerajaan Negeri tetapi aktiviti yang dijalankan oleh PESSOC adalah kurang jika dibuat perbandingan. PESSBAND telah mengadakan 10 konsert pada tahun 2009, PESSOC hanya ada satu konsert sejak pengurusan baru mengambil alih kuasanya iaitu pada bulan Oktober 2009. Selain daripada itu, sejak PESSOC ditubuhkan pada tahun 1996, sidang orkestra kanak-kanak dan sidang orkestra remaja telah dijalankan setiap minggu untuk melantik ahli muzik untuk negeri yang akan menjadi ahli muzik untuk orkestra utama PESSOC di mana mereka akan mewakili Negeri Pulau Pinang ke mata dunia. Akan tetapi sidang ini telah diberhentikan oleh pengurusan baru dan tidak diketahui bila sidang ini akan dimulakan semula.

Saya ingin menarik perhatian betapa pentingnya sidang-sidang ini dalam melahirkan ahli muzik muda orkestra untuk negeri kita. Saya mencadangkan supaya sidang tersebut boleh diteruskan. Sebagai salah satu orkestra yang mewakili negeri, kualiti adalah sangat penting di mana ianya membawa nama baik Negeri Pulau Pinang ke era dunia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kualiti ahli-ahli PESSOC dapat dikekalkan. Saya difahamkan bahawa konduktor yang dipilih oleh Pengurus baru PESSOC juga memegang jawatan yang sama di orkestra lain.

Adakah Kerajaan Negeri membenarkan perkara ini berlaku sebagai kerja sambilan. Jika dibenarkan bolehkah Kerajaan Negeri memastikan tiada konflik kepentingan berlaku. Persoalan ini telah dibincangkan sesama golongan ahli muzik Pulau Pinang dan mereka tidak nampak harapan jika platform muzik ditutup kerana cara pemimpin dan polisi yang diamalkan sekarang. Keadaan monopoli akan timbul. Antara kerja penting yang dijalankan PESSOC untuk mengekalkan kualiti ahli-ahlinya dan melahirkan ahli muzik muda, kem latihan muzik tahunan pada penggal cuti panjang sekolah telah diadakan sejak PESSOC ditubuhkan. Kem ini membekalkan peluang dan pentas kepada semua pemain orkestra dari seluruh negara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka, tetapi kem ini telah dibatalkan pada tahun 2009. Walaupun peruntukan Kerajaan Negeri telah dibekalkan, apakah sebab kem ini dibatalkan? Saya harap Kerajaan Negeri dapat menyediakan platform yang adil dan terbuka untuk anak Pulau Pinang supaya sektor muzik dapat diperkuat, diperkembangkan dan dikekalkan. Saya minta disiasat perkara tersebut.

Y.B. Tuan Speaker, saya memberi sokongan penuh kepada usaha Kerajaan Negeri yang bercita-cita untuk menanam 300,000 pokok setahun di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang yang dikenali sebagai *Pearl of Orient*,.....(dengan izin), harus mengekalkan ciri-ciri dan keindahan pulau dari segi kehijauan dan di mana pokok-pokok boleh dilihat tumbuh dengan subur dan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Tuan Speaker, kalau bolehlah, kita memang menggalakkan penanaman pokok dan kalau boleh kita mesti mencari spesies yang bagus untuk ditanam. Tak mahu berlaku macam MPSP, mereka tanam pokok Akasia, habis daun-daun dia atau bunga dia yang warna kuning jatuh, semua *viper* orang di Seberang Jaya rosak. Jadi kalau nak tanam pokok biarlah pokok yang ada *green*, yang hijau, jangan guna pokok-pokok yang merapu. Nanti susah dan kos untuk pembersihan kawasan begitu tinggi.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya yang telah menambah fakta atas isu ini. Y.B. Tuan Speaker, bagaimanapun pada masa usaha menanam pokok diteruskan di seluruh negeri, saya memohon Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perhutanan Negeri dan jabatan-jabatan yang berkenaan dapat mengambil tindakan proaktif dalam memelihara pokok. Dalam beberapa bulan ini kita telah melihat beberapa kes di mana pokok-pokok tumbang dan menimpa mangsa dan menimpa rumah hingga ada yang meninggal dunia dan cedera parah dan mengakibatkan kerosakan harta benda. Pokok-pokok bukan tumbang kerana ditiup angin kencang tetapi kira cuaca ketika itu amat baik. Oleh demikian saya memohon supaya jabatan-jabatan bertanggungjawab harus mengadakan siasatan terperinci. Kita perlu mengetahui punca tragedi hingga ke punca akar umbi iaitu *root cause*. Tindakan pencegahan harus dirancang dan diambil.

Y.B. Tuan Speaker, kita perlu membuang sikap dengan menganggap tragedi yang berlaku tersebut adalah kejadian yang tidak dapat diduga. Oleh itu saya menyarankan ketika lebih banyak pokok ditanam, kita harus mewujudkan pemantauan, penjagaan atau penyelenggaraan ke atas pokok-pokok dengan kaedah lebih bersistem. Jabatan-jabatan berkenaan harus memperbaiki penyeliaan dalam tugas tersebut malahan menambah kakitangan jika tenaga pekerja untuk tugas tersebut tidak cukup. Y.B. Tuan Speaker, satu lagi aduan yang saya ingin sentuh di sini, iaitu papan iklan, isu papan iklan. Saya membangkitkan satu soalan bertulis kepada Y.B. Ahli Padang Kota mengenai isu papan iklan ini.

Y.B. Tuan Speaker, di mana-mana pelosok di Pulau Pinang kita boleh melihat papan iklan didirikan dengan begitu banyak. Dari segi mendatangkan hasil untuk Pihak Berkuasa Tempatan, ini memang satu yang menggalakkan, tetapi apa yang merisaukan saya ialah tentang penyelenggaraan atau *maintenance* ...(dengan izin), ke atas papan iklan yang kurang memuaskan. Y.B. Tuan Speaker, papan iklan di Pulau Pinang amat banyak, tetapi *maintenance* ke atas papan iklan kurang memuaskan, terdapat papan kekotoran, merbahaya, menghalang jalan dan tulisan dan gambar atas papan pudar. Walau bagaimanapun pendapat dari papan iklan amat banyak.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, gambar-gambar seksi itu okey ke? Gambar-gambar yang seksi pada papan-papan iklan itu okey ke?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):**

Itu telah dijawab pada sesi yang lalu, dan Y.B. Ahli Padang Kota telah pun menjawab hendak potong.

Y.B. Tuan Speaker, dalam soalan bertulis saya, saya telah membangkitkan isu mengenai hasil ataupun pendapatan yang dapat dikutip daripada papan iklan ini. Y.B. Ahli daripada Kawasan Padang Kota telah memberi jawapan bahawa terdapat 26 tempat yang sah dan membayar lesen sebanyak RM52,096.00 setahun sahaja. Apakah yang sudah jadi kepada papan iklan yang lain, yang kami nampak jumlah papan iklan adalah lebih daripada itu di tepi jalan. Oleh itu berapakah papan iklan yang didirikan secara haram atau tidak berlesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang, mengapa Pihak Berkuasa Tempatan tidak mengambil tindakan ke atas papan iklan yang haram tersebut. Berapakah kutipan hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri melalui agensi seperti PDC atau PBT, berapakah kutipan tersebut mengikut kadar pasaran jika di konsesi kepada syarikat swasta, berapakah anggaran jika kesemua papan iklan mempunyai permit dan lesen dibayar.

Y.B. Tuan Speaker, yang akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas mendapat sokongan yang baik daripada golongan rakyat dalam bidang alam sekitar. Kejayaan ini diakui oleh seluruh negara dan pihak rakyat supaya meneruskan usaha lagi dalam program ... (dengan izin), *every men friendly*. Saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri harus bermula dan berusaha dalam kempen *paperless* ...(dengan izin), kempen mengurangkan penggunaan kertas.

Pada masa dahulu kertas diguna kerana ianya menandakan zaman yang berbudi bahasa, tetapi pada zaman sekarang sebagai zaman yang berbudi bahasa harus mengambil satu langkah hadapan supaya mengurangkan penggunaan kertas. Kita boleh menggunakan sistem elektronik media untuk menguruskan dokumen-dokumen seperti e-mel. Saya harap cadangan ini dapat dipertimbangkan dan dilaksanakan sebagai satu galakan kepada rakyat bermula dari Jabatan Kerajaan dan Dewan ini. Sekian terima kasih, saya memohon menyokong.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dewan ditangguhkan sekarang, dan akan disambung semula pada pukul 8.00 malam ini. Sila ambil perhatian, makanan ada disediakan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***

***Dewan mula bersidang pada jam 8.00 malam***

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dewan bersidang semula, dipersilakan Ahli Kawasan Paya Terubong.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):**

Yang Berhormat Timbalan Speaker, terima kasih diberi peluang mengambil bahagian perbahasan kali ini. Yang Berhormat Timbalan Speaker baru-baru ini adakah kita semua masih ingat dunia mengadakan kempen tutup lampu *earth hour* adakah anda semua rasa pelik apa pula kaitan tutup lampu ini dengan keadaan dunia sekarang lagi satu apakah manfaatnya tutup lampu? Adakah anda tahu lampu yang kita selalu guna sekarang adalah lampu mentol, lampu pijar, dan juga lampu kalimantang. Tahukah anda bahawa kedua-dua ini beroperasi secara pemanasan dan turut mengeluarkan gas-gas merbahaya seperti halogen, merkuri dan karbon dioksida. Jadi menyedari hakikatnya yang berlaku sekarang ini, Negara Australia telah pun mengharamkan penggunaan lampu pijar dan kalimantang.

Menjelang tahun 2010 negara di Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand telah memandatorikan penukaran semua lampu mentol berfilamen dan kalimantang konvensional kepada satu lampu alternatif. Lampu alternatif yang dimaksudkan di sini adalah lampu berasaskan teknologi pemancar cahaya atau LED diizinkan. Lampu LED mengeluarkan haba yang sangat rendah. Ia sekali gus mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke alam sekitar.

Penggunaannya boleh mengurangkan kadar pemanasan dunia sebanyak 50% sepanjang masa. Lampu kalimantang biasa menggunakan *starter* sebaliknya lampu kalimantang yang menggunakan teknologi LED tidak memerlukannya. Lebih menarik lagi tentang lampu LED adalah LED mempunyai jangka hayat yang lebih panjang mampu mengurangkan kos penggunaan sebagai contoh lampu kalimantang konvensional yang biasa kita

gunakan di rumah memerlukan 40 watt tenaga sedangkan lampu LED hanya mengeluarkan 20 watt. Ini kerana LED menggunakan tenaga elektrik yang rendah yang dapat memanjangkan jangka hayatnya. Cara ringkas lampu biasa perlu ditukar setiap 15 bulan manakala lampu LED boleh digunakan sehingga 10 tahun berasaskan penggunaan selama 10 jam sehari.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, penggunaan lampu pijar mesti dihentikan mulai sekarang dalam usaha Kerajaan menjimatkan penggunaan tenaga di samping mengurangkan bahan karbon. Di Negara Singapura, China dengan pelaksanaan menghentikan lampu pijar sebaliknya lampu LED. Penggunaan tenaga elektrik berkenaan dapat diijimatkan sebanyak RM100 juta setahun dan penghasilan karbon sebanyak 40%, lampu jalan yang kita pakai sekarang di Malaysia dan di Pulau Pinang bukan saja tidak dapat jimatkan tenaga tetapi juga tidak begitu terang jika waktu malam jika dibandingkan lampu jalan LED. Semasa saya melancong di negara China saya nampak lampu jalan di negara China yang menggunakan lampu LED adalah begitu terang dan saya percaya bahawa dengan lampu jalan LED yang lebih terang dan tidak begitu senang rosak dapat mengurangkan kes jenayah dan juga kes kemalangan jalan raya.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya di sini ingin menyerukan supaya penggantian lampu LED tersebut dapat dilakukan secara giat oleh Kerajaan Negeri secara berperingkat-peringkat selama tempoh 3 tahun dari sekarang. Kami berharap mulai tahun 2014 di seluruh Negeri Pulau Pinang dapat menggunakan lampu jalan LED.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya amat kagum dengan kempen *no plastic bags* yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri. Kempen ini memang telah dapat kepujian dan juga banyak kerjasama di kalangan rakyat. Selain dari plastik saya juga berharap Kerajaan Negeri akan kempen melarang polistirena secara berperingkat-peringkat.

Menurut rekod persatuan perkilangan plastik mengatakan 1.8 juta tan metrik pelbagai jenis plastik digunakan di Malaysia pada tahun 2008 sementara 1,800 tan metrik polistirena digunakan pada tahun 2007 dan menurun kepada 1,600 tan metrik pada tahun 2008. Persatuan Pencinta Alam juga berharap penggunaan polistirena sebagai bekas makanan dapat dikawal. Kita boleh gantikannya dengan plastik *Tupperware*. Penggunaan bekas makanan yang diperbuat daripada polistirena di Malaysia, adalah di tahap membimbangkan dan perlu dikawal dengan lebih tegas menerusi peraturan yang kekal, walaupun pelbagai langkah kesedaran yang di ambil oleh Kerajaan dan bukan badan-badan Kerajaan NGO namun penggunaan masih meluas dan membimbangkan. Jika kita tidak mahu persekitaran kita dicemari oleh plastik dan polistirena seharusnya Kerajaan perlu memperkenalkan dasar-dasar yang menarik ataupun yang mengawal bekas-bekas polistirena atau plastik secara berperingkat. Bagaimanapun tidak dinafikan untuk mengawal penggunaan polistirena dengan berkesan memerlukan masa kerana banyak pihak terlibat dalam industri polistirena dan sebarang tindakan drastik boleh menjejaskan pendapatan mereka.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Dato' Dr. Mohd Osman pernah berkata jika Kerajaan tegas untuk menghadkan pengeluaran polistirena dengan menggantikannya dengan bahan alternatif ini akan boleh memberi kesedaran kepada orang ramai. Sebelum ada satu akta yang betul-betul melarang penggunaan polistirena, saya mencadangkan Kerajaan Negeri boleh melancarkan dasar-dasar yang menghadkan penggunaan polistirena sebaliknya menggalakkan bahan alternatif seperti bekas yang diperbuat daripada ubi kayu atau kelapa sawit, bagaimanapun lebih tinggi daripada bekas polistirena.

Walaupun bekas alternatif lebih mahal kita boleh menggunakan bahan atau bekas alternatif secara berperingkat lama kelamaan kita akan biasa menggunakannya, saya memang mempersetujui dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri iaitu melarang penggunaan bekas makanan polistirena di kompleks atau tapak penjaja MPPP atau MPSP ini merupakan satu langkah permulaan yang positif. Saya di sini juga menyeru Kerajaan agar boleh membentuk satu dana kepada NGO untuk mengadakan kempen kesedaran di kawasan biasa yang dikunjungi oleh masyarakat awam dan di sekolah. Saya di sini juga ingin menyeru Kerajaan Negeri dapat tegas dalam langkah melarang penggunaan bekas polistirena.

Pihak *Mc Donald* telah mengambil langkah yang baik di mana tidak akan menggunakan bekas polistirena, saya mencadangkan pihak PBT juga boleh memberi inisiatif seperti diskaun pada bayaran lesen atau pengecualian bayaran lesen kepada penjaja-penjaja yang tidak menggunakan bekas makanan polistirena. Sememangnya Tuhan menjadikan alam ini sebagai kemudahan dan keperluan bagi hamba-Nya segala kemudahan dan ciptaan Tuhan sama ada di langit mahupun di bumi merupakan nikmat Tuhan kepada hamba-Nya. Dan dalam masa manusia diamanahkan untuk menjadi khalifah untuk memikul tanggungjawab mengurus dan mengatur alam ini dengan baik.

Di samping menggunakan pakai segala kemudahan tersebut untuk urusan keperluan hidup dengan faedah yang baik dengan erti kata kita tidak melanggar batasan-batasan yang telah digariskan oleh Tuhan terutamanya oleh Tuhan yang memerintah agar manusia agar sentiasa jaga dan memanfaatkannya tanpa melakukan sebarang kerosakan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, selain Kerajaan dan juga NGO, pengguna sendiri juga harus memainkan peranan dalam mengawal penggunaan polistirena. Pengguna harus menyedari tanggungjawab mereka dalam usaha mengurangkan penggunaan polistirena terutama sekali dalam bekas makanan. Adalah kita sebagai individu memainkan peranan sendiri, 3 sikap yang harus diamalkan adalah menggunakan semula barang-barang yang boleh digunakan semula iaitu *re-use* .....(dengan izin), menggunakan barang-barang yang dibuat daripada barang-barang yang diproses semula *recycle* dan mengurangkan penggunaan barang-barang yang tidak diperlukan *reduce*. Sikap-sikap 3R ini dapat mengurangkan pencemaran pada alam sekitar, tidak lupa sikap kesedaran pada diri sendiri harus ada untuk mengelak daripada dunia terus di cemar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker saya di sini ingin mencadangkan Kerajaan Negeri menugaskan Jawatankuasa MMK, Jawatankuasa Kerajaan Tempatan untuk menyediakan satu strategi pemuliharaan dan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Strategi ini perlu memfokuskan kepada penggunaan tanah secara wajar sebagai kunci asas terhadap pemuliharaan terhadap Negeri Pulau Pinang memandangkan tanah adalah terhad di Negeri Pulau Pinang. Strategi ini ditubuhkan sebagai kawasan perlindungan juga memperbaiki pengurusan sumber-sumber kepada kawasan-kawasan. Pengarah projek WWF Malaysia Dr. Junaidi pernah berkata pemuliharaan dan pembangunan sering bergantung antara satu dengan lain.

Untuk menyokong keperluan jangka panjang semua sektor di Negeri Pulau Pinang strategi pemuliharaan dan pembangunan untuk Negeri Pulau Pinang perlu berlandaskan kepada peruntukan yang teliti daripada sumber utama alam semula jadi iaitu tanah. Justeru itu strategi ini mencadangkan beberapa peraturan dan tindakan perlu diadakan dalam aspek-aspek penggunaan tanah, hasil tanah, pengurusan pelbagai cara kawasan tadahan air, komuniti hutan, kerosakan hutan, pembalakan haram, penanaman semula ekologi kepelbagaian tafsiran kesan alam sekitar pembangunan pantai dan lain-lain. Kawasan-kawasan habitat semula jadi dan sensitif kepada perubahan perlulah dikenal pasti dan dijadikan sebagai kawasan perlindungan atau kawasan simpanan.

Y.B. Timbalan Speaker, sampai hari Pulau Pinang hanya menjalin hubungan *sister city* ...(dengan izin), dengan tiga bandar raya sahaja iaitu Medan, Xiamen dan Adelaide demi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Raya Antarabangsa saya mencadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mengujudkan lebih banyak hubungan *sister city* dengan lebih banyak Bandar Raya Antarabangsa seperti Shanghai, Guangzhou, Abu Dhabi yang semakin membangkit dengan kewujudan hubungan *sister city* dengan lebih banyak Bandar Antarabangsa bukan sahaja dapat meningkatkan taraf Pulau Pinang saya juga percaya dapat mewujudkan lebih banyak peluang *trading* pengawal pelancongan dan juga pendidikan untuk Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Speaker, selama ini saya percaya bahawa ramai ADUN-ADUN di sini banyak menerima aduan daripada kalangan rakyat mengenai lampu jalan yang tidak berfungsi, jalan yang banyak pokok, ada aduan ini yang merunsingkan ADUN-ADUN kerana apabila rakyat mendapati lampu jalan yang tidak berfungsi atau pokok rakyat akan melemparkan kemarahan mereka kepada ADUN-ADUN, oleh itu saya berharap pihak MPP, MPSP, pihak JKR dan TNB mestilah sentiasa menghantar *technician* mereka untuk membuat rondaan seperti di Singapura saya diberitahu bahawa *technician public authority* ...(dengan izin), mengenai jalan, mengenai lampu semua ini selalu membuat rondaan 24 jam di merata tempat, kesemua kerosakan lampu jalan ataupun hal ini patut diselesaikan dengan segera *technician-technician* daripada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, terima kasih Y.B. Paya Terubong, memang hal ini juga saya juga ingin bahaskan semasa saya membuat perbahasan saya tadi tetapi memandangkan tidak cukup masa saya terpaksa meninggalkan isu tersebut,

saya memang bersetuju dengan Y.B. Paya Terubong kerana di kawasan saya seperti Taman Tun Sardon di mana kita melihat secara umumnya kebersihan kawasan itu memang tidak diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berwajib terutamanya daripada bahagian perumahan yang mengutip kutipan bayaran daripada pihak-pihak yang menduduki kawasan tersebut. Selain daripada itu kita melihat bahawa kadangkala isu-isu seperti *port walk* menurun balik jalan raya, ada juga lampu-lampu jalan raya tidak diberi perhatian dan saya rasa agensi ataupun Kerajaan ataupun badan yang patut kita tegur bukannya sahaja Pihak Berkuasa Tempatan tetapi juga pihak juga Pihak Berkuasa Persekutuan banyak kejadian ini tidak berfungsi di *Rifle Range Flat* ...(dengan izin), di kawasan Taman Tun Sardon yang telah terbiar dengan sampah sarap semuanya berpunca daripada agensi Kerajaan Persekutuan, JKR dan juga bahagian perumahan yang saya rasa harus diberi tekanan ataupun saranan supaya melaksanakan tanggungjawab mereka, terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Seri Delima, memang kesemua kerosakan lampu jalan, kerosakan jalan semua ini patut diselesaikan oleh agensi-agensi dan bukan sampailah biarkan rakyat mengadu kepada ADUN-ADUN.

Y.B. Timbalan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ini menyentuh sedikit mengenai sebanyak mengenai kamera CCTV di KADUN Paya Terubong. Daripada jawapan soalan tulisan saya yang mendapati daripada persidangan lalu November tahun lepas, saya diberitahu terdapatnya 12 lokasi telah dikenal pasti di Paya Terubong, Bandar Baru Farlim dan juga Relau untuk memasang CCTV. Saya memang memahami bahawa kerja-kerja pemasangan kamera CCTV ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan PBT dan juga bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat. Namun memandangkan KADUN Paya Terubong merupakan satu tempat di mana populasi adalah paling tinggi Negeri Pulau Pinang, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi sedikit keutamaan kepada KADUN Paya Terubong ini supaya kamera CCTV ini dapat dipasangkan di beberapa tempat seperti kawasan komersial di mana terdapatnya institusi bank.

Y.B. Timbalan Speaker, akhirnya saya berdoa mudah-mudahan segala usaha kita bersama pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat turut berusaha untuk kebaikan rakyat akan diberkati oleh Tuhan. Setakat inilah sahaja ucapan saya, sekali lagi terima kasih kepada Y.B. Timbalan Speaker, saya dengan ini menyokong usul, terima kasih.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dipersilakan Ahli Yang Berhormat Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab):**

*Bismillahhirahmanirahim      Assalamualaikum      Warahmatullah Wabarokatuh* dan salam sejahtera. Y.B. Tuan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri, Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Ketua Pembangkang, Y.B. EXCO-EXCO Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Y. Bhg. Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai, wakil-wakil Media, Tuan-tuan, Puan-puan yang dihormati.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Timbalan Speaker yang memberi laluan kepada saya untuk bangun dan turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan usul terima kasih ke atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Dr. Hj. Abdul Rahman bin Abbas semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedua Belas pada 3 Mei 2010. Saya amat tertarik dan bersyukur Kerajaan Negeri memberi perhatian terhadap pembangunan rumah kerana rumah merupakan satu keperluan. Rakyat yang berpendapatan rendah sangat-sangat mengharapkan mendapat rumah dengan harga yang mampu dimiliki agar mereka juga dapat menikmati tempat kediaman yang selesa.

Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri memberi perhatian serius kepada perkara ini kerana pada mesyuarat yang lepas saya difahamkan Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang permohonan kebenaran merancang daripada mana-mana syarikat atau swasta untuk projek perumahan kos rendah terutama kawasan saya iaitu di DUN Bertam yang di mana penduduk-penduduk di kawasan itu sangat memerlukan, jadi saya berharap ini dapat perhatianlah.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, jika Kerajaan Negeri boleh membantu penduduk miskin tegar dengan pelbagai bantuan untuk memastikan mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan yang membelenggu kehidupan mereka selama ini, penduduk miskin dan yang hampir miskin juga atau berpendapatan rendah juga wajar dibantu sebagai segi pemilikan rumah. Saya yakin masih ramai yang mampu memiliki rumah kos rendah dan Kerajaan Negeri wajar membantu golongan seperti ini. Mereka juga memerlukan pembelaan sama seperti penduduk miskin tegar. Dengan pendapatan kecil, mereka juga mahu memiliki rumah sendiri seperti orang lain. Jadi untuk membolehkan impian mereka tercapai diharapkan ini dapat perhatian yang tegas yang baik daripada Kerajaan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, menyentuh tentang projek Internet percuma yang pernah dilaung-laungkan mengikut perancangan dalam beberapa tahun sahaja seluruh negeri akan mendapat liputan internet percuma. Nampaknya ini hanyalah dapat dinikmati oleh penduduk di bandar sahaja, manakala di kawasan luar bandar belum lagi. Oleh itu diharap ini juga dapat memberi kepada penduduk-penduduk di luar bandar juga. Begitu juga dengan projek Wimax, iaitu Internet berbayar untuk penduduk Pulau Pinang. Sebelum ini kita sering mendengar pemimpin Kerajaan Negeri sering menyebut Pulau Pinang adalah negeri yang pertama yang memperkenalkan Wi-fi, Wimax namun ianya telah pun digunakan oleh di negeri-negeri dan Pulau Pinang bukanlah negeri yang pertama ya, seperti Kedah, Perak dan Lembah Klang. Wimax telah bertapak di Negara ini beberapa tahun lalu dan di Pulau Pinang hanya menjadi sebahagian daripada pengguna kemudahan ini. Dan bukanlah negeri pertama seperti yang saya sebutkan tadi.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, menyentuh berkenaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengamalkan dasar berjimat cermat berjaya mencatat lebih bajet sehingga menjangkau RM14.57 juta pada tahun lalu. Langkah ini memanglah baik, namun sebagai pelanggan kita perlu juga jaga, saya juga sering mendapat rungutan daripada penduduk-penduduk terutama di

taman perumahan yang mengatakan kawasan mereka kurang bersih, sampah-sampah tidak dipungut, jalan-jalan yang berlubang dan berlopak itu juga perlu diselenggarakan begitu juga dengan rumput dan lalang yang tidak dipotong menyebabkan longkang tersumbat, harap ini semua dapat memberi perhatian juga. Bila longkang tersumbat dan sebagainya air tidak boleh jalan jadi kadang-kadang menyebabkan air melimpah dan akan berlaku banjir.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ahli Kawasan Bertam, setujukah kalau saya kata kalau tidak kerana keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional yang lalu membina bangunan MPSP yang berjumlah RM83 juta jadi sekarang ini MPSP terpaksa sewa bangunan-bangunan lain, jadi mungkin kerana belanja RM300,000 sebulan, kerana bangunan itu sudah begitu lama kira kita dapat jimatlah hampir RM30 hingga RM40 juta, jadi kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dahulu, tolong buat bangunan untuk MPSP....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya minta supaya Ahli dari Seri Delima tarik balik, dia kata masuk poket mereka, masuk poket siapa, masuk poket siapa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tidak kata masuk poket Yang Berhormat, Yang Berhormat kena tahulah masuk poket siapa, Yang Berhormat kena tahulah soalan saya....(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Bertam sila teruskan.

**Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab):**

Beri peluang kepada saya untuk bercakap jangan ganggu ya, Y.B. dari Seri Delima, jangan ganggu ya. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin memohon agar Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian kepada pembangunan di kawasan DUN Bertam iaitu kawasan saya, khususnya dan Kepala Batas amnya. Saya dapati kesesakan dalam pekan Kepala Batas terus berlaku dan tiada tindakan untuk mengatasinya. Soalan yang saya telah kemukakan telah diberi jawapan bertulis dalam persidangan yang lalu saya dimaklumkan bahawa masalah itu akan dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengadakan kajian dan perancangan. Sungguhpun begitu saya meminta agar MPSP yang mempunyai pelbagai kepakaran dapat membantu mengambil langkah tertentu untuk menyelesaikan masalah ini. Saya tahu MPSP mampu menjalankan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, menyentuh berkenaan dengan belia, nampaknya keadaan belia dan remaja kita masih terumbang ambing kerana kurangnya aktiviti atau program yang sesuai untuk mereka. Walaupun beberapa program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti kem motivasi remaja, kem rekreasi, klinik pinball, program motivasi kecemerlangan

dan perkhemahan belia dan berbagai-bagai lagi tidak mampu membentuk semangat juang dan jati diri remaja yang lebih cemerlang.

Oleh itu saya berharap susunlah program yang lebih komprehensif untuk memastikan remaja yang menyertai sesuatu program itu mampu berubah atau menampakkan perubahan selepas pulang daripada mengikuti kerana belia atau remaja adalah golongan pelapis yang akan menjadi waris negara pada masa akan datang.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya tidaklah berhajat untuk bercakap lebih panjang dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dan juga terima kasih kepada semua pegawai Kerajaan yang banyak membantu melicinkan urusan dan kerja saya selama ini sebagai wakil rakyat. Terima kasih daun keladi, Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya memohon menyokong, sekian. *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamuaalaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.*

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Sebelum Ahli Kawasan Bertam berhenti ucapan dia, saya nampak Ahli Kawasan Tanjung Bungah sudah berdiri dulu, saya persilakan Ahli Kawasan Tanjung Bungah.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih. Tadi saya bagi laluan kepada wanita dulu. Terima kasih.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Tetapi sebelum Y.B. Bertam berhenti ucapan dia, saya nampak Ahli Kawasan Tanjong Bunga sudah berdiri dahulu. So, dipersilakan Ahli Kawasan Tanjong Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan terima kasih Y.B. Sungai Acheh. Salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya berbahas dalam ucapan TYT hari ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya fikir kita masih ada banyak perkara yang kita tak nak. Di sini saya nak ucapkan tahniah kerana EXCO kita telah buat satu rancangan yang hebat tentang menjadikan negeri kita sebuah Negeri Hijau, dan beberapa program telah diadakan. Antaranya adalah tak nak Merokok, nak jadikan *Penang* satu *smoke free*. Satu lagi tak nak yang diadakan ialah tak nak beg plastik, *No Plastic Days, Monday, Wednesday* and 3 hari seminggu. Memang satu lagi tak nak, tak baik untuk pemandu iaitu tak nak alkohol, supaya pemandu boleh pandu dengan cermat dan jiwa selamat. Dan satu lagi saya fikir ialah tak nak Telco yang haram. Saya minta juga satu minimum jarak lebih kurang 100 meter dari kediaman demi kesihatan awam ditinjau sekali lagi. Memang satu dari segi nasihat oleh seorang *lecturer* USM katanya, satu komen yang diberinya, *we don't know what we don't know*, maksudnya kalau kita tak tau apa yang kita tak tau, kita harus memberi satu siasatan atau kajian yang lebih lanjut supaya satu langkah *precautionary*

*prevention* ....(dengan izin), diambilkan dan kepentingan kesihatan orang ramai

diutamakan. Satu lagi tak nak saya fikir boleh menjadikan Penang sebuah Negeri Hijau adalah tak nak makan daging. Mungkin satu *No Meat Day* boleh diadakan supaya satu masyarakat yang lebih sihat boleh dipupuk. Dan dengan adanya *Go Veg* maksudnya kalau tak ada *meat* ...(dengan izin), maka itu adalah satu cara yang sudah dibuktikan oleh melawan *Global Warming*.

Y.B. Tuan Speaker, saya fikir ada satu lagi tak nak, iaitu tak nak ISA. Itu adalah satu Akta yang kejam yang mesti dibubarkan. Pelancaran *Speaker Square* ...(dengan izin), atau Dataran Pidato pada pagi ini 4 Mei 2010, adalah satu cara lagi pendemokrasian baru dijayakan Pakatan Rakyat dalam arus perubahan semenjak 8 Mac 2008.

Y.B. Tuan Speaker, campur tangan dalam kebebasan media memang menyekat suara rakyat dan juga pandangan rakyat daripada diperhatikan. Misalnya, dalam kes rancangan dokumentari oleh Chow Xi Lan, penerbit TV2 baru-baru ini. Oleh kerana tindakan sebegini Malaysia terjatuh dalam kategori *not free*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga, saya tertarik dengan ucapan tadi berkenaan dengan kebebasan media. Memang saya setuju ada pihak-pihak tertentu cuba mengawal siaran-siaran televisyen. Kita lihat baru-baru ini seperti katak-katak yang telah lompat daripada PR. Masa di PR dahulu tidak dijemput, selepas lompat, kita tahulah siapa katak-katak tersebut. Ahli Parlimen Bayan Baru minta maaf Fairus dan Zahrain telah diberi, mereka telah diberi peluang *prime time* televisyen 8.30, pukul 10.00 dia orang bagilah hentam kata PR itulah, PR ini, PR tak betul tapi masa mereka dalam Pakatan Rakyat dulu, 5 minit nak tunjuk muka pun depa tak bagi. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa TV3 lah, tak payah kita sorok-sorok kita tahun TV3, agenda tertentulah menyiarkan siaran-siaran yang memang masa pilihan raya pun Barisan Nasional bagi nasi, bagi gula, semua bagi, semua keluar dalam televisyen. Tetapi kalau kita buat sesuatu benda masa bukan pilihan raya pun memang tak disiarkan. Jadi saya setuju, saya setuju dengan sepenuhnya. Memang kebebasan media ini harus diperkuatkan lagi. Kita perlu berjuang kebebasan media. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih sokongan Yang Berhormat, memang Malaysia terjatuh dalam kategori *Not Free* oleh *Freedom Home*, *Freedom House* sorry. Memang kebebasan media harus diperkuatkan dengan adanya FOI Act iaitu Akta Kebebasan Maklumat. Walaupun enakmen....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Saya pun agak hairan Y.B. Tuan Speaker, bagaimana yang ditakrifkan kebebasan media, kerana media, ada media memang dia berpihak-pihak. Media Harakah dia berpihak kepada PAS, media Keadilan dia berpihak kepada PKR. Adakah media Harakah dia buat liputan aktiviti-aktiviti ADUN-

ADUN daripada Barisan? Kita juga mempersoalkan, media cina saya tak tahu.

Media Cina mungkin ada *bias*. Ini memang media semua *bias*. Tak boleh kata dia bergantung kepada dia punya editor. Jadi, saya pun hairan bila yang PR keluar, dia keluar parti kerana dia tak percaya kepada PR. Dia tidak percaya lagi pada, bukan tuduhan, bila dia tak percaya dia keluar parti itu. Itu biasalah. Dia tak percaya dia keluar, jadi jangan salahkan mereka kerana mereka telah hilang keyakinan kepada Pakatan Rakyat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Mereka keluar kerana telah dibagi rasuah untuk keluar. Telah diberi rasuah untuk keluar.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Tuan Speaker. Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga. Tadi Y.B. Sungai Dua menyebut Harakah untuk PAS, Keadilan untuk PKR. Itu memang betul sebab akhbar-akhbar itu terang-terang kata dia untuk Ahli PAS, Ahli PKR. Tetapi Utusan dan lain-lain penerbitan, dia tak kata itu, tetapi selama ini diperalatkan ataupun menjadi alat kepada parti-parti khususnya UMNO dan Barisan Nasional, yang mempunyai agenda-agenda tertentu. Bukan seperti Harakah, Raket dan Suara Keadilan yang terang-terang kata ini surat khabar parti politik.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta sedikit penjelasan. Kalau ianya surat khabar untuk ahli-ahli, kenapa dijual secara meluas. Ia hanya jual kepada ahli lah. Di sini saya minta Kementerian Dalam Negeri mengharamkan penjualan akhbar Harakah dan akhbar Keadilan kepada orang awam. Kita haramkan penjualan. Hanya dijual kepada ahli-ahli sahaja....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Barisan Nasional, semua ini untuk menyekat kebebasan akhbar.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Apabila dikatakan untuk ahli sahaja, ahli sahaja, kenapa dijual secara meluas. Minta KDN sekat.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan. Kalau tak UMNO Barisan Nasional tak sekat kebebasan media biarlah *abolish* pintu dan *Act*, dan juga ISA. Biarlah *Freedom of Information Act* dijalankan, mengapa tidak? Boleh tolong cakap sama Kementerian Dalam Negeri, boleh?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Kita kerana kita membuat penaksiran sendiri, kita bila akhbar ini tidak berpihak kepada kita, kita kata tidak ada kebebasan akhbar. Kalau akhbar itu berpihak kepada kita. Ini tak betul kerana kebebasan, akhbar

kita bagi kebebasan pun. Akhbar kita bagi kebebasan liputan, tidak ada akhbar-akhbar juga Berita Harian kah, akhbar apa juga kadang-kadang menyiarkan berita pihak yang bukan daripada Barisan Nasional. Ini biasa. ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Minta laluan. Saya cuma nak tanya sedikit sahaja. Adakah pihak Ketua Menteri masih lagi tidak membenarkan NST untuk hadir bersama liputan dan juga Utusan. Adakah masih, *because* kita bercakap tentang kebebasan. Bersetujukah kalau betul-betul menghalang akhbar NST dan Utusan daripada dijemput untuk setiap liputan akhbar.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Itu terpulang kepada Ketua Menteri bagi jawapan dalam golongan dia. Ini kerja saya, saya bagi pandangan sahaja.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga. Tadi isu yang Y.B. Seri Delima bangkitkan, ada isu *prime time*. Kebebasan itu ada, tetapi kebebasan itu disalahkan. *Prime time* itu tidak dibenarkan. Itulah di mana kebebasan akhbar itu diputarbelitkan dan hanya isu-isu Barisan Nasional sahaja diangkat-angkat di laung-laung macam itu, yang lain isu rakyat itu, dikemudiankan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan. Saya juga menyatakan di sini media massa yang dikawal oleh Barisan Nasional UMNO digunakan untuk menghentam ahli-ahli sendiri. Dulu masa Dato' Zaid Ibrahim dalam UMNO, tak timbul pun isu dia minum arak, tak timbul isu dia judi dan sebagainya. La, bila dia datang ke parti Pakatan Rakyat, bukan lompat, datang ke Pakatan Rakyat, depa pula kata bahawa dia ini penjudi, dia minum arak dan sebagainya. Semua perkataan-perkataan itu digunakan. Jadi ini jelas menunjukkan media massa yang dikawal oleh Barisan Nasional dan UMNO, jelas sekali digunakan untuk agenda politik sendiri.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) :**

Minta penjelasan sedikit. Minta penjelasan. Saya rasa Y.B. Seri Delima silap bukan UMNO yang menuduh yang masuk PKR itu, apa minum arak, bukan UMNO yang tuduh, yang itu dok ada beberapa *bloggers*.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Y.B. Sungai Dua cukup, cukup panas. Nanti panas sekali lagi. Jadi untuk memperkuat kebebasan media terutamanya media arus perdana, iaitu satu Akta kebebasan maklumat harus dibubarkan. Walaupun dinasihatkan oleh pihak Penasihat Undang-Undang Negeri. Enakmen OFA adalah bidang

kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi saya fikir satu enakmen peringkat negeri boleh digubal misalnya satu akta warisan Negeri Melaka juga boleh digubal.

Ini boleh dilakukan. Perlembagaan Persekutuan harus dicabarkan supaya satu jalan keluar diperoleh. Tanpa tindakan cabaran tersebut saya fikir Perlembagaan Persekutuan tidak dapat disempurnakan dan selalu terduduk di dalam Parlimen tidak berpeluang untuk dikemaskinikan. Untuk .....(dengan izin), *national interest* atau juga *public interest*.

Y.B. Tuan Speaker, bagi program *special* warga emas oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang ini saya fikir ia amat berjaya, tetapi saya ingin mencadangkan satu skim *insurance medical* warga emas diberikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang supaya perbelanjaan perubatan warga emas Negeri Pulau Pinang dikurangkan. Mengapa saya cadangkan skim ini? Kerana mengikut data-data program penghargaan warga emas kebelakangan ini didapati bahawa 10% hingga 15% daripada 86,000 orang warga emas yang berdaftar merupakan orang yang sakit teruk tidak boleh bergerak dan adalah pesakit *bed ridden* .....(dengan izin). Juga daripada taburan penduduk, mengikut kumpulan umur Pulau Pinang 2006, warga emas 60 hingga 75 tahun ke atas ia menurun setiap 10 tahun bilangannya tidak banyak. Yang penting adalah bila warga emas itu berumur 59 tahun adalah satu umur untuk masuk ke *insuran last entry age* .....(dengan izin), jadi bila warga emas itu sampai 59 tahun, skim ini dijalankan dan seterusnya bila berumur 60 tahun ke atas *insurancinya automatically* disambungkan. Inilah satu cadangan yang saya fikir memanfaatkan warga emas terutamanya meringankan beban keluarga yang miskin. Saya harap cadangan ini di *materialise* kan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Haji Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan Y.B. Tanjong Bunga. Saya sokong kalau Kerajaan Negeri boleh buat skim insurans ini. Kos belanja ini menelan belanja bilion dan saya kira boleh mengurangkan *surplus* Kerajaan Negeri. Kalau orang tua-tua sakit kena *by pass* nak pergi swasta kena RM30 hingga RM40 ribu, bagus dari segi industri perubatan, ini cukup bagus. Berkenaan dengan hospitaliti yang Batu Maung cakap ini menambahkan *business industry* perubatan tetapi kos Kerajaan Negeri milion jadi kalau Kerajaan Negeri sanggup tanggung baguslah tapi surplus akan kurang.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Memang itu sudah berbilion-bilion dibelanjakan tapi asalkan ini untuk warga emas lebih baik daripada dirasuahi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Haji Hilmi bin Haji Yahaya):**

Minta laluan. Saya nak tanya sikit. Perkhidmatan perubatan telah diberikan oleh Kerajaan Pusat *free*. Bayar RM1.00 boleh jumpa pakar-pakar dan buat *by pass operation* dan sebagainya. Kalau Kerajaan Negeri nak buat memang saya sokong, kosnya amat tinggi untuk ambil insurans untuk orang tua-tua memang tinggi. Kalau Kerajaan Negeri nak buat memang saya sokong. Tapi perkhidmatan ini sudah diberi oleh Kerajaan Pusat sudah ada

hospital Kerajaan sudah ada lengkap seperti ICU yang baru ini hebat, cantik tapi kalau kita nak buat juga hebat, saya setuju.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Penjelasan. Saya tidak begitu setuju dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. Teluk Bahang. Bukankah ini adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan. Ini adalah wang yang diperoleh daripada pembayar cukai Pulau Pinang. Pulau Pinang menyumbang cukai yang begitu banyak kepada Lembaga Hasil. Pendapatan boleh dikatakan tertinggi di *Peninsular* Malaysia. Memang ini adalah kewajipan Kerajaan Persekutuan. Kalau ambil duit itu tak buat apa, apa maksudnya. Kita menyumbang. Janganlah datang ke sini menyatakan bahawa ini Kerajaan Persekutuan buat, itu Kerajaan Persekutuan buat, ini wajib dilakukan kerana penduduk di Negeri Pulau Pinang memberi sumbangan melalui membayar cukai jangan sandiwara.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Haji Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan sikit saja. Saya nak betulkan fakta. Ini mustahak Y.B. Tuan Speaker kerana saya nak betulkan fakta. *Collection* di Negeri Pulau Pinang cukai pendapatan Pulau Pinang RM1 bilion setahun. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 Kerajaan Persekutuan beri RM6.5 bilion. Itu tidak termasuk perbelanjaan-perbelanjaan yang lain. Untuk infrastruktur sahaja, untuk pembangunan. Kita dapat lebih daripada kutipan duit daripada penduduk Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Skim ini memang satu skim yang bagus untuk warga emas di Pulau Pinang. Saya fikir Kerajaan Persekutuan boleh buat program seperti itu, kalau dia ada hati. Skim ini adalah satu skim yang saya fikir Pakatan Rakyat kita yang akan memberi satu sumbangan kepada rakyat.

Y.B. Tuan Speaker, satu isu yang saya hendak bahaskan di sini ialah satu isu yang dikatakan dipinggirkan. Salah satu isu memang sudah agak lamanya dipinggirkan oleh UMNO dan juga Barisan Nasional sendiri melalui agensinya UDA. Penduduk-penduduk Kampung Tanjung Tokong telah melaung-laungkan selama 40 tahun dipinggirkan oleh UDA agensi UMNO dan juga masa Mantan Ketua Menteri terdahulu, penduduk-penduduk memohon supaya Kampung Tanjung Tokong sebagai Kampung Warisan tradisional. Pada tahun yang lalu, Y.B. Pulau Betong, Y.B. Seberang Jaya dan juga Y.B. Telok Air Tawar juga menyokong pandangan saya pada masa itu dalam Dewan yang mulia ini juga. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain terutamanya dari UMNO, bagaimana pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat ada dalam Dewan yang mulia ini setujukah Kampung Tanjung Tokong diwartakan sebagai Kampung Warisan Tanjung Tokong. Y.B. Bertam setujukah?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan. Saya rasa Yang Berhormat jangan buang masa. Dulu masa depa EXCO dulu pun tidak buat apa-apa. Setuju pun nak buat apa sekarang.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Jadi Y.B. Bertam setujukah? Sungai Acheh, setujukah. Tiada bantahan maksudnya semua setuju. Ini adalah satu tinjauan. Kalau setuju saya mengucapkan terima kasih dan minta jasa baik Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya tunaikannya dengan meminta PM satu Malaysia kita itu tunaikan dan mengotakan kampung Tanjong Tokong itu sebagai Kampung Warisan Melayu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan. Saya rasa kalau minta pada PM sekarang pun dia tidak buat apa-apa mungkin dia tunggu pilihan raya macam pengusaha-pengusaha FELDA di Ulu Selangor itu sudah 15 tahun tidak bayar duit bila masa pilihan raya dia bayar. La ini pun depa janji tapi masa pilihan raya dia akan turun.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Y.B. Tuan Speaker, seterusnya saya nak bincangkan satu isu di KADUN saya iaitu Tanjong Bunga Teluk Bahang *second corridor*. Satu forum telah pun diadakan di KADUN saya bersama-sama NGO-NGO dan penduduk-penduduk di kawasan saya dan di sini saya ingin mengisytiharkan bahawa kesimpulannya dibuatkan dalam forum itu yang bertajuk pembangunan di pantai utara bahawa sebarang saya hendak tegaskan di sini bahawa sempadan Tanjong Bunga bermula dari Jalan Gajah dan berakhir sebelum Desa Mar Vista Resort. Tanjong Bunga berada di dalam koridor dua dan diagram yang ditunjukkan dalam pelan struktur negeri telah diubah oleh Kerajaan Negeri sebelum ini menunjukkan Tanjong Bunga dalam koridor utama. Diagram tersebut dianggap tidak sah memandangkan ia telah diubah tanpa pengetahuan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini melalui bekas Ketua Menteri tanpa merujuk perundangan-perundangan yang sedia ada dan juga butiran dan maklumat.

Di dalam pelan struktur negeri dengan jelas mengatakan bahawa Tanjong Bunga berada dalam koridor ke dua dan telah melangkaui diagram yang telah di ubah. Y.B. Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri sekarang mempunyai hak perundangan dan kewajipan moral untuk membetulkan kesilapan yang ketara ini dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan Tanjong Bunga kekal di koridor kedua .

Yang Berhormat Timbalan Speaker, semua projek yang telah diluluskan dan yang belu dimulakan wajib dikaji semula terutama sekali dari segi kepadatan, kesesuaian sejajar dengan syarat koridor ke dua sama projek di mana akan datang di Tanjong Bunga dan Batu Feringhi memang mesti memenuhi syarat dan tidak melebihi kepadatan dalam koridor kedua yang disyaratkan semua projek pembangunan sedia ada dan akan datang di Tanjong Bunga dan Batu Feringhi harus mempertimbangkan keperluan atau

hak infrastruktur di dalam kawasan itu, dirayukan supaya Kerajaan kini tidak meluluskan sebarang aktiviti pembangunan pada masa depan. Dari sekarang untuk semua projek pembangunan yang melibatkan cerun berbahaya kelas 3 dan kelas 4 di Tanjong Bunga dan juga di Batu Feringhi.

Kita juga mahu memastikan semua projek pembangunan pada masa akan datang tidak menyebabkan kemudaratan alam sekitar seperti gelongsoran tanah dan hakisan yang akan membawa kepada pencemaran laut dan pantai dan seterusnya memberikan kesan yang ketara kepada penggunaan pantai dan tanah lapang. Kita juga mahu memastikan tidak ada penambakan laut sepanjang pantai utara melainkan satu laporan kajian alam sekitar atau satu *strategic environmental impact assesment* .....(dengan izin), dijalankan dan diluluskan oleh panel pakar dan sekurang-kurangnya 2 taman rekreasi awam harus diwujudkan untuk kegunaan awam.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Tanjong Bunga ....lama lagi ka? Saya bagi satu minit lagi

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Lima minit.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Tak, tak, satu minit sahaja, kerana Y.B. Tanjong Bunga telah mengambil masa 35 minit.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Ada Yang Berhormat, ada yang buat kacau jadi tak cukup masanya.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Isu yang terakhir sekali.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga ( Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Okey,...(gangguan), di sini saya nak bahaskan satu isu komuniti yang terpinggir juga di Pulau Pinang atau di seluruh Malaysia iaitu tentang satu *gender, gender*, maksud ini adalah satu *spectrum gender* lelaki dan perempuan dalam spektrum ni ada satu *spectrum transgender* memang laporan dan kajian ini boleh di dapati dari USM supaya Kerajaan Negeri kita memberi prihatin kepada komuniti ini. *Transgender* atau mak nyah, adalah istilah yang di gunakan untuk mendeskripsi orang yang melakukan , merasa, berfikir atau terlihat perbezaannya dari jenis jantina yang ditetapkan saat mereka lahir, *transgender* tidak menunjukkan bentuk spesifik ataupun dari operasi seksualnya. Definisi yang lebih mudah difahami adalah mempunyai jiwa perempuan yang terperangkap di dalam tubuh lelaki dan kewujudan bukan sesuatu aksi yang boleh di tiru, dibentuk, dipengaruhi dan sengaja diada-adakan. Terdapat komuniti, minoriti *transgender* termasuk lelaki lembut di

Pulau Pinang yang dianggarkan lebih kurang ...lebih kurang 10,000 orang yang tidak diiktiraf kewujudan mereka di masyarakat umum.

Malah kehadiran mereka dianggap satu penyakit sosial sebenarnya mereka menderita zahir dan batin, bukan kerana identiti gender mereka sebagai seorang mak nyah tetapi akibat pandangan negatif masyarakat terhadap mereka. Tiada siapa boleh menafikan yang komuniti mak nyah diabaikan segi hak-hak asasi dalam kehidupan mereka, kebajikan, kesihatan, pendidikan, pembangunan diri dan komuniti perumahan dan banyak lagi keperluan hidup asas sebagai manusia biasa tidak diberi perhatian sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab. Persatuan Perkembangan Kesihatan Keluarga Pulau Pinang membantu mengeratkan hubungan dengan mak nyah supaya mereka tidak tersisih memberi perkhidmatan klinik kesihatan reproduktif supaya mereka mengetahui penggunaan hormon dan kesan sampingannya penerangan HIV dan AIDS, penyakit kelamin perkhidmatan pemeriksaan tanpa diskriminasi dan matlamatnya mencegah daripada merawat.

#### **Y.B. Tuan Timbalan Speaker**

Ahli Tanjong Bunga. Saya satu minit tapi Yang Berhormat telah ambil lebih daripada lima minit. Saya rasa sudah cukup kot.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga ( Y.B. TuanTeh Yee Cheu):**

Nampaknya Yang Berhormat yang berada di Dewan mulia ini tak minat tentang isu ini. Ini adalah amat dikesali dan ini adalah menunjukkan satu golongan yang dipinggirkan dan hakikatnya hidup seorang mak nyah amat pedih namun is tidak perlu di kesalkan. Seorang mak nyah perlu menerima hakikat dirinya agar perjalanan hidupnya akan lebih tabah, yakin dan bersemangat. Jadi, bilakah....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya ingat buat satu persatuan mak nyah-mak nyah. Y.B. Tanjong Bunga jadi...(gangguan), ya bagus itu, cadangan baik. Itu okey, Itu okey, bagus.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga ( Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Inilah Yang Berhormat yang tidak mementingkan hak asasi manusia.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*No, no* itu bagus. *You* buat satu persatuan, jadi boleh bantu, tak salah, diri sendiri tak payah jadi mak nyah, tapi *you* boleh jadi pengerusi. Boleh bantu tak ada apa, saya sokong, saya sokong.

#### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Y.B. Seberang Jaya boleh jadi Persatuan Ibu Tunggal, Ibu Tunggal punya *Chairman*, mak nyah pun bolehlah. Tapi Yang Berhormat tak mahu bagi *you* la boleh?

## **Y.B. Tuan Timbalan Speaker**

Ahli Tanjong Bunga sila buat penggulungan. Ahli Berhormat Tanjong Bunga kerana saya kena adil kepada semua Ahli Yang Berhormat semua diberi 20 minit tetapi Ahli Tanjong Bunga telah diberi 40 minit tau. Okey sila buat penggulungan.

### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga ( Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Bilakah kemelut yang mak nyah alami akan berakhir? Bilakah kewujudan mereka akan diiktiraf dan di hormati seadanya sebagai insan? Dengan itu saya mohon menyokong ucapan Tuan Yang Terutama.

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmod bin Zakaria):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan, salam satu Malaysia, Y.B. Tuan Timbalan Speaker, Pasar malam di Ampang Jajar, letaknya di pinggir pekan, saya warga emas baru belajar, kalau salah cakap harap maafkan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya pagi tadi, bila saya melihat rakan-rakan saya ADUN memakai reben kuning, saya tertarik dalam masa yang sama saya tertanya-tanya kerana ada juga ADUN yang tak pakai, maka ketua saya jawab. Mereka kata kebebasan maka mereka bebas untuk memakai. Ada juga yang tak pakai mungkin mereka ini tidak perlu kepada kebebasan. Dan kebebasan yang jelas yang kita sebut-sebut hari ini terutamanya dari segi kebebasan akhbar dah dibincangkan banyak tadi. Yalah kita sokonglah, bebaslah. Jadi makna bila kita bebas, merdeka makna buatlah apa saja. Tapi yang malangnya sebagai mana yang disebut, dalam kita menuntut kebebasan. Dewan Negeri juga tidak membekalkan surat-surat khabar yang mereka tak suka dan tidak juga membenarkan rakan-rakan daripada akhbar tertentu untuk bersama dan ini tidak boleh kita terjemahkan sebagai kebebasan bererti kita masih ada halangan kepada kebebasan.

Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang peranan JKKK yang pertama saya dimaklumkan JKKK ini merancang dan melaksanakan pelan tindakan pembangunan kampung kawasan perumahan ke arah mewujudkan kampung kawasan perumahan yang maju, menarik dan menguntungkan.

Yang kedua menguruskan kemajuan dana kampung bagi membentuk kampung yang maju berdaya saing dan berdaya tahan dan yang ketiga mewujudkan masyarakat yang bersatu padu melalui penyertaan aktif penduduk dalam aktiviti kemasyarakatan ke arah melahirkan masyarakat yang progresif dan menamakan nilai-nilai murni serta mendukung dasar-dasar dan harapan Kerajaan. Saya cuma ingin bertanya sejauh manakah perkara yang disebut tadi telah dirancang dan dapat dilaksanakan kerana mereka berkata mereka itu adalah kalangan rakyat di kawasan saya nampak ada wujudnya kegagalan JKKK di peringkat kampung.

Yang pertama disebut juga jarang mengadakan mesyuarat kemudian aktiviti kurang dijalankan. Jadi kalau keadaan macam tu, sudah tentulah tidak sampai matlamatnya. JKKK ini ditubuhkan, yang lebih jelas dari mula kita bersidang dulu, kita sebut soal-soal dewan-dewan yang dulunya milik kita

diserah kepada JKKK, dewan-dewan tersebut yang sebenarnya adalah peruntukan Kerajaan Persekutuan di diri atas tanah Kerajaan Negeri oleh kerana undang-undang tanah begitu, maka kita serah kepada JKKK untuk mentadbirnya. Paling mendukacitakan bangunan ini di mana-mana sahaja memang keadaannya amat lesu, usang tidak dijaga dengan betul betul ini menunjukkan salah satu kegagalannya JKKK yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri ini untuk menjalankan tugas.

Y.B. Timbalan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, isu pertanian, di kawasan saya KADUN Sungai Acheh, banyak bendang atau sawah baru-baru ini bila keadaan kemarau berlakunya air tak ada yang air ini kita dapat daripada Perak, oleh kerana air itu datang dari Perak, jadi air itu dilepaskan di kawasan Perak dulu, selepas itu baru bakinya barulah di lepaskan kepada kita akibatnya petani-petani yang sepatutnya mula tanam jadualnya tidak silap saya 15 Mac terpaksa di tangguh sehingga seminggu atau 2 minggu jadi itu, saya minta Kerajaan Negeri supaya mencari satu kaedah baru supaya dapat kita mengambil bekalan air Sungai Kerian yang paling dekat dengan kita bagi mengatasi masalah sawah-sawah yang menjadi masalah setiap tahun begitu.

Yang kedua tentang Agro-Matic yang sebelum ini saya sebut mula-mula saya hadir mesyuarat, saya bertanya soal bilakah ianya nak diwartakan oleh kerana kawasan sawah ini dah banyak didirikan dengan bangunan-bangunan, bangunan membuat burung walit dan bangunan-bangunan lain termasuklah tanaman lain daripada sawah, daripada padi, iaitu tanaman kelapa sawit yang akhirnya dapat melahir musuh-musuh padi, tikus-tikus di kawasan kelapa sawit. Saya ingin mendapat penjelasan nanti bilakah ini dapat diwartakan.

Satu lagi masalah yang timbul berkaitan dengan pertanian, yang telah banyak kali saya sebut dalam Dewan ini ia tentang ternakan ikan dalam kolam di kawasan saya, di Kuala Sungai Redang, yang mana ternakan ini tidak dilesenkan yang mana ternakan ini tidak dipantau oleh mereka yang bertanggungjawab mereka menternak dengan begitu bebas sekali yang menjadi mangsa ialah petani, pesawah, peladang kelapa sawit menerima akibatnya kerana apabila kolam ini mereka hambur, maka keluarlah kelodak-kelodak kolam ini masuk ke parit, satu di Sungai Acheh yang menyebabkan parit itu menjadi jangkak yang menyebabkan apabila hujan datang maka pengusaha-pengusaha kelapa sawit dan juga sawah menerima air akibat hasil tanaman padi dan kelapa sawit berkurangan yang lebih ialah hasil penternak kolam. Saya tahu EXCO berkenaan, Y.B. Bukit Tambun telah melawat beberapa kali dan telah berjumpa dengan penternak dan telah membentuk satu jawatankuasa tindakan tapi malangnya hampir sudah 3 tahun lawatan itu telah dibuat tidak ada kesan pun yang boleh mendapat faedah daripada perjumpaan tersebut. Hampir 3 tahun, tak betul juga. Hampir 2 tahun, 2 tahun, isu belia. Saya dah timbulkan berapa kali. Hari ini masih banyak mat rempit, masih banyak remaja kita terlibat dengan dadah masih banyak penglibatan dengan jenayah, saya nak ambil contoh 42 penonton samseng jalanan ditahan, mat rempit. Ini menunjukkan menggambarkan.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, Y.B. Timbalan Speaker baru-baru ini apabila kita ada buat perjumpaan bersama dengan Polis, belia berkenaan dengan belia-belia yang suka naik motor dan sebagainya mereka sarankan supaya ADUN

menyediakan tempat khas, supaya mereka boleh merempit secara berhemah dengan mesej-mesej tertentu, jadi jangan lupalah untuk mengadakan yang dimaksudkan iaitu supaya Kerajaan Negeri melakukan sesuatu, betul tak Sungai Acheh kan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh ( Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Satu lagi masalah yang timbul oleh kerana dulunya banyak persatuan-persatuan belia wujud 4B nya, MAYC, JBB HWO, PWDC, ABIM dan lain-lain lagi ada tapi malang sekarang ini persatuan itu terkontang-kanting kerana tidak ada peruntukan tertentu kerana tidak ada pemantauan tertentu untuk membimbing belia-belia ini kerana belia persatuan ini yang paling baik sekali yang mana kita nak memantau belia-belia individu, persatuan belia tidak terima peruntukan daripada Kerajaan Negeri jelas.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Sungai Acheh boleh saya jawab sekejap? Okey, peruntukan untuk belia, Majlis Belia Pulau Pinang iaitu 2008 dan 2009 ialah RM150 ribu tetapi tahun ini Kerajaan tambah 100% itu, RM300 ribu, peruntukan negeri-negeri Kerajaan salur kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang wakil-wakil MBMPP, Haji Ibrahim dah cakap mereka terima kasih kepada Kerajaan Negeri peruntukan yang berjumlah itu. Yang sekarang Presiden Majlis Belia Negeri Pulau Pinang juga Presiden di National dan dia faham tentang komitmen Kerajaan Negeri dan bekerjasama dengan saya, so saya minta Y.B. Sungai Acheh tolong berinteraksi dengan MBPP yang dapat *information* yang punya betul. Okey, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Hai, tepuk pula. Majlis Belia Negeri, di bawahnya ada Majlis Belia Daerah, dia ada pula lagi gabungan 4B kawasan, 4B Negeri, MOIC Negeri, MAYC Negeri, JBB Negeri, HWO Negeri, PWDC Negeri, ABIM Negeri duit ini tidak sampai kepada persatuan cawangan, maksud saya. Contohnya Persatuan Belia CENAAM, dia tidak terima contoh, jadi persatuan belia ini nak aktif macam mana, tak apa, ini jelas saya dah tanya, Yang Berhormat sebut tadi dia peringkat negeri. Saya tau, negeri sampai daerah, tapi atas gabungan Majlis Belia jadi saya harap usaha tengoklah jadi kalau kita boleh usaha tengok supaya persatuan-persatuan ini hidup kemudian. Yang Berhormat berkenaan pun kena turun padang, bukan turun takat dalam kawasan bandar, luar bandar juga memerlukan supaya Kerajaan Negeri ambil berat, jadi mereka ini mendapat bimbingan dan pantauan yang baik insya-Allah perkara-perkara ini yang tak baik itu dapat kita halangi kita atasi.

Y.B. Timbalan Speaker, tuan-tuan sekalian saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada PDRM yang telah banyak membantu untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah gejala sosial. Memang banyak berlaku gejala sosial ini. Saya pun dapat faham yang pertama apa dia, tergamam melihat pelacur bogel, kemudian pusat spa sarang pelacur, di Penang, sindiket proses dadah antarabangsa ditumpas di Cerok Tok Kun, Polis menangkap yang jadi masalah kepada kita negeri keluar lesen

di bawah PBT, jadi yang sorang tangkap yang sorang bagi lesen. Sepatutnya kalau kita dah tau kawasan hiburan itu menjadi masalah tidak ikut peraturan kita kena hentikan lesen itu atau bila dia nak *renew* lesen kita jangan bagi, ataupun kita ambil tindakan tertentu yang boleh kita ambil mengikut syarat-syarat yang telah kita tetapkan.

Kemudian saya terima kasih juga kepada PDRM ini, sebab dia bantu kerja OKU dia kata sambut tahun baru di esplanade, Ketua Polis Negeri Sambut Tahun Baru dengan OKU patut Kerajaan Negeri kena buat ini terima kasih. Tu dia jangan marah sangat dekat PDRM ini dia Bantu kita. Kemudian tadi bila apa nama masalah sosial Dato' Ketua Pembangkang ada sebut, memang betul yang pun ada pengemis calar imej, Pulau Mutiara, begitu muhibah sekali. Y.B. Timbalan Speaker, tuan-tuan, puan-puan sekalian saya memohon kerjasama PBT terutamanya MPSP atau MPPP yang pertamanya sekali soal penguatkuasaan anjing-anjing liar bukan setakat di taman-taman malah di kampung-kampung juga telah banyak anjing-anjing liar lembu-lembu yang berkeliaran dan lebih-lebih lagi lalat cukup banyak di kawasan Seberang Perai Selatan.

Saya pernah menyebut dulu saya kata Darul Lalat SPS saya amat setuju apabila rakan saya Sungai Bakap meminta segerakan ternakan moden. Dato' Ketua Pembangkang pun dah sebut dulu pernah kita bagi dia buat ternakan secara tertutup, berhawa dingin mengelak lingkungan lalat banyak kita patut, benda ini kita dapat teruskan sekurang-kurang kita mengurangkan lalat sebab bila ada majlis-majlis rasmi Kerajaan termasuk pemimpin besar kita pi, terutama Ketua Menteri pun, bila dia nak makan jamuan yang dihidangkan lalat dulu yang kita terima.

Ini tanggungjawab kita, dah lama dan berkaitan dengan PBT juga saya nak mintalah kalau yang lain kita ada kuat kuasa, runtuh gerai, runtuh bangunan ini, apa salah kita juga melihat bangunan-bangunan kilang-kilang yang haram yang terdapat kalau kata kita niat nak jadi itu sebagai hasil MPSP kata supaya duit kita bertambah, kalau ia sesuai nak dihalalkan mengikut syarat apalah kita halalkan kalau dia tidak ikut peraturan maka tindakan penguatkuasaan patut dilakukan selaras dengan slogan CAT. Kemudian saya juga pernah sebut berkali-kali di kawasan saya kalau nak dibandingkan di sempadannya bersama Perak cukup comot, comot ini tak elok Y.B. Timbalan Speaker, tak elok. Sepatut kita ceriakan dengan landskapnya saya ingat dah 2 kali saya sebut dalam Dewan ini. Saya ingat sudah dua kali saya sebut dalam Dewan ini sedangkan MPSP duit banyak, jimat elok dah kata, guna duit. Apa makna duit ada kita tidak guna kerana ini imej kita. Kita tidak mahu dah kita hendak galakkan pelancong-pelancong luar negara ataupun domestik datang tempat kita biar dia masuk sempadan itu dia menarik dan minat untuk masuk kawasan kita. Saya mintalah pihak PBT segerakan.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, saya pun setuju sebab saya tengok dalam bajet MPSP RM6 juta lebih diperuntukkan untuk landskap tetapi tengok di Seberang Perai ini macam kудis-kудis sahaja. Tengok di Jalan Baharu itu di bahu jalan tengah-tengah itu tanam pokok bunga kertas, dahan-dahan nampak macam kудis-kудis yang dah berapa tahun. Saya ingat kenalah jaga landskap ini cukup mustahak. Ada peruntukan buat, tidak cukup tambah lagi sebab kita

cakap pasal Green, kita hendak kurangkan karbon dioksida dan sebagainya, pokoklah yang boleh mengeluarkan oksigen lebih, itu yang mustahak ini supaya kita boleh dapat sama-sama. Saya minta MPSP tolonglah tambah lagi untuk landskap dan saya setuju dengan Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Y.B. Tuan Speaker, yang kebetulan di sempadan saya itu ada Pusat Pengajian Tinggi, USM Cawangan Kejuruteraan, ramai orang luar Negara belajar di situ Pak Arablah, Orang Putihlah semua ada. Mereka duduk di persekitaran di situ. Satu lagi dari segi perancangan pembangunan yang kita nampak, pelan-pelan tidak tersusun. Kita takut kita tidak ikut *plan structure* kita dan saya tidak tahu macam mana pula plan tempatan kita sama ada SPS telah pun disahkan atau tidak.

Satu lagi Y.B. Tuan Timbalan Speaker, di kawasan saya nama Taman Sri Mas, salah satu taman yang penduduknya dah ramai yang kebetulan banyak pula kalangan orang Islam. Malangnya surau yang sudah lama dibangunkan di situ tidak dapat digunakan, kemudian ada pula dewan juga tidak dapat digunakan kerana tidak dapat OC. Saya pun tidak tahu, saya hendak minta kerjasama PBT yang kata bertanggungjawab, telus untuk bertindak supaya perkara ini dapat diselesaikan. Ini menjadi masalah orang Islam hendak sembahyang, hendak pergi masjid jauh. Kemudian bila buat majlis-majlis keagamaan terpaksa buat atas jalan, dewan juga begitu. Jadi saya harap pihak berkenaan dapat membantu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, ada satu masalah sensitif sedikit, tetapi janganlah fikir yang saya sebut ini saya menentangnya, pasal pantun tadi pun saya sebut kalau salah maafkan. Yang pertama masalah di Taman Sinar di tempat saya ini ada wujud sebuah gereja bina dari kedai jadi penduduk sana tidak setuju. Mereka hantar salinan pada saya jadi saya mintalah, saya tidak tahu ini mereka kata, bila mereka jumpa pegawai MPSP, mereka kata bukan saya tuduh, mereka kata ini Kerajaan Negeri, mereka kata kedai jadi gereja. Apa pun kalau boleh saya setuju dengan pandangan Dato' Yang Berhormat Seberang Jaya, apa pun kita berundinglah. Berunding dengan penduduk dahulu, dengan jiran, kita selesaikan. Bukan kita menentang tetapi ini luahan penduduk di sana.

Kemudian sahabat-sahabat saya hendak tanya lagi apa yang berlaku dengan pengambilan tanah untuk pembinaan masjid di Teluk Kumbar yang telah didaftar atas nama SSI. Apakah perkara ini akan berlaku di kawasan-kawasan lain juga. Adakah esok tanah di SPS ambil untuk masjid hendak didaftar atas SSI juga atau di mana-mana sahaja sedangkan Enakmen telah dibaca tadi bahawa ia agak bercanggah dengan Enakmen Majlis Agama Islam ataupun ada undang-undang lain yang boleh mengatasi masalah ini tetapi untuk eloknya untuk cantiknya eloklah kita daftar ataupun diserahkan kepada Majlis Agama Islam.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya juga teringin hendak sebut tentang sumbangan penghargaan RM100.00 kepada warga emas yang saya pun berada di umur itu. Mereka kata, ini saya sebut mereka kata pertama pemberian ini tidak telus. Pertama kerana yang tidak daftar mengundi tidak

dapat. Dia kata yang tidak daftar mengundi duduk di sini dia juga pembayar cukai kepada negeri kenapa dia tidak boleh, dia juga berjasa. Kemudian kedua mereka kata kenapa beri orang kaya dan miskin dapat sama? Itu mereka kata tidak adil. Dari segi keadilan kalau orang susah kita beri beras sekampit, orang yang kaya dia tidak boleh beri sekampit kerana dia duit lebih, beri setengah kampil, tidak adil namanya. Kemudian mereka juga kata ada

juga borang-borang yang disimpan di pejabat ADUN, mereka kata, tolonglah siasat, mereka kata, mereka rakyat. Saya tidak menuduh tetapi saya menyampaikan sebagai wakil rakyat, saya menyampaikan rakyat suruh menyampaikan. Mereka juga bersungut, apabila penyampaian sumbangan ini dibuat di bank sehingga menghalang orang lain hendak pergi masuk mesin ATM untuk ambil duit, ini mereka kata. Saya menyampaikan sebab saya wakil rakyat. Y.B. Tuan Speaker, tuan-tuan hadirin sekalian setakat itu dahulu, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker :**

Terima kasih, dipersilakan Ahli Kawasan Komtar.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas peluang yang diberikan bagi saya membahaskan ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang semasa merasmikan Dewan Undangan Negeri semalam. Persidangan DUN kali ini amat bermakna kerana pada 3 Mei 2010 iaitu hari kebebasan akhbar sedunia telah dipilih sebagai hari pertama persidangan. Buat pertama kalinya Ahli-ahli Yang Berhormat yang berjiwa rakyat telah memakai reben kuning dalam Dewan yang mulia ini sebagai tanda kita menyokong perjuangan wartawan-wartawan kita dalam mendukung prinsip kebebasan media selamanya. Pada pagi ini kita telah menyaksikan pelancaran sudut pidato atau lebih dikenali sebagai *Speakers Corner* di Esplanade. Ini merupakan sudut pidato pertama yang didirikan oleh Kerajaan Negeri walaupun kita terpaksa menghadapi pelbagai rintangan di mana kuasa perundangan yang ada pada pihak Polis masih tidak berubah.

Y.B. Dato' Speaker, ucapan perasmian Tuan Yang Terutama semalam telah menggariskan hala tuju pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat yang turut merangkumi pelbagai aspek termasuklah kewangan dan pembangunan negeri, pembangunan industri, pembangunan pelancongan dan sebagainya. Ini menunjukkan keseimbangan aspek-aspek yang dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berikhtiar untuk merealisasikan wawasannya untuk menjadi sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa. Baru-baru ini George Town telah dipilih oleh ECA International sebagai bandar raya kelapan, yang berada di tangga kelapan di Asia yang paling gemar dan selesa dihuni oleh *expatriate*. Ini merupakan satu lagi pengiktirafan antarabangsa terhadap usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memulihkan kegemilangan George Town sebagai ibu kota Negeri Pulau Pinang. Selain daripada dinobatkan sebagai Tapak Warisan Sedunia oleh UNESCO pada Tahun 2008.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk 10 tahun yang lepas dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966, populasi George Town telah menurun secara mendadak dan seterusnya menjejaskan daya tarikan dan status

George Town sebagai ibu kota Negeri Pulau Pinang. Keadaan ini menjadi lebih serius lagi menjelang waktu malam di mana kebanyakan kedai di Pusat Bandar terhenti operasinya selepas jam 6 atau 7 malam. Justeru itu wujud CBD atau Central Business District yang baru seperti Gurney Drive, Bandar Bayan Baru atau Bandar Baru Ayer Itam manakala George Town telah

kehilangan daya tarikannya. Kalau proses ini berlarutan, sememangnya Pusat Bandar George Town secara khususnya atau secara umumnya akan menjadi semakin mundur, pudar dan mengakibatkan apa yang dikenali sebagai *urban decline* dan *decay*. Ini mungkin merupakan satu sebab kenapa munculnya banyak kutu rayau atau pengemis di sekitar pusat Bandar George Town.

Namun begitu Kerajaan Negeri tidak berputus asa untuk mengambil pelbagai pendekatan untuk memulihkan George Town secara umumnya atau KOMTAR secara khususnya. Pemilihan KOMTAR sebagai langkah pertama kita untuk menghalau untuk memulihkan George Town secara keseluruhannya. Sekarang ini kita boleh menyaksikan betapa menariknya KOMTAR WALK dan juga ICT Mall yang akan dibuka di KOMTAR, tambahan lagi dengan First Avenue yang akan beroperasi pada September ini. Ini sedikit sebanyak akan menarik minat golongan muda untuk kembali ke George Town dan ini juga merupakan sebahagian pendekatan jangka pendek sahaja. Secara jangka panjang kita masih perlu berusaha dengan lebih gigih untuk menarik minat golongan tersebut untuk berhijrah balik ke George Town sama ada menyewa premis atau melabur hartanah di sekitar George Town.

Y.B. Dato' Speaker, George Town merupakan satu kawasan yang amat unik di mana latar belakangnya yang amat bersejarah serta corak kehidupannya yang tersendiri merupakan unsur-unsur warisan yang perlu dipelihara. Jalan Penang yang seketika dahulu merupakan zon membeli belah kegemaran ramai perlu dipulihkan zaman kegemilangan dengan idea-idea dan nafas baru. Projek pembangunan KOMTAR yang belum disempurnakan walaupun sudah hampir 40 tahun juga merupakan satu rekod yang kurang membanggakan. Walaupun George Town telah dinobatkan sebagai Tapak Warisan Sedunia ini tidak bermakna George Town tidak boleh dibangunkan lagi dan segala proses pemodenan atau pembaharuan bandar raya atau dalam kata lain *urban renewal* perlu dilaksanakan dengan serta merta. Malah kita belum menyuntik nafas dan idea-idea baru agar George Town dijana semula sebagai lambang kebanggaan kita semua.

Untuk memastikan kerja-kerja pemilihan dan penajaan semula George Town dijalankan secara lebih sistematik saya bercadang supaya Kerajaan Negeri atau PDC mengambil inisiatif untuk mengkaji cadangan penubuhan satu lembaga penajaan semula Bandaraya George Town atau *The Urban Rejuvenation Authority* for George Town di mana salah satu model yang boleh kita contohi adalah *The Urban Development Authority* yang ditubuhkan di Singapura sejak tahun 1974 atau *London Development Agency* di mana terjalannya 95 BIDS secara rasmi atau Business Improvement Districts di bawahnya.

Walaupun keseluruhan bahagian kepulauan terletak di bawah bidang kuasa MPPP tetapi jika sesuatu *entity* yang dapat menubuhkan satu sumber kekuatan dan kepakaran terhadap George Town, saya amat pasti kesannya

jauh lebih memberangsangkan. Selain daripada perancangan terhadap guna tanah *entity* sebegini juga boleh menggariskan pelan strategi jangka panjang termasuk pelan setempat yang lebih terperinci untuk membawa pembangunan fizikal serta menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan perhubungan masyarakat setempat. Lebih yang penting ialah untuk menjadikan George

Town sebagai satu tempat, satu bandar raya yang sesuai dihuni untuk bekerja serta beriadah dengan hubungan perkongsian dengan komuniti setempat maka George Town boleh dijana semula sebagai sebuah bandar raya yang dinamik ke arah pembangunan mampan serta berstatus antarabangsa.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, untuk Negeri Pulau Pinang mencapai status sebagai negeri yang bertaraf antarabangsa masalah-masalah krisis iaitu kebersihan, jenayah dan kesesakan lalu lintas perlu ditangani dengan segera selain daripada pendidikan, kita juga perlu mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap mereka yang melakukan kesalahan. Kebersihan Negeri Pulau Pinang jikalau tidak dijaga dengan baik akan menjejaskan nama baik kita semua sehingga kini kita masih nampak banyak pusat makanan dan minuman dan kekotoran mereka belum dipertingkatkan lagi. Kebanyakan penjaja yang tidak bertanggungjawab terus membuang sisa makanan terus ke dalam longkang atau sistem perparitan tanpa dikawal atau ditapis oleh *plastic trap*. Lama-kelamaan sisa makanan serta minyak yang bertakung akan menjejaskan sistem perparitan kita dengan dan seterusnya menyebarkan masalah banjir di kawasan bandar.

Saya ingin mengusulkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan membuat suatu ketetapan baru supaya semua pusat makanan dan minuman memasang *reshape* dalam tahun ini. *Reshape* pula dipasang untuk setiap tempat membasuh pinggan dan mangkuk dan bukannya satu *reshape* untuk keseluruhan premis makanan dan minuman jikalau *reshape* dipasang untuk setiap tempat pembasuhan maka lesen *establishment* untuk makanan tersebut tidak akan diperbaharui atau akan digantung supaya mereka akan memandang lebih berat terhadap perkara ini. Hanya dengan cara ini kita dapat memastikan bahawa tiada sisa makanan boleh dibuang terus ke dalam longkang dan seterusnya menjamin kelangsungan kelicinan kebersihan sistem perparitan kita.

Kesesakan lalu lintas juga merupakan satu aspek yang perlu ditangani di mana sistem pindah dan *creeping* kenderaan-kenderaan bermotor yang tidak terletak dengan baik di tempat-tempat yang tidak dibenarkan perlu dilaksanakan semula dengan adanya satu set undang-undang kecil yang baru MPPP atau MPSP perlu bersikap lebih proaktif untuk mengubah undang-undang kecil apabila perlukan untuk menangani masalah-masalah atau situasi baru. Jikalau akta atau ordinan yang sedia ada mengizinkan maka MPPP dan MPSP perlu menggunakan ruang tersebut untuk menambah baik lagi undang-undang tersebut dengan mengubah undang-undang kecil yang baru atau meminda undang-undang kecil yang sedia ada Y.B. Tuan Timbalan Speaker terdapat suatu undang-undang kecil yang di kenali sebagai undang-undang kecil MPPP (Perlesenan Anjing) telah diluluskan oleh MPPP pada tahun 2009.

Namun undang-undang kecil tersebut masih belum mendapat kelulusan MMK dan tidak dapat dilaksanakan sehingga hari ini. Undang-undang kecil

tersebut amat diperlukan memandangkan saya menerima banyak aduan yang membangkitkan bahawa terdapat kacau ganggu yang disebabkan oleh anjing yang dipelihara dalam bangunan tingkat strata seperti rumah pangsa, kondominium atau *apartment*, walaupun hak milik strata 1985 atau akta bangunan dan akta bersama 2007 memperuntukkan kuasa kepada Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan untuk mengambil

tindakan terhadap anjing yang dipelihara dalam bangunan, tingkat strata memang pimpinan TNB atau MC itu mereka takut mereka akan dibalas dendam jadi mereka amat memerlukan tindakan yang diambil oleh pegawai atau penguat kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan itu saya berharap perkara tersebut dapat dibawa perhatian kepada MMK sekali lagi supaya kelulusan dapat diberikan untuk undang-undang kecil tersebut dapat dilaksanakan demi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup penghuni atau pemilik yang menghuni bangunan serata.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya amat terkejut dengan pengumuman MPPP bahawa dalam bulan Februari dalam tahun ini MPPP akan mengubah satu garis panduan dalam tempoh 6 bulan sehingga tempoh tahun ini untuk mewajibkan operator tempat letak kereta awam milikan swasta untuk memasang CCTV demi menjamin keselamatan penggunaanya. Jikalau tempoh 6 bulan yang panjang diperlukan untuk penggubalan satu garis panduan dan 2 bulan lagi untuk pembentangan jawatankuasa dan kelulusan Majlis dan kemudiannya 3 bulan lagi untuk pemasangan dapatkah kita memastikan bahawa semua operator dapat memasang CCTV dalam tahun ini sebelum permit mereka dapat diperbaharui pada penghujung tahun ini, jawapan adalah tidak jikalau CCTV tidak dapat dipasang dalam masa yang singkat sehingga berlakunya sebarang insiden yang tidak diingini atau pun berlakunya pengorbanan nyawa atau kehilangan nyawa.

MPPP pasti akan diambil tindakan undang-undang oleh keluarga mangsa atas kelewatan kita untuk mengubah satu garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua operator tempat letak kereta awam. Sebenarnya kelewatan bagi MPPP mewajibkan semua operator tersebut memasang CCTV tidak harus berlaku kerana satu arahan yang disampaikan oleh Y.A.B Ketua Menteri kepada MPPP pada November tahun 2008 kerana sehingga hari ini perkara ini masih berada di peringkat untuk penggubalan satu garis panduan saja di mana pelaksanaan arahan itu tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Saya rasa tidak ada kena mengena tidak kena pada pegawai-pegawai tertentu maka saya berharap supaya perkara ini dapat dikaji semula supaya tempoh untuk penggubalan garis panduan dapat dipendekkan dan tindakan juga perlu diambil terhadap pegawai-pegawai yang cuba melewatkan pelaksanaan arahan ini.

Pada masa yang sama, terhadap juga tempat letak kereta baru yang tidak pernah memohon permit atau tidak diluluskan permit namun tiada tindakan diambil oleh Majlis sekarang ini jikalau perkara ini dipandang serius oleh Majlis akan menjejaskan keselamatan pengguna-penggunaanya, terdapat operator-operator yang mengenakan bayaran tempat letak kereta yang tinggi yang terlampau mahal sehingga mengakibatkan ketidakpuasan di kalangan pengguna saya ingin menggunakan kesempatan ini supaya Pihak Berkuasa Tempatan membuat kajian sama ada kadar siling bagi bayaran tempat letak

kereta boleh dikenakan oleh operator-operator tempat letak kereta yang sedia ada.

Ucapan TYT ada juga menyebut tentang Rancangan Tebatan Banjir di bandar Pulau Pinang, ingin saya nak tanya mengapakah masalah banjir kilat yang masih berlaku di Pusat Bandar George Town khususnya di kawasan sekitar Jalan Nirwana dan Jalan Ying Yau Tun yang berdekatan dengan taman lalu

lintas atau Jalan Western atau Jalan Ko Sim Bee yang berdekatan dengan Sekolah Kebangsaan Methodist walaupun projek S18 oleh JPS telah disempurnakan Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya amat prihatin dan khuatir dengan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih perkhidmatan pengendalian sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara di mana kegagalan-kegagalan episod Konsortium Indah Water pada tahun 1994 untuk mengambil alih operasi pembetungan yang sebelum ini diuruskan oleh PBT selama 20 tahun kemungkinan besar berlaku lagi.

Saya hairan apabila difahamkan oleh Akta Pengurusan Sisa Pepejal Pembersihan Awam yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 2007 sehingga kini belum dikuatkuasakan lagi. Jikalau begitu apakah rasionalnya bagi Kerajaan Negeri memutuskan untuk memohon lesen daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bagi menguruskan operasi tersebut kerana ini merupakan satu entiti yang haram mengapa kita perlu memohon PBT sebagai satu entiti yang sah yang ada statusnya di bawah undang-undang yang sedia ada kenapa perlu memohon lesen daripada sebuah entiti yang haram. Asas-asas yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih pengendalian sisa pepejal adalah ketidakupayaan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan juga untuk mengelakkan pencemaran alam sekitar namun MPPP atau MPSP dalam konteks Negeri Pulau Pinang tidak menghadapi masalah begitu yang tidak berupaya mengendalikan operasi tersebut, sebaliknya adalah Syarikat Idaman yang bakal dilantik untuk tujuan tersebut berupaya untuk mengendalikan perkhidmatan tersebut juga merupakan satu tanda tanya yang belum dapat dijawab pada masa kini. Syarikat Idaman tidak semestinya memiliki segala kepakaran dan keupayaan untuk mengendalikan sisa pepejal mereka hanya melakukan kerja-kerja tersebut dengan kakitangan-kakitangan MPPP atau MPSP yang sedia ada yang akan diserap masuk dalam syarikat mereka selain daripada itu, kedua-dua PBT perlu menyerahkan kos operasi yang dianggarkan sebanyak RM180 juta hingga RM200 juta setahun kepada syarikat Idaman logiknya adalah PBT perlu mengutip cukai tafsiran yang sebahagiannya merupakan kos pengendalian sisa pepejal yang perlu dipindahkan kepada syarikat konsesi tanpa perlu syarikat tersebut untuk mengutip wang atau bayaran dengan sendiri.

Jikalau syarikat konsesi atau kontraktor kurang atau tidak memuaskan siapa pula yang akan dipertanggungjawabkan, mengapa PBT yang selama ini kutip cukai untuk membiayai perkhidmatan tersebut perlu dirujuk hak atau dinafikan hak bidang kuasa mereka untuk memantau syarikat konsesi tersebut termasuk mendamaikan syarikat kontraktor yang kurang berprestasi untuk mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap sesiapa yang tidak membuang sampah sarapnya dengan cara yang betul. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal hanya berminat untuk menyasarkan pengurusan sisa pepejal yang melibatkan perkhidmatan untuk sisa pepejal isi rumah yang

serupa dengannya. Perkhidmatan untuk sisa pepejal yang lain seperti sisa pepejal pembinaan dan komersial masih terbuka kepada pihak-pihak lain yang berminat jikalau tiada mana-mana pihak yang berminat siapakah lagi jikalau bukan PBT yang kena bertanggungjawab ke atasnya.

Mengikut MPSP, pembinaan dan pengendalian kemudahan juga tidak termasuk dalam penswastaan maka siapakah lagi jikalau bukan PBT yang kena bertanggungjawab ke atasnya, itulah suatu modal perniagaan yang untung sebelah sahaja di mana rakyat dan Kerajaan Negeri yang disokong oleh rakyat merupakan pihak yang tidak dimanfaatkan atau yang dirugikan pengambilalihan Perbadanan Sisa Pepejal kesemua kakitangan MPPP atau MPSP untuk mengendalikan sisa pepejal dan pembersihan awam perlu diserahkan secara paksa ke dalam syarikat tersebut. Juga amat merugikan kakitangan-kakitangan tersebut mereka akan kehilangan faedah pencen dan faedah-faedah yang lain atas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, juga peruntukan hanya kepada mereka yang diberikan lesen saja boleh menjalankan apa-apa perkhidmatan sisa pepejal.

Menguruskan sisa pepejal atau menjalankan perkhidmatan pembersihan awam dalam kata lain pihak yang bukan Pertubuhan-Pertubuhan Kebajikan yang menjalankan perniagaan untuk mengutip balik secara beli surat khabar lama atau sisa-sisa pepejal yang boleh di kitar semula tanpa kacau ganggu. Selama ini akan diambil tindakan oleh MPSP adakah golongan ini akan dilayani secara adil oleh Kerajaan Persekutuan yang lebih mengutamakan kepentingan-kepentingan pihak-pihak tertentu saja.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, berkenaan pengurusan bangunan bertingkat strata, kita amat bergantung kepada Akta Bangunan dan Akta Bersama 2007 selain daripada Hak Milik strata 1985 akan tetapi Akta 663 merupakan satu perundangan yang ada banyak kelemahan serta kekurangan mekanisme yang diperlukan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta tersebut misalnya Seksyen 31 Akta 663 menyatakan bahawa Pemaju sesuatu bangunan hendaklah mendepositkan dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank apa-apa jumlah wang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pesuruhjaya Bangunan bagi menjalankan apa-apa kerja untuk memperbaiki apa-apa kecacatan pada harta bersama dalam kawasan pemajuan selepas harta bersama itu disiapkan.

Namun sehingga hari ini tiada satu ketetapan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya pemaju dapat mendepositkan wang tersebut, Seksyen 33 Akta yang sama juga menyatakan juga bahawa jika amaun caj yang kena dibayar tertunggak selama 6 bulan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Bangunan boleh atas permintaan pemaju atau Badan Pengurusan Bersama mengeluarkan satu waran penahanan atau dikenali waran *of attachment* yang membenarkan penahanan apa-apa harta alih kepunyaan pembeli yang ditemui dalam petak atau tempat lain dalam kawasan PBT. Memang terdapat banyak permintaan daripada TNB atau pembeli-pembeli supaya waran penahanan dikeluarkan sebagai satu cara untuk mengurangkan tunggakan bayaran penyelenggaraan yang ditanggung oleh TNB. Namun Pesuruhjaya Bangunan ingin melaksanakannya atas sebab masih belum ada mekanisme yang telah ditetapkan dan diputuskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan. Maka suatu cara penyelesaian yang boleh dipertimbangkan adalah Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan mekanisme tersebut atau satu garis panduan yang tersendiri yang mula dipakai di Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu supaya peruntukan tersebut dapat dilaksanakan dalam lingkungan Negeri Pulau Pinang. Selaras dengan semangat perundangan di mana keputusan Pihak Berkuasa Negeri dalam mengendalikan segala rayuan adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah.

Akhir sekali, pada asalnya saya ada mengemukakan satu usul persendirian dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Program Warga Emas tapi usul ini tidak dapat sempat dikemukakan kerana kesuntukan masa. Walau bagaimanapun saya berharap pihak Kerajaan Negeri tak kira macam mana kita perlu berhadapan dengan mana-mana tekanan termasuk kita kemungkinan menghadapi satu risiko akan ditangkap dan didakwa, disiasat dan didakwa oleh SPRM ke Mahkamah kita masih perlu untuk meneruskan program tersebut yang dapat memanfaatkan semua. Saya yang mewakili seluruh barisan penyokong yang duduk dalam Dewan yang mulia ini berasa komited untuk memberikan sokongan yang padu untuk program tersebut dan kami sanggup ditangkap, disiasat dan didakwa jikalau SPRM mengambil tindakan terhadap kita mengikut telunjuk Barisan Nasional yang berdakwah yang kononnya program tersebut berunsurkan rasuah selagi kita dapat memanfaatkan rakyat dan cara kita melalui program tersebut, akhir sekali Y.B. Tuan Timbalan Speaker saya mohon menyokong usul ini, sekian, terima kasih.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Terima kasih Ahli Y.B. Komtar. Dewan ditangguhkan dan sekarang dan akan disambung semula pada hari esok 5 Mei 2010, jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.***